



L A P O R A N T A H U N A N

**20
22**



L A P O R A N T A H U N A N

2022

KANDUNGAN



3	SIDANG EDITORIAL
4	PERUTUSAN Pengerusi
5	PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
7	INFORMASI KORPORAT
19	CARTA ORGANISASI
23	Pengerusi dan Ahli-Ahli Perbadanan
29	BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN
63	BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
81	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
87	UNIT AUDIT DALAM
91	UNIT INTEGRITI
95	FINAS CAWANGAN SARAWAK
111	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
127	BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI
147	BAHAGIAN PEMASARAN
165	BAHAGIAN GALAKAN PENGGAMBARAN
175	BAHAGIAN KREATIF DAN TEKNIKAL
185	BAHAGIAN PENGURUSAN PRODUKSI
207	BAHAGIAN KEJURUTERAAN
215	BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIOVISUAL
227	BAHAGIAN MAKMAL
237	UNIT MEDIATHEQUE
249	BAHAGIAN KEWANGAN
255	PENYATA KEWANGAN

SIDANG EDITORIAL



SIDANG PENGARANG

Sidang Pengarang merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua sumbangan dan sokongan sehingga menjayakan penerbitan laporan ini.

PENGERUSI

YB SENATOR DATUK SERI HAJAH ZURAINAH MUSA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

YBRS. PROF. DR. MD. NASIR IBRAHIM

KETUA EDITOR

PUAN NOORZILLAWATI YAHYA

PASUKAN EDITORIAL

ENCIK MAT YUSOP HASSAN

ENCIK AHMAD RIDWAN AHMAD MASRI

PUAN NUR FARHANEE MOHD RAZALI

PERUTUSAN PENGGERUSI FINAS



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sentiasa memainkan peranan yang penting dalam perkembangan industri kreatif negara terutama pembangunan bidang perfileman Malaysia. Selaras dengan aspirasi pemerkasaan ekonomi digital, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) melalui FINAS telah menggariskan beberapa perancangan dan langkah proaktif dalam memastikan matlamat penubuhan perbadanan ini berjaya dicapai dengan jayanya iaitu menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia.

Pemerkasaan industri kreatif negara ini akan dipertingkatkan merangkumi pementapan dasar dan polisi, pembangunan modal insan, pulangan pelaburan dan juga perkembangan teknologi dan inovasi dengan penelitian perancangan yang lebih mampan sebagai hala tuju jangka panjang dan mampu menjana kelestarian ekonomi dan ekosistem industri.

2022 merupakan tahun yang mencabar kepada kita semua dan industri kreatif negara perlu kekal teguh mendepani kesan pasca pandemik COVID-19. FINAS memerlukan sokongan padu semua penggiat industri untuk terus berganding bahu dan bersatu demi mencapai transformasi dalam ekosistem digital global yang serba baru dan mencabar.

Saya mewakili ahli-ahli Perbadanan ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dan menyokong FINAS selama ini dalam memastikan segala matlamat yang disasarkan dicapai dengan jayanya.

YB SENATOR DATUK SERI HAJAH ZURAINAH MUSA
Pengerusi FINAS

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Dalam merealisasikan setiap halatuju dan pemerkasaan industri kreatif negara terutama bidang perfileman, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sentiasa peka dengan keperluan pelbagai aspek dan persekitaran industri ini. Pelaksanaan strategi, program dan projek yang direncanakan pada tahun 2022 telah diperkasakan bersama-sama setiap warga kerja FINAS dan pemegang taruh supaya hasrat merakyatkan FINAS sebagai agensi kerajaan yang memberi perkhidmatan kepada pelbagai kumpulan pemegang taruh industri industri perfileman negara.

Berdasarkan Akta 244, FINAS sentiasa mendukung pembangunan industri perfileman melalui transformasi dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang pada fungsi-fungsi utama FINAS seperti pelesenan dan penguatkuasaan, latihan modal insan, pemasaran dan pelaburan sama ada domestik atau antarabangsa, pengurusan dana dan insentif, penyediaan studio dan fasiliti, restorasi khazanah audio visual, produksi, penyelidikan dan lain-lain.

Pengurusan FINAS sentiasa cakna pada keperluan dan kebajikan industri ini dalam memastikan bidang perfileman sentiasa berkembang secara proaktif dan progresif di masa hadapan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua warga FINAS yang sentiasa memberikan komitmen padu dalam menyumbangkan tenaga dan bakti selama ini.

YBRS. PROF. DR. MD. NASIR IBRAHIM
Ketua Pegawai Eksekutif





INFORMASI KORPORAT

LATAR BELAKANG

9 JULAI 1974



Mesyuarat Jemaah Menteri di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak yang diadakan memandang berat tentang masalah perusahaan perfileman di Malaysia di dalam konteks jenis filem-filem yang ditayangkan di panggung-panggung di Malaysia dengan keadaan serta struktur perusahaan filem. Justeru, satu Jawatankuasa Bertugas Mengenai Industri Perfileman (*Task Force on Film Industry*) ditubuhkan oleh Bahagian Perancangan Am di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji perusahaan perfileman di Malaysia secara keseluruhan dan memberi cadangan dan langkah penyelesaian.

- Monopoli oleh syarikat pengusahaan asing iaitu *Shaw Brothers* dan *Cathay Organization* bagi pengawalan tayangan, pawagam serta pendedaran filem asing di Malaysia;
- Pengeluar filem tempatan tidak mempunyai peluang akibat monopoli dan sistem perusahaan yang memberi keuntungan kepada pihak asing;
- Lambakan filem asing dan import yang menengahkan budaya asing menjejaskan usaha Kerajaan di dalam menjana perpaduan nasional;
- Tiada perlindungan kepada pengusaha filem dan pendedar tempatan seperti yang dibuat negara jiran contohnya Indonesia, Thailand dan Filipina.

23 APRIL 1975

Mesyuarat Jemaah Menteri pada secara prinsipnya bersetuju dengan maklum balas hasil kajian Jawatankuasa Petugas tersebut di mana salah satu hasil cadangannya ialah penubuhan Perbadanan Filem Nasional yang bertujuan memastikan industri perfileman berkembang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan nilai moraliti serta kebudayaan Malaysia selain fungsi-fungsi seperti:

- Memastikan filem-filem untuk tayangan umum sesuai dengan keperibadian dan nilai-nilai kebangsaan;
- Mengadakan undang-undang untuk kebaikan industri filem;
- Menyediakan kemudahan untuk mengembangkan industri perfileman dalam peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Mengemukakan syor-syor kepada Menteri tentang cara-cara meninggikan dan membesarkan industri perfileman;
- Memastikan cara dan sistem pengeluaran, pendedaran dan penayangan filem-filem yang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru;
- Menyelaras aktiviti-aktiviti pengeluaran, pendedaran dan penayangan filem-filem;
- Lain-lain fungsi yang perlu dan mustahak untuk kebaikan industri filem.

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh sama juga mengarahkan kedudukan dan fungsi Filem Negara Malaysia di bawah Kementerian Penerangan dikaji dan diputuskan sebelum Rang Undang-Undang Perbadanan Filem Nasional Malaysia diluluskan di Parlimen. Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Menteri YB Datuk Haji Hamzah bin Haji Abu Samah telah menjadi penyelaras bagi mengambil langkah menyelaras edaran draf Rang Undang-Undang bagi maksud penubuhan Perbadanan tersebut dan berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan cadangan atau ulasan mereka.

21 OKTOBER 1976

Draf Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1976 (*National Film Development Corporation of Malaysia Act 1976*) telah dikemukakan oleh Peguam Negara kepada Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ia adalah berasaskan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972.

1 APRIL 1977

Perbincangan di antara YB Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Haji Hamzah Abu Samah dan YB Menteri Penerangan, Datuk Amar Taib Mahmud berkaitan perkara penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, kedudukan Filem Negara dan bentuk Rang Undang-Undang Perbadanan Kemajuan Filem Negara Malaysia 1977 yang dirangka Jabatan Peguam Negara (mengambil kira penggabungan fungsi Filem Negara ke dalam Perbadanan). Ia memberi input cadangan kepada kerajaan sama ada sesuai atau tidak penyerapan Filem Negara ke dalam Perbadanan yang akan ditubuhkan berdasarkan perbezaan fungsi dan peranan.

22 FEBRUARI 1978

Mesyuarat Jemaah Menteri telah menimbangkan Kertas Bil. 82/1124/78 berkenaan penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan memberi maklumbalas agar kajian lebih mendalam dibuat khususnya monopoli oleh syarikat *Cathay* dan *Shaw Brothers* di dalam soal penyebaran dan pemilikan wayang gambar. Kertas ini ditarik balik dan dikaji semula untuk pertimbangan Jemaah Menteri di masa akan datang.

9 DISEMBER 1978

YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan dialog bersama pihak pengeluar dan pengedar bumiputera bagi mendapatkan pandangan, cadangan dan maklumbalas tentang langkah-langkah Kerajaan di dalam membantu pengusaha filem tempatan. Perkara berkaitan fungsi Perbadanan yang akan ditubuhkan turut dibincangkan bagi meminda dan memperbaiki Akta Perbadanan sebelum ianya dilaksanakan.

4 JUN 1979

YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan dialog bersama pihak *Cathay* dan *Shaw Brothers* bagi membincangkan isu monopoli syarikat asing di dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran dan penayangan serta menyatakan hasrat Kerajaan di dalam memperkasakan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan di dalam aktiviti perfileman dan seterusnya menjana ekonomi baru tanpa monopoli satu-satu syarikat sahaja.

26 JULAI 1980

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional yang dipengerusikan oleh Yang Arif Hakim Dato' Abdul Hamid Omar bagi merangka perlembagaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia serta diamanahkan menjalankan tugas-tugas awal Perbadanan, merangka dan merancang penubuhan Perbadanan serta merangka Akta 244 untuk kelulusan Parlimen.

12 DISEMBER 1980 & 9 JANUARI 1981

Rang Undang-Undang Menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 12 Disember 1980 oleh YB Dato' Lew Sip Hon, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia dan kemudiannya diluluskan di Dewan Negara pada 9 Januari 1981.

12 & 19 FEBRUARI 1981

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah mendapat persetujuan Diraja pada 12 Februari 1981 dan diterbitkan di dalam warta pada 19 Februari 1981.

28 MAC 1981

YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk pelantikan YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Samad Idris sebagai Pengerusi Perbadanan dan nama-nama Ahli Lembaga yang dicadangkan beserta En. Ismail Zain, Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan dan Sukan yang telah diberi '*secondment*' sebagai Ketua Pengarah untuk tempoh dua tahun.

7 APRIL 1981

Surat tawaran Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga melalui persetujuan YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah dikeluarkan secara rasmi.

1 MEI 1981

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 dikuatkuasakan kesemua peruntukan di dalamnya (kecuali Bahagian V) di seluruh Malaysia dan pemberitahuan ini disiarkan di dalam Warta Kerajaan bagi membolehkan ia berfungsi dan berkuatkuasa.

1 JUN 1981

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya selaras dengan tarikh rasmi pelantikan Pengerusi YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Samad Idris, En. Ismail Zain, Timbalan Pengerusi merangkap Ketua Pengarah, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan jawatan-jawatan lain yang berkuatkuasa.

18 JUN 1981

Mesyuarat pertama Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan pelancaran FINAS pada jam 3.00 petang di Bilik Gerakan Tingkat 4, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian oleh YAB Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

28 JUN 1981

Iklan pengisian jawatan bagi Akauntan, Jurutera Elektrik, Pegawai Tadbir, Pembantu Teknik dan Pegawai Kerja di akhbar.

7-17 SEPTEMBER 1981

Sesi temuduga bagi jawatan pegawai dan kakitangan FINAS. Kelulusan jawatan adalah sebanyak 12 orang kumpulan A, 1 orang dari kumpulan B, 13 orang dari kumpulan C dan 11 orang dari kumpulan D.

15 OKTOBER 1981

Kumpulan pertama penjawat FINAS bertugas secara rasmi di premis No.7, Jalan Ampang Hilir di mana FINAS yang bernaung di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia.

1 NOVEMBER 1981

FINAS beroperasi dengan pengisian lebih 70% anggota pentadbiran melalui peruntukan mengurus oleh Kerajaan sebanyak RM869,200.00 dan sebanyak RM17juta bagi rancangan pembangunan di bawah RMK Ke-4.

1 SEPTEMBER 1984

Premis FINAS berpindah ke No. 198, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

15 SEPTEMBER 1984

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Pindaan 1984 telah diwartakan dan pelaksanaannya pada tahun 1985 bagi membolehkan FINAS melesenkan syarikat-syarikat yang bergiat dalam sektor pengeluaran, pendedaran dan pemameran.

16 OKTOBER 1986

FINAS bernaung di bawah Kementerian Penerangan Malaysia.

19 DISEMBER 1988

FINAS beroperasi secara rasmi di Kompleks Studio Merdeka, Hulu Kelang.

16 JUN 1992

FINAS Wilayah Utara telah dirasmikan oleh YB Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

27 MAC 2004

FINAS bernaung di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA).

18 MAC 2008

FINAS bernaung di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA).

9 APRIL 2009

FINAS bernaung di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK).

6 APRIL 2012

Memorandum Jemaah Menteri No. M235/2012 telah bersetuju dengan cadangan penggabungan FINAS dan Filem Negara Malaysia (FNM) yang diterajui oleh FINAS.

1 JANUARI 2013

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan 2013) diwartakan.

7 FEBRUARI 2013

FINAS bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM).

15 MEI 2013 - KINI

Penggabungan FINAS dan Filem Negara Malaysia berkuatkuasa.

RUJUKAN DATA

Laporan Tahunan FINAS 1981 - 2021	Arkib Negara (Hari Ini Dalam Sejarah)	Suara FINAS Bilangan 1 Tahun 1991	Fail Perbadanan Filem Nasional T&I (DT) 012/7 1977-1981
--------------------------------------	--	--------------------------------------	---



OBJEKTIF, VISI, MISI DAN TERAS

 **OBJEKTIF**

MENGALAK, MEMELIHARA DAN MEMUDAHKAN KEMAJUAN INDUSTRI PERFILEMAN

 **VISI**

PENERAJU INDUSTRI PERFILEMAN MALAYSIA BERTARAF ANTARABANGSA

 **MISI**

- MEMACU INDUSTRI PERFILEMAN MALAYSIA KE PERINGKAT ANTARABANGSA
- MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN YANG CEKAP DAN BERKESAN
- MEMPERKASAKAN PROFESIONALISME DALAM KALANGAN PENGIAT INDUSTRI
- MENINGKATKAN SOKONGAN, PENONTONAN DAN SEMANGAT MENCINTAI FILEM TEMPATAN

4 TERAS UTAMA & STRATEGI

TERAS 01 STRATEGI	Memacu Industri Perfileman Malaysia ke Peringkat Antarabangsa				
	Penerbitan Kandungan Berkualiti	Promosi dan Pemasaran	Pelaburan (<i>Inward Investment</i>)	Kerjasama Produksi	
TERAS 02 STRATEGI	Memperkasakan Perkhidmatan dan Kemudahan Yang Cekap dan Berkesan				
	Pembangunan Fasiliti, Teknologi dan Infrastruktur	Pembangunan Data dan Penyelidikan Industri	Pembangunan Khazanah dan Warisan	Pembangunan Komunikasi	Pentadbiran dan Perundangan
TERAS 03 STRATEGI	Memperkasakan Profesionalisme Dalam Kalangan Penggiat Industri				
	Pemeriksaan Karyawan Baharu dan Profesional		Pemeriksaan Ilmu dan Profesion		
TERAS 04 STRATEGI	Meningkatkan Sokongan, Penontonan dan Semangat Mencintai Filem Tempatan				
	Galakan dan Sokongan		Pembangunan Komuniti Filem		

TAKRIFAN LOGO FINAS



Logo FINAS telah diinspirasi oleh **Allahyarham Encik Ismail Zain**, Mantan **Ketua Pengarah FINAS** dan **Cik Normah Nordin**, bekas **Penolong Pengarah Pembangunan FINAS** yang kini merupakan aktivis seni dan tenaga pengajar



Warna ungu gabungan 3 warna utama merah, kuning dan biru yang menghasilkan warna neutral, bererti memberi layanan saksama kepada mana-mana golongan penglibat industri



FINAS adalah singkatan daripada perkataan Filem Nasional Malaysia iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia



Huruf "F" yang bergarisan jalur selari dan *track* yang meliuk adalah merupai suatu fenomena dalam kamera yang mengawal pembukaan dan penutupan *aperture*



FINAS berjalur 3 adalah bermaksud peranannya memaju dan mendorong 3 aktiviti utama dalam industri iaitu pengeluaran, pengedaran dan pemameran



14 Bintang berbucu adalah gabungan 14 negeri dalam Malaysia yang merupakan gabungan kepakaran manusia dan kecanggihan peralatan bagi menghasilkan karya filem yang bermutu.

Susunan 14 bintang berbucu dalam bentuk bebola cahaya melambangkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia sebagai agensi yang menerangi industri perfileman

FINAS BEROPERASI SECARA RASMI PADA 1 JUN 1981 DI BAWAH AKTA 244 AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA 1981 (PINDAAN 2013)

“Suatu Akta untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman Malaysia, menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang perlu, yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.”

MENGALAK	MEMELIHARA	MEMUDAHKAN
Dana dan Insentif	Skim Wajib Tayang	Data dan Sistem
Modal Insan	Pelesenan dan Penguatkuasaan	Produksi
Pelaburan dan Pemasaran	Restorasi dan Arkib	Teknologi
		Infrastruktur



TAKRIF FILEM

Termasuk filem cerita, filem pendek, filem subjek ringkas, dokumentari, filem kecil dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan termasuk pita video dan ceper video berupa arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak, untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.



TAKRIF PERUSAHAAN PERFILEMAN

Termasuk aktiviti mengeluarkan, mengedar dan mempamerkan filem yang dijalankan di Malaysia.

PENGELUARAN	PENGEDARAN	PEMAMERAN
Termasuk segala aktiviti yang berhubung dengan mengeluarkan atau memproses filem-filem, atau merekod atau menyalin pita video untuk dilihat oleh orang ramai atau manamana golongan orang ramai.	Termasuk menyewa dan meminjamkan filem-filem untuk nkeuntungan atau selainnya, mengimport dan mengedarkan filem-filem yang dikeluarkan di luar negeri dan mengedarkan filem-filem yang dikeluarkan di dalam negeri.	Tayangan filem-filem untuk dilihat oleh orang ramai atau manamana golongan orang ramai.

TUGAS PERBADANAN MERUJUK KEPADA (AKTA 244) AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (PINDAAN 2013) SEKSYEN 6 (1)

A

Membuat syor kepada Menteri tentang dasar, cara dan langkah yang hendak diambil untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman;

B

Untuk memaju dan mendorong perkembangan dan mengekalkan taraf perusahaan perfileman dengan berbagai cara, termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidikan dan nasihat;

C

Untuk mengawal dan menyelaraskan aktiviti orang dan badan berkaitan dengan perkara yang berhubungan dengan perusahaan perfileman;

D

Amnya untuk menggalakkan dan membantu dalam memajukan perusahaan perfileman di dalam dan di luar Malaysia;

E

Untuk mengawal dan mengawasi pengeluaran, pengedaran dan pameran filem dalam Malaysia dan berhubung dengannya membuat peruntukan bagi mengeluarkan lesen;

F

Untuk mengurus dan mengawasi penyenggaraan dan pengendalian tempat dan peralatan kepunyaan Perbadanan bagi maksud subseksyen (2)(c);

G

Menyebarkan maklumat mengenai dasar, program dan pencapaian Kerajaan melalui pengeluaran filem; dan

H

Merakam liputan peristiwa bagi maksud arkib

KUASA-KUASA PERBADANAN (AKTA 244) PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA 1981 (PINDAAN 2013) SEKSYEN 6 (2)

- ✧ Untuk bekerjasama dengan agensi Kerajaan, atau pertubuhan perbadanan atau orang perseorangan dalam menjalankan tinjauan dan kajian berkenaan dengan perusahaan fileman dan dalam menjalankan kajian kemungkinan bagi memajukan perusahaan fileman tempatan;
- ✧ Untuk mengadakan kemudahan latihan dan untuk mengawas dan menyelia pelaksanaan projek dan program latihan berhubung dengan perusahaan perfileman;
- ✧ Untuk mengadakan atau membantu dalam pengeluaran perkhidmatan, kemudahan dan peralatan perfileman untuk pengeluar, pengedar dan pempamer filem dan pemunya dewan wayang gambar;
- ✧ Untuk menerima sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya, apa-apa komisen atau bayaran yang dipersetujui;
- ✧ Untuk memberi bantuan kewangan melalui pinjaman, kemudahan kredit, geran, pelaburan atau apa-apa bentuk bantuan kewangan lain dan mengambil bahagian dalam pengeluaran filem;
- ✧ Untuk menetapkan dan melevi fi atau bayaran lain berhubung dengan pelaksanaan tugasnya dan perjalanan kuasanya di bawah Akta ini;
- ✧ Untuk mengambil bahagian dalam pertubuhan antarabangsa yang berkaitan dengan perusahaan perfileman dan untuk mengadakan, menganjur dan mengambil bahagian dalam pesta, pameran dan seminar filem atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya di dalam dan di luar Malaysia;
- ✧ Untuk menubuhkan institusi, pusat, pusat kecil dan bengkel untuk menjalankan penyelidikan dan aktiviti lain yang perlu bagi atau yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan perfileman;
- ✧ Untuk mengadakan dorongan bagi perusahaan perfileman;
- ✧ Untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai pelbagai aspek perusahaan perfileman;
- ✧ Mengeluarkan rakaman liputan peristiwa bagi maksud arkib atau mengeluarkan apa-apa filem atau rakaman yang kerajaan fikirkan perlu bagi maksud pendidikan, penerangan, seni, budaya dan perkara lain yang disyorkan oleh Perbadanan;
- ✧ Untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.



CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI FINAS

**KETUA
PEGAWAI
EKSEKUTIF**

**TIMBALAN
KETUA PENGARAH
(Pengurusan)**

**BAHAGIAN
PEMASARAN**

**Unit
Pasaran
Antarabangsa**

**Unit
Penerbitan**

**Unit
Promosi**

**BAHAGIAN
GALAKAN
PENGAMBARAN**

**Unit
Film in Malaysia
Office (FIMO)**

**Unit
Kerjasama
Strategik**

**BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
INDUSTRI**

**Unit
Latihan
Industri**

**Unit
Galakan
Industri**

**Unit
Khidmat
Produksi**

**BAHAGIAN
KEWANGAN**

**Unit
Belanjawan &
Akaun**



**Unit
Perolehan**

**BAHAGIAN
KHIDMAT
PENGURUSAN**

**Unit
Pentadbiran**

**Unit
Pengurusan
Sumber Manusia**

**Unit
Teknologi
Maklumat**





PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN

PENGERUSI DAN TIMBALAN PENERUSI



**YBRS. TUAN ZAKARIA
ABDUL HAMID**

Pengerusi
23 Mei 2020 - 22 Mei 2022



**YBHG. DATO' NORMAN
ABDUL HALIM**

Timbalan Pengerusi
23 Mei 2020 - 22 Mei 2022

AHLI-AHLI PERBADANAN



**YBHG. DATO' SRI HAJI
MOHAMMAD MENTEK**

Ahli Perbadanan / Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
22 Dis 2021 - 6 Jul 2022



**YBHG. DATO. NORHYATI
MOHD ISMAIL**

Ahli Perbadanan
23 Mei 2020 - 22 Mei 2022



**YBHG. DATO' PROF. TS. DR.
ABDUL RAZAK MOHAIDEEN**

Ahli Perbadanan
23 Mei 2020 - 22 Mei 2022

AHLI-AHLI PERBADANAN



**ENCIK IDWAN ARIFF
ABDUL RAHMAN**

Ahli Perbadanan / Wakil Ketua
Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
8 Sep 2020 - Sekarang



**YB DATUK KHAIDHIRAH
DATUK SERI ABU ZAHAR**

Ahli Perbadanan
1 Jan 2022 - 1 Ogos 2022



**ENCIK KU MOHAMAD HARIS
KU SULONG**

Ahli Perbadanan
23 Mei 2020 - 22 Mei 2022



**ENCIK DENES KUMAR
A/L RAGUPATHY**

Ahli Perbadanan
23 Mei 2020 - 22 Mei 2022



PUAN LINA TAN SUAN JEU

Ahli Perbadanan
23 Mei 2020 - 22 Mei 2022

PENGERUSI DAN TIMBALAN PENERUSI



**YB SENATOR DATUK SERI
HAJJAH ZURAINAH MUSA**

Pengerusi
10 Jun 2022 - 8 Dis 2022



ENCIK ROZAIDI ABDUL JAMIL

Timbalan Pengerusi
8 Nov 2022 - 16 Dis 2022
Ahli Perbadanan
15 Ogos 2022 - 7 Nov 2022

AHLI-AHLI PERBADANAN



**YBRS. PROF. DR. MD.
NASIR IBRAHIM**

Ahli Perbadanan
5 Dis 2022 - 4 Mei 2023



**PUAN MASTURA
AHMAD MUSTAFA**

Ahli Perbadanan / (TKSU) Wakil Ketua
Setiausaha Kementerian Komunikasi
dan Multimedia
7 Jul 2022 - 5 Okt 2023



**YBHG. DATUK SERI HAJI
ROSMADI HAJI ISMAIL**

Ahli Perbadanan
15 Jun 2022 - 16 Dis 2022

AHLI-AHLI PERBADANAN



**YBHG. KOLONEL BERSEKUTU (PA)
DATO' ZAIDAH AWANG**

Ahli Perbadanan
15 Jun 2022 - 16 Dis 2022



ENCIK AHMAD IBRAHIM

Ahli Perbadanan
1 Jul 2022 - 16 Dis 2022



**ENCIK SHURES A/L
RATNAKRISHNAN**

Ahli Perbadanan
15 Jun 2022 - 16 Dis 2022



ENCIK HAM KOU HEE

Ahli Perbadanan
1 Jul 2022 - 16 Dis 2022



BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

OBJEKTIF

Menjadi ‘*Think Tank*’ (perancang pemikir) dan ‘*Strategic Integrator*’ (penghubung strategik) bagi perancangan, penyelidikan dan pelaksanaan sesuatu dasar / program / projek oleh FINAS sebagai organisasi yang menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia.

JUMLAH BAJET DILULUSKAN 2022 (RM 1,067,544.87)

UNIT

DASAR

AKTIVITI UTAMA UNIT DASAR PADA TAHUN 2022



PENYELARASAN PINDAAN AKTA FINAS 1981(AKTA 244)

Akta 244 dicadangkan dipinda bagi tujuan:

- ✦ Memperkukuhkan dan memantapkan kuasa FINAS sebagai sebuah agensi yang mengawal industri perfileman.
- ✦ Menambah baik fungsi dan kuasa FINAS agar relevan dengan perkembangan teknologi semasa / era digital melibatkan industri perfileman.
- ✦ Membolehkan industri filem/ kreatif negara berkembang dan bersaing secara sihat di arena tempatan dan antarabangsa melalui peranan FINAS.



Sepanjang tahun 2022, telah diadakan sesi perbincangan dan bengkel bagi tujuan maklumbalas dan pandangan daripada pihak kementerian, agensi yang berkaitan, ahli akademik dan penggiat industri perfileman (Jadual 1).

**Jadual 1: Sesi Perbincangan dan Bengkel Pindaan Akta FINAS 1981
diadakan pada tahun 2022**

MESYUARAT DAN BENGKEL	TARIKH
Sesi perbincangan penyelarasan pindaan akta dan peraturan di bawah FINAS	14 Mac 2022
Bengkel pemerkasaan draf pindaan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Akta 244 dan Perundangan-Perundangan Kecil siri 1	11 - 14 Jun 2022
Bengkel pemerkasaan draf pindaan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Akta 244 dan Perundangan-Perundangan Kecil siri 2	4 - 6 Ogos 2022

PENYELARASAN SEMAKAN SEMULA DASAR PERFILEMAN NEGARA (DFN)

➤ Mesyuarat *War Room* K-KOMM pada 8 Disember 2020, Pengurusan Tertinggi K-KOMM bersetuju DFN 2005 disemak semula supaya satu dasar perfileman yang baru dapat disediakan bagi memperkukuhkan industri perfileman tempatan supaya berdaya saing dengan perkembangan semasa (teknologi dan infrastruktur) serta dapat menyelesaikan cabaran penggiat industri tempatan dalam lanskap industri perfileman dunia yang semakin berkembang maju.

➤ Bengkel Pemerkasaan DFN 2022 telah diadakan bersama kementerian, agensi, pakar akademi dan penggiat industri pada 11 Mei 2022 dalam usaha memperhalusi DFN. Bengkel ini telah dihadiri oleh pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Universiti Multimedia Malaysia (MMU), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan *International University of Malaya-Wales* (IUMW).

URUSAN PARLIMEN

Persidangan Dewan Rakyat Dan Dewan Negara Penggal Kelima Parlimen Keempat Belas.

➤ Unit Dasar berperanan sebagai urus setia di peringkat FINAS bagi menyelaras dan menyediakan draf jawapan bagi pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

➤ Pada tahun 2022 sebanyak tiga (3) Persidangan Dewan Rakyat dan tiga (3) Persidangan Dewan Negara telah diadakan seperti di jadual 2.

➤ Parlimen Keempat Belas telah dibubarkan pada 10 Oktober 2022.

Persidangan Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Kelima Belas telah diadakan pada 19 hingga 20 Disember 2022. Tiada soalan berkaitan FINAS / Industri perfileman tempatan sepanjang tempoh mesyuarat bersidang.

Persidangan Dewan Negara Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Kelima Belas telah diadakan pada 21 Disember 2022. Tiada soalan berkaitan FINAS / Industri perfileman tempatan sepanjang tempoh mesyuarat bersidang.

Jadual 2: Maklumat Persidangan Parlimen Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas.

PERSIDANGAN PARLIMEN	TEMPOH PERSIDANGAN	BILANGAN JAWAPAN DISEDIKAN BAGI SOALAN BERKAITAN FINAS / INDUSTRI PERFILEMAN TEMPATAN
DEWAN RAKYAT		
Mesyuarat Pertama Penggal Kelima	28 Februari hingga 24 Mac 2022	1 Jawapan Lisan dan 2 Jawapan Bukan Lisan
Mesyuarat Kedua Penggal Kelima	18 Julai hingga 4 Ogos 2022	1 Jawapan Bukan Lisan
Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima	3 Oktober hingga 29 November 2022	4 Jawapan Lisan dan 1 Jawapan Bukan Lisan
DEWAN NEGARA		
Mesyuarat Pertama Penggal Kelima	21 hingga 31 Mac 2022	1 Jawapan Bukan Lisan
Mesyuarat Kedua Penggal Kelima	8 hingga 16 Ogos 2022	2 Jawapan Lisan dan 1 Jawapan Bukan Lisan
Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima	21 November hingga 7 Disember 2022	Tiada soalan berkaitan FINAS / Industri Perfileman tempatan



PENYELARASAN MEMORANDUM JEMAAH MENTERI

Sebanyak satu (1) kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) telah diselaraskan oleh Unit Dasar pada tahun 2022:

- Memorandum Jemaah Menteri Cadangan Penukaran Tarikh Sambutan Hari Seniman daripada 29 Mei kepada 22 Mac Setiap Tahun dan Mengadakan Sambutan Hari Seniman.



JAWATANKUASA TRANSFORMASI FINAS

⇒ Jawatankuasa Transformasi FINAS ditubuhkan untuk menyelaraskan dan memperkasakan anjakan dasar, polisi, strategi, inisiatif dan tindakan baharu yang bersasar dan komprehensif di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk FINAS dan industri perfileman negara yang

telah digariskan sebagai Indeks Pengukuran Prestasi Ahli Perbadanan FINAS sejak Jun 2020.

⇒ Keahlian jawatankuasa terdiri daripada Ahli Perbadanan FINAS dan Unit Dasar bertindak sebagai urus setia (Jadual 3).

Jadual 3: Keahlian Jawatankuasa Transformasi FINAS

AHLI JAWATANKUASA	JAWATAN
YBhg. Dato' Norman Abdul Halim	Pengerusi Jawatankuasa
YBhg. Prof. Dato' Ts Abdul Razak Mohaideen	Ahli Jawatankuasa
YBrs. Encik Ku Mohamad Haris Ku Sulong	Ahli Jawatankuasa

Objektif Jawatankuasa Transformasi FINAS adalah:

- ⇒ Mencadang dan mensyorkan perancangan, pelan, halatuju, strategi dan tindakan komprehensif terkini bagi transformasi FINAS dan industri untuk kelulusan Ahli Perbadanan sebagai dokumen rasmi kepada YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- ⇒ Menganalisa potensi, kelemahan, cabaran dan peluang pemerkasaan bagi inisiatif/program/projek yang telah digerakkan FINAS bermula Jun 2020 kepada penggiat industri khususnya dalam tempoh pandemik.
- ⇒ Menyelaraskan komunikasi efektif dan berkesan di antara Ahli Perbadanan dan pihak pengurusan bagi memastikan penyampaian dan perkhidmatan organisasi yang cekap dan berkesan kepada industri.

- ⇒ Menyelaraskan sinergi dua hala di antara FINAS dan pemegang taruh industri sebagai medium rujukan dan data sokongan untuk proses penjenamaan organisasi dan pemerkasaan industri.
- ⇒ Menyelia, memantau dan memastikan kecekapan pelaksanaan perancangan, pelan, halatuju, strategi dan tindakan komprehensif mengikut garis masa yang telah ditetapkan.
- ⇒ Melaksanakan apa-apa arahan dan mandat terkini yang telah dipersetujui dan diluluskan melalui bidang kuasanya oleh Ahli Perbadanan.

Jawatankuasa Transformasi FINAS telah mengadakan sebanyak satu (1) sesi mesyuarat pada tahun 2022 (Jadual 4).

Jadual 4: Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi FINAS yang diadakan pada tahun 2022

MESYUARAT	TARIKH
Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi FINAS Bil. 1/2022. Mesyuarat bersama Pengarah Makmal	31 Januari 2022

Jawatankuasa telah membentangkan laporan Transformasi FINAS di dalam mesyuarat kerja Ahli Perbadanan FINAS pada 24 hingga 26 Februari 2022.



JAWATANKUASA PEMILIHAN PANEL PEGUAM FINAS

Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan:

- Menyemak permohonan penggunaan perkhidmatan perundangan yang dikemukakan oleh bahagian / unit di dalam FINAS;
- Memantau prestasi setiap panel peguam yang dipilih untuk melaksanakan kerja-kerja yang telah diberikan;dan
- Memastikan bahawa pengarah bahagian/ ketua unit sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan berkaitan penggunaan perkhidmatan perundangan.
- Membuat pemilihan peguam daripada senarai Panel Peguam yang telah dilantik oleh FINAS bagi melaksanakan perkhidmatan perundangan yang dipohon oleh bahagian / unit di dalam FINAS;

Sepanjang tahun 2022, sebanyak enam (6) mesyuarat jawatankuasa telah diadakan (Jadual 5).

Jadual 5: Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS yang diadakan pada tahun 2022

MESYUARAT	TARIKH
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bil.1/2022	21 Januari 2022
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bil.2/2022	3 Mac 2022
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bil.3/2022	28 April 2022
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bil.4/2022	2 Ogos 2022
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bil.5/2022	7 Oktober 2022
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bil.6/2022	14 November 2022



JAWATANKUASA *TASK FORCE* INDUSTRI KREATIF

- Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia adalah bertujuan untuk menyediakan satu pelan tindakan jangka pendek untuk memperkasakan ekosistem industri kreatif selaras dengan teknologi serta tuntutan semasa dan secara tidak langsung memberi manfaat penggiat penggiat industri kandungan kreatif negara.
- Pada tahun 2022, satu (1) mesyuarat jawatankuasa *Task Force* Industri Kreatif ini telah diadakan pada 8 Februari 2022 dan telah dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.




PROGRAM TOWNHALL BAGI SESI LIBAT URUS BAJET 2023 DENGAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN 1 DAN FINAS BERSAMA PENGGIAT INDUSTRI KREATIF

- Program yang dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Kewangan 1 adalah bertujuan membincangkan dan mendapatkan input bagi perancangan Bajet 2023 yang lebih komprehensif dalam sektor industri kreatif negara serta mengenal pasti isu, cabaran dan
- resolusi industri filem melalui perkongsian input secara dua hala bersama pemegang taruh.
- Program ini telah diadakan pada 30 Ogos 2022, di Studio *Sound Stage*, Kompleks Studio Merdeka FINAS.



KESEJAHTERAAN PROFESION INDUSTRI PERFILEMAN NEGARA

Dalam usaha FINAS menggalak, membantu, menyelia dan kesejahteraan profesion industri kreatif negara, beberapa siri libat urus bersama KWSP, PERKESO dan MYIPO telah dilaksanakan. Hasil daripada siri perbincangan, sesi *townhall* dan aktiviti serta program yang dilaksanakan bersama, beberapa keputusan telah dicapai diantaranya adalah pematuhan caruman PERKESO kepada penerima Dana Kandungan Digital, manakala pematuhan caruman KWSP kepada penerima Dana Kandungan Digital akan diselaraskan. FINAS dan MYIPO juga dalam kerangka penyediaan dasar dan garis panduan kepada usaha memelihara harta intelek yang dijana melalui industri kreatif Negara.





BENGKEL PEMERKASAAN DRAF PINDAAN AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA, AKTA 244 DAN PERUNDANGAN-PERUNDANGAN KECIL SIRI 1 PADA 11-14 JUN 2022



BENGKEL PEMERKASAAN DRAF PINDAAN AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA, AKTA 244 DAN PERUNDANGAN-PERUNDANGAN KECIL SIRI 2 PADA 4-6 OGOS 2022



BENGKEL PEMERKASAAN DRAF DASAR PERFILEMAN NEGARA 2022 PADA 11 MEI 2022



MESYUARAT JAWATANKUASA TRANSFORMASI FINAS BIL.1/2022




MESYUARAT FINAS BERSAMA PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO) PADA 8 NOVEMBER 2022



SESI LIBAT URUS BERSAMA KWSP PADA 26 APRIL DAN 21 OKTOBER 2022



SESI LIBAT URUS BERSAMA PERKESO PADA 2 OGOS 2022



TOWNHALL SESSI LIBAT URUS BAJET 2023 BERSAMA TIMBALAN MENTERI KEWANGAN, FINAS DAN PENGGIAT INDUSTRI KREATIF PADA 30 OGOS 2022 (SELASA) BERTEMPAT DI STUDIO SOUND STAGE FINAS HULU KELANG

PENYELIDIKAN

PENGENALAN

Unit ini berperanan dalam memastikan perancangan, pembangunan dan kajian yang berkaitan dengan Dasar Perfileman dilaksanakan dengan efektif. Tugas seperti mengumpul dan menganalisis data serta maklumat berkaitan industri perfileman adalah fokus utama unit ini. Unit Penyelidikan terdiri daripada 4 orang penjawat iaitu dua orang Pegawai Tadbir (N44 dan N41), seorang Pegawai Eksekutif (N29) dan seorang Pembantu Tadbir (N19).

FUNGSI

- ✦ Pengurusan dalam penyediaan Buku Laporan Tahunan FINAS
- ✦ Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi.
- ✦ Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi.
- ✦ Pengurusan Jaringan Komunikasi Data Global.
- ✦ IPengurusan Kajian Industri.
- ✦ Penyelarasan kajian penyelidikan industri.

SENARAI PROGRAM / PROJEK UTAMA SEPANJANG TAHUN

- ✦ Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi.
- ✦ Kajian penyelidikan industri perfileman.
- ✦ Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	PENCAPAIAN 2022
1	Pengurusan dalam penyediaan Buku Laporan Tahunan FINAS	Sekali setahun
2	Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi	Sepanjang Tahun
3	Pengurusan Kajian Industri	Sepanjang Tahun
4	Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi	4 kali (Sukuan)
5	Pengurusan Jaringan Komunikasi Data Global	Sepanjang Tahun
6	Arahan dari semasa ke semasa	-

SENARAI PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2022

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Pengurusan dalam penyediaan Buku Laporan Tahunan FINAS	1 kali	1 kali
2	Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi	Sepanjang Tahun	Sepanjang Tahun
3	Pengurusan Kajian Industri	1 Kajian	1 Kajian
4	Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi	4 kali	4 kali
5	Pengurusan Jaringan Komunikasi Data Global	Sepanjang Tahun	Sepanjang Tahun

DATA PAWAGAM DI MALAYSIA

TAHUN	2022
JUMLAH PAWAGAM	165
JUMLAH SKRIN	1,203
JUMLAH TEMPAT DUDUK	194,686

JUMLAH PAWAGAM MENGIKUT NEGERI

BIL	NEGERI	BILANGAN PAWAGAM
1	Johor	26
2	Melaka	6
3	Negeri Sembilan	6
4	Selangor	36
5	Kuala Lumpur	26
6	Putrajaya	2
7	Labuan	1
8	Perak	17
9	Pulau Pinang	11
10	Kedah	9
11	Perlis	-
12	Terengganu	2
13	Kelantan	-
14	Pahang	5
15	Sarawak	9
16	Sabah	9
	JUMLAH	165

SENARAI PAWAGAN TAHUN 2022

SENARAI PAWAGAN	SKRIN	SEAT	JUMLAH PAWAGAM
JOHOR			
TGV AEON Tebrau	10	1,731	1
TGV AEON Bukit Indah, Johor Bahru	9	1,614	1
TGV AEON Kulai Jaya	5	1,203	1
TGV Toppen Shopping Centre, Taman Desa Tebrau, JB	9	1,443	1
GSC Paradigm Mall, Johor Bahru	16	2,107	1
GSC Mid Valley Southkey, Johor Bahru	18	1,645	1
MBO Kluang Mall	6	963	1
MBO Cinemas Square One, Batu Pahat	8	1,189	1
MBO Cinemas U Mall, Skudai	5	601	1
MBO KSL City Mall, Johor Bahru	8	1,378	1
MBO Heritage Mall, Kota Tinggi	7	1,043	1
MBO AEON Mall Bandar Dato Onn	5	663	1
MMCineplexes City Square, Johor Bahru	10	2,230	1
MMCineplexes IOI Mall, Kulai Jaya	6	920	1
MMCineplexes 1SEgamat Shopping Complex	8	1,703	1
LFS Plaza Tasek Cineplex, Skudai	3	619	1
LFS Skudai Parade, Johor Bahru	4	938	1
Paragon Cinemas, Batu Pahat Mall	7	1,060	1
Super Star Cinema Ulu Tiram Mall	8	1,373	1
Super Star Cinema Bandar Seri Alam, Masai	4	543	1
Superstar Cinema U Sentral, Segamat	5	668	1
Emperor Cinemas, R&F Mall, Johor Bahru	8	745	1
Womei Cineplex, Beletime Shopping Mall, Johor Bahru	9	1,041	1
KPI Broadway Theatre, Johor Bahru	1	244	1
Blockbuster Cineplexes, Kompleks Perling Mall, Johor Bahru	2	582	1
Suara Screen, Pasir Gudang	2	260	1

SENARAI PAWAGAN	SKRIN	SEAT	JUMLAH PAWAGAM
MELAKA			
GSC Dataran Pahlawan	10	2,004	1
GSC AEON Bandaraya Melaka	10	1,783	1
MBO Cinemas Melaka Mall, Ayer Keroh	7	1,208	1
MBO Elements Mall, Taman Melaka Raya	10	1,584	1
MMCineplexes Mahkota Parade	4	645	1
MMCineplexes Mesa Mall, Nilai	9	1,088	1
Suara Screen, Soon Seng Plaza, Jln Hang Tuah	2	159	1
NEGERI SEMBILAN			
TGV AEON Seremban2	7	1,191	1
GSC Terminal One, Seremban	4	1,010	1
GSC Palm Mall Seremban, Kemayan Square	10	1,659	1
MBO Cinemas Era Square Mall, Terminal 2, Seremban	10	1,449	1
MMCineplexes Bahau Cineplex	6	1,036	1
SELANGOR			
TGV Bukit Raja, Klang	8	1,428	1
TGV The Mines Resort, Seri Kembangan	5	939	1
TGV AEON Bukit Tinggi	10	1,833	1
TGV Sunway Pyramid, Bandar Sunway	11	1,577	1
TGV AEON Anggun, Rawang	8	1,301	1
TGV Setia Walk, Puchong	9	1,690	1
TGV One Utama, Petaling Jaya	12	1,845	1
TGV Encorp Strand Mall, Kota Damansara	8	1,021	1
TGV Jaya Shopping Centre , Petaling Jaya	8	979	1
TGV D Pulze, Cyberjaya	8	1,117	1
TGV Central I-City, Shah Alam	9	1,650	1
GSC Summit USJ, Subang Jaya	7	931	1
GSC One Utama, Petaling Jaya	13	2,180	1
GSC IOI Mall Puchong	10	2,092	1
GSC 3 Damansara (Tropicana City Mall), PJ	8	1,465	1
GSC Setia City Mall, Shah Alam	9	1,570	1
GSC Paradigm Mall, Petaling Jaya	9	1,566	1
GSC Klang Parade	8	1,323	1
LFS Selayang Capitol Cimplex	4	530	1

SENARAI PAWAGAN	SKRIN	SEAT	JUMLAH PAWAGAM
LFS State Cineplex, Petaling Jaya	2	435	1
LFS Metro Plaza, Kajang	2	474	1
LFS Sri Intan, Klang	4	527	1
LFS Sun Cineplex, Rawang	1	372	1
MMCineplexes 1PLaza, Kuala Selangor	5	733	1
MMCineplexes Shaw Centre Point, Klang	4	875	1
MBO Cinemas Harbour Place, Port Klang	11	1,422	1
MBO Cinemas Subang Parade, Subang Jaya	8	1,336	1
MBO Space U8 Mall, Shah Alam	7	1,466	1
MBO Citta Mall, Petaling Jaya	9	1,611	1
MBO Starling Mall, Petaling Jaya	10	1,457	1
MBO Atria Shopping Gallery, Damansara Utama	8	1,229	1
MBO Tropicana Gardens Mall, Kota Damansara	12	1,200	1
CineHouse Sky Park One City, Subang (a.k.a Premium-X Cinemas)	12	1,054	1
TSR Cinemax, IRDKL Mall, Shah Alam	8	1,251	1
Amerin Cineplex, Amerin Mall, Seri Kembangan	8	1,062	1
MY Cinema Banting	4	1,000	1
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR			
TGV Suria KLCC, Kuala Lumpur	12	2,324	1
TGV AEON, Cheras Selatan	8	1,293	1
TGV AEON Metro Prima, Kepong	6	1,340	1
TGV Wangsa Walk Mall, Wangsa Maju	9	1,622	1
TGV 1SHamelin Shopping Mall, Tmn Shamelin Perkasa	8	1,586	1
TGV Cheras Sentral, Cheras	8	1,313	1
TGV AEON AU2, Taman Keramat	6	1,257	1
TGV Sunway Putra Mall, Jalan Putra	6	1,060	1
TGV Sunway Velocity Mall, Maluri	9	1,590	1
GSC Midvalley Shopping Centre	21	2,763	1
GSC Cheras Leisure Mall	4	974	1
GSC AURUM Theatre, The Gardens Mall , Midvalley	7	572	1
GSC Berjaya Times Square	9	1,426	1
GSC Quill City Mall, Jln Sultan Ismail	10	1,751	1
GSC NU Sentral, Jalan Tun Sambanthan	11	1,783	1
GSC MyTown Shopping Centre, Jln. Cochrane	13	1,795	1

SENARAI PAWAGAN	SKRIN	SEAT	JUMLAH PAWAGAM
GSC Melawati Mall, Taman Melawati	10	1,424	1
GSC Eko Cheras Mall	8	1,161	1
MMCineplexes e@Curve, Damansara	12	1,968	1
MBO Kepong Village Mall	7	1,066	1
MBO Setapak Central (KL Festival City)	7	1,020	1
MBO Brem Mall, Kepong	12	1,810	1
LFS Coliseum, Jln TAR	2	471	1
Pandal Capital, Pandan Indah	2	527	1
One Cinemas, Spectrum Ampang	6	777	1
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA			
GSC Alamanda, Putrajaya	8	1,404	1
GSC IOI City Mall, Putrajaya	13	2,133	1
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN			
Perdana Cineplex, Labuan	2	141	1
PERAK			
TGV Kinta City Shopping Centre	6	1,173	1
TGV Station 18, AEON Ipoh	8	1,610	1
TGV AEON Seri Manjung	7	1,042	1
TGV AEON Taiping	7	1,287	1
TGV AEON Klebang, Ipoh	7	1,261	1
GSC Ipoh Parade	11	1,926	1
MBO Taiping Sentral	7	1,227	1
MBO Teluk Intan	3	450	1
MBO AEON BIG Falim, Ipoh	8	1,164	1
MMCineplexes Kampar	6	846	1
MMCineplexes Seri Iskandar, Seri Iskandar Business Centre	7	1,349	1
MMCineplexes Kerian Sentral Mall, Parit Buntar	8	1,183	1
LFS Sitiawan	4	765	1
LFS Seri Kinta, Ipoh	4	654	1
Paragon Cinemas, Taiping Mall, Taiping	8	1,212	1
MY Cinema, Teluk Intan	1	298	1
MY Cinema Bagan Serai, Ipoh	1	280	1

SENARAI PAWAGAN	SKRIN	SEAT	JUMLAH PAWAGAM
PULAU PINANG			
TGV 1ST Avenue, Georgetown	8	1,304	1
TGV Gurney Paragon, Persiaran Gurney	9	1,252	1
TGV AEON Alma, Bukit Mertajam	7	840	1
GSC Plaza Gurney, Georgetown	12	1,610	1
GSC Queens Bay Mall, Bayan Lepas	8	1,528	1
GSC Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya	8	1,098	1
MMCineplexes Bukit Jambul, Bayan Lepas	6	1,167	1
MMCineplexes Prangin Mall, Georgetown	8	1,490	1
LFS Cinemas Butterworth	4	743	1
Mega Cineplex Prai, Penang	6	1,504	1
Mega Cineplex Pusat Bandar Bertam Perdana, Kepala Batas	4	756	1
KEDAH			
GSC Amanjaya Mall, Sg. Petani	8	1,306	1
GSC Aman Central, Alor Setar	10	1,599	1
MBO Kulim Landmark	6	1,108	1
MBO Square Shopping Centre, Sg. Petani	8	1,159	1
Jitra Mall Cineplex, Jitra	4	546	1
Mega Cineplex Langkawi	3	535	1
Grand Cineplex, Legenda Village Mall, Sg. Petani	4	680	1
MMCineplexes Riverfront City, Sungai Petani	9	1,195	1
Paragon Cinemas, Alor Setar	6	867	1
PAHANG			
GSC East Coast Mall	9	1,633	1
GSC Berjaya Megamall, Kuantan	5	948	1
GSC Mentakab Star Mall, Mentakab	6	1,093	1
MBO Kuantan City Mall	9	1,344	1
Bona Cinemas, Sky Avenue, Genting Highland	2	332	1
TERENGGANU			
TGV Mesra Mall, Kerteh	5	782	1
LFS Paya Bunga Sentral, Kuala Terengganu	11	1,631	1

SENARAI PAWAGAN	SKRIN	SEAT	JUMLAH PAWAGAM
SARAWAK			
GSC Bintang Megamall, Miri	8	1,010	1
GSC CityONE Megamall, Kuching	10	1,868	1
TGV Permaisuri Imperial City Mall, Miri	8	1,261	1
TGV Vivacity Megamall, Kuching	8	1,220	1
MBO Cinemas The Spring Mall, Kuching	8	1,558	1
MMCineplexes Riverside, Kuching	4	585	1
MMCineplexes Summer Mall, Kota Samarahan	12	2,038	1
Ashtar Galactic Cinema, Commerce Square Bintulu, Bintulu	6	730	1
King's Trioplex, Sibu	3	950	1
SABAH			
GSC One Borneo, Kota Kinabalu	8	1,504	1
GSC Suria Sabah Shopping Mall, Kota Kinabalu	8	1,471	1
MBO Imago Mall, Kota Kinabalu	8	1,038	1
LFS Sandakan Harbour Square, Sandakan	7	1,015	1
Growball Cinemax, Centrepont, Kota Kinabalu	8	1,745	1
Eastern Cineplex, Eastern Plaza, Tawau	6	784	1
City Cineplex, City Mall, Kota Kinabalu	6	833	1
Megalong Cineplex, Penampang, Kota Kinabalu	4	615	1
Ocean Cinema, Keningau Mall, Keningau	2	190	1
Max Cinemas, Harbour Town Commercial Centre, Lahad Datu	4	280	1
JUMLAH	1,203	194,686	165

KAJIAN PENONTONAN PAWAGAM 2022

TAYANGAN FILEM TEMPATAN DAN ASING DI MALAYSIA (RM/JUTA)

TAHUN		2020			2021			2022		
FILEM	FILEM	JF	P (JUTA)	KK (RM)	JF	P (JUTA)	KK (RM)	JF	P (JUTA)	KK (RM)
Domestik	Tempatan	23	0.50	11.62	8	0.82	0.12	48	3.91	192.699
Asing	Cina	25	1.15	28.94	20	0.20	4.18	15	0.59	8.85
	India	36	0.29	11.21	23	0.16	3.61	25	25	15.39
	Inggeris	64	1.07	70.43	65	1.28	83.21	33	2.75	90.84
	Indonesia	12	0.13	1.87	2	0.08	0.08	11	1.38	15.20
	Lain-lain	64	0.27	14.83	34	0.24	8.33	25	0.34	8.61
JUMLAH		224	3.41	138.90	152	2.78	99.53	157	9.58	331.589

PETUNJUK **JF** Jumlah Filem **P** Penontonan **KK** Kutipan Kasar

FILEM TEMPATAN 2022 (BOX OFFICE)

BIL	JUDUL FILEM	KUTIPAN (RM/JUTA)	TARIKH TAYANGAN
1	MAT KILAU	89.42	23.6.2022
2	MECHAMATO THE MOVIE	33.30	8.12.2022
3	AIR FORCE THE MOVIE : SELAGI BERNYAWA	29.37	25.8.2022
4	ABANG LONG FADHIL 3	24.27	8.9.2022
5	THE ASSISTANT	2.44	19.5.2022
6	TALBIS IBLIS	1.58	20.10.2022
7	NASI LEMAK 1.0 (MAND)	1.43	27.1.2022
8	RASUK	1.41	29.9.2022

KUTIPAN FILEM TEMPATAN TAHUN 2022

BIL	TARIKH MULA TAYANG	JUDUL FILEM	PENGARAH	PENERBIT	KUTIPAN KASAR (RM/ JUTA)
1	27.1	NASI LEMAK 1.0 (MANDARIN)	NAMEWEE	NSP ENTERTAINMENT SDN BHD	2,099,622.71
2	27.1	POOCHANDI (TAMIL)	J.K WICKY	TRIUMBAKAAN SDN BHD	762,996.36
3	3.2	SMALL TOWN HEROES (MANDARIN)	RYON LEE ENG KEONG	LOMO PICTURES SDN BHD	532,755.23
4	3.2	KONGSI RAYA	TEDDY CHIN	555 FILM SDN BHD	226,707.75
5	10.2	AVAL THEDIYATHU (TAMIL)	DATO ATHY (PARUVATHY MUTHOO)	AT MOVIES SDN BHD	49,819.00
6	17.2	C144 HUMAN X NATURE (MAND)	WONG HONG KUAT	REDBOY PICTURES SDN. BHD	50,356.95
7	17.2	SYAHADAN	DATUK DR HAJI FAIRUS HUSSIN, HALIM HASSA	TRILLION MARKETING SDN BHD	94,918.85
8	24.2	RUMAH	KAYSHAN	MOJO PROJECTS SDN BHD	24,018.50
9	24.2	NARIGAL (TAMIL)	SARAVANAN RAMALINGAM	BOSS PICTURES SDN BHD	53,577.94
10	1.3	KAMPUNG PISANG BERBUAH DUA KALI**	MAMAT KHALID	ENJIN SEMUT PRODUCTIONS	35,000
11	17.3	GILA GUSTI	SILVER YEE	LOMO PICTURES SDN BHD	26,541.45
12	24.3	VIMAN (TAMIL)	KISHOK	AMKSCAPE SDN BHD	7,057.00
13	28.4	KAMBATHE KANNEMA (TAMIL)	K K KHANNA	DCINEMA SDN BHD	8,635.00
14	19.5	THE ASSISTANT	ADRIAN TEH	ACT 2 PICTURES SDN BHD	2,442,656.50
15	26.5	CRAZE BELOW THE WIND	KATAK CHUA	FROGGY PLANET SDN BHD	223,805.90
16	2.6	MISTIK 3LOGI PUAKA	RAM CHE NGAH / SITI HAWA	D CINEMA SDN BHD	81,858.00
17	2.6	THE RISE OF LION (MAND)	MICHELLE XIN	XIN WORLD SDN BHD	34,734.50
18	9.6	SPLIT GRAVY (ENG)	ZAHIM ALBAKRI	EARLY BIRD PRODUCTIONS SDN BHD	36,548.00

BIL	TARIKH MULA TAYANG	JUDUL FILEM	PENGARAH	PENERBIT	KUTIPAN KASAR (RM/ JUTA)
19	16.6	ARUL MOZHI (TAMIL)	KUMANAN SUBRAMANIAM	JAYSANGA SIR SDN BHD	6,524.00
20	23.6	MOODRAM ATHIGHARAM (TAMIL)	SD PUVANENDRAN	KALKI PRODUCTION SDN BHD	85,324.80
21	23.6	MAT KILAU	SYAMSUL YUSOF	STUDIO KEMBARA SDN BHD	83,750,109.25
22	7.7	MUSYRIK	ARJIN	REAL REEL PICTURES SDN BHD	880,588.58
23	14.7	AIVAR (TAMIL)	JAYDEVAN JAYAKUMAR, MADANA VILOSSEN, ASHEE LETCHUMANAN, GANESH KUMAR, SIVANESAN	FEATHER ENTERTAINMENT SDN BHD	16,271.95
24	28.7	SENTHOZAN SENGKATHIRVAANAN (TAMIL)	GOVIND SINGH	VILLANZ PRODUCTIONS (M) SDN. BHD	104,853.56
25	4.8	JERANGKUNG DALAM ALMARI	SHADAN HASHIM	AKID PRODUCTIONS SDN BHD	1,419,010.17
26	25.8	AIR FORCE THE MOVIE : SELAGI BERNYAWA	ZULKARNAIN AZHAR/ FRANK SEE	MULTIMEDIA FILM PRODUCTIONS	28,266,583.77
27	25.8	UNDERCOVER RASCAL 2 (TAMIL)	V.NAGARAJ	MEGA MOVIE SDN BHD	50,430.03
28	1.9	ANAK RIMAU	AREEL ABU BAKAR/ JOHAN ABDULLAH	KEELKR FILMS SDN BHD	227,918.65
29	8.9	JUANG	OSMAN ALI, YUSRY ABD HALIM, KHABIR BHATIA	ASIA TROPICAL SDN BHD	534,989.99
30	8.9	ABANG LONG FADHIL 3	SYAFIQ YUSOF	SKOP PRODUCTION SDN BHD	24,271,852.58
31	15.9	ADA HANTU 2	HAIRUL AZREEN	ACT 2 PICTURES SDN BHD	1,079,212.50
32	15.9	KAATHALATHU RAGASIYAMANA THU (TAMIL)	VIJEY ASINGHAM	FILM STATION PRODUCTIONS SDN BHD	5,302.70
33	29.9	RASUK	JAMES LEE	MULTIMEDIA FILM PRODUCTIONS SDN BHD	1,412,983.00
34	6.10	DON'T LOOK AT DEMON	BRANDO LEE	BRANSTORM ENTERTAINMENT SDN BHD	339,688.71

BIL	TARIKH MULA TAYANG	JUDUL FILEM	PENGARAH	PENERBIT	KUTIPAN KASAR (RM/ JUTA)
35	6.10	SERATUS	FEROZ KADER	SURAYA FILEM PRODUCTION AND DISTRIBUTION (M) S/B	87,736.22
36	13.10	BIKO	TENG BEE	MULTIMEDIA FILM PRODUCTION SDN BHD	72,247.24
37	20.10	TALBIS IBLIS	KABIR BHATIA	INFINITUS GOLD SDN BHD / ASTRO SHAW SDN BHD	4,118,772.95
38	27.10	SIKU 12 : LANGKAH DERHAKA	AZHARI ZAIN	POWERTEAM ENTERTAINMENT SDN BHD	77,922.00
39	3.11	DUM DUM DUMEEL (TAMIL)	DEEPBAN M.VINEGESH	RYHTHM HEIGHT CORPORATION (M) SDN BHD	46,252.20
40	24.11	REMP-IT 2	FARID KAMIL	FKX FILM SDN BHD	1,900,471.52
41	24.11	GAJEN (TAMIL)	DENES KUMAR & VIMALA PERUMAL	VEEDU PRODUCTION SDN BHD	65,773.74
42	1.12	DADDYKU GANGSTER	ISMAIL BOB HASIM	D AYU PICTURES SDN BHD	356,950.51
43	8.12	MECHAMATO THE MOVIE	NIZAM ABD RAZAK	ANIMONSTA STUDO SDN BHD	36,231,990.07
44	15.12	HANI	FAZLI YASIN, ILHAM KAMIL MOHD ROSLI	LIL STUDIOS SDN BHD	207,156.13
45	15.12	MUNDEI KAMPUNG DEY	MANSHER SINGH	XTREME STUDIO (M) SDN BHD	59,683.99
46	22.12	HANTU TENGGEK	PROF DATO TS DR RAZAK MOHAIDEEN	VEEDU PRODUCTION SDN BHD	45,405.83
47	22.12	CALL ME AGENT	MICHEAL CHUAH	EVO PICTURES SDN BHD	99,346.22
48	29.12	ZAARA	ROY FDAM	JROI GLOBAL FILM SDN BHD	86,563.89
JUMLAH					192,699,526.40

DATA PENCAPAIAN FILEM MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA TAHUN 2022

FILEM	KATEGORI FILEM	PENGARAH/ PRODUKSI	FESTIVAL	PENERIMA	STATUS	PENCAPAIAN
10	BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL (KF) KE ARAH PELAKSANAAN DDMS TAHUN 2022 Penyertaan: 30 orang	31 Mei - 02 Jun 2022	Hotel Maya Kuala Lumpur
11	KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH Penyertaan: 4 orang	31 Mei - 03 Jun 2022	Kolej Komuniti Chenderoh
12	KURSUS INDUKSI FINAS SESI 2022 Penyertaan: 46 orang	14 - 17 Jun 2022	Kem Bina Semangat Kuala Kubu Bharu
13	KURSUS PENDAFTARAN ASET TAK ALIH (ATA) <i>HANDS ON</i> Penyertaan: 31 orang	18 - 19 Julai 2022	Pawagam Mini P. Ramlee dan Online Vc
14	KURSUS SIASATAN DALAMAN FINAS Penyertaan: 24 orang	20 - 22 Julai 2022	De Rhu Beach Resort Kuantan, Pahang
15	KURSUS PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN FINAS Penyertaan: 25 orang	20 - 22 Disember 2022	Baitul Hikmah, Ulu Yam Lembaga Zakat Selangor



KURSUS MENEMBAK 2022
LAPANG SASAR SHAHPADU, PUTRAJAYA



BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL (KF) KE ARAH PELAKSANAAN DDMS TAHUN 2022 HOTEL MAYA, KUALA LUMPUR



KURSUS INDUKSI FINAS SESI 2022 KEM BINA SEMANGAT, KUALA KUBU BHARU



KURSUS PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN FINAS BAITUL HIKMAH, ULU YAM LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

TEKNOLOGI MAKLUMAT



ADUAN ICT

Secara keseluruhan jumlah aduan diterima melalui sistem *fiss.finas.my*, ialah sebanyak 43.5% bagi aktiviti penyelenggaraan pencegahan manakala 56.5% adalah pembaikan bagi aset ICT FINAS tahun 2022. Setiap aduan diselesaikan adalah 3 hari waktu bekerja.

PENYELENGGARAAN ASET ICT FINAS 2022





LAMAM WEB

Terdapat dua laman web yang telah dibangunkan iaitu laman web Malaysia Pavillion (*Marché du Film*) dan FINAS adalah salah satu agensi yang menyertai program tersebut pautan bagi web tersebut adalah <https://finas.gov.my/Pavilion>.



National Film Development Corporation of Malaysia (FINAS) is government agency that actively involved in sponsoring the development of Malaysia Film Industry. Officially established since Jan 1993 through the National Film Development Corporation Malaysia Act, FINAS has been mandated as a fiscal agency within the national portfolio of Ministry of Economic and Technology Malaysia with the objective to uplift, nurture and sustain the development of Malaysian film industry in terms of production, distribution and exhibition to strengthen country's economy, film financing, making, marketing, investment, promotion, and also film facilities.

About Jazzy Pictures (M) Sdn Bhd

Jazzy Pictures (M) Sdn Bhd is an established film and TV content production company based in Malaysia. At present, our portfolio is growing rapidly with a focus on producing high quality films to bring the name of the company and Malaysia film and TV back to the international market.

Jazzy Pictures has produced and engineered multiple movies, TV series, and TV shows. Our latest projects include the production of the movie "The Last Days of Pompeii" (2018) and the TV series "The Last Days of Pompeii" (2018).

Jazzy Pictures achieved one of its landmark milestones as it was awarded the Best Production Company award at the 2018 Asian Film Awards. This award is a testament to the company's commitment to producing high quality films and TV content.



CHECK OUR TEAM

 Professor Dr. Md Nasir Ibrahim Chairman of FINAS Email: nasir@finas.gov.my Telephone: 03-4334 1522	 Muhammad Ar-Rywan Muhammad Ridwan FINAS Chairman Email: ar-rywan@finas.gov.my Telephone: 03-4334 1522	 Mohd Zakir Muhammad Abu Bakar FINAS Chairman Email: mohd-zakir@finas.gov.my Telephone: 03-4334 1522	 Mohamed Syahir Ali Zahari FINAS Chairman Email: syahir@finas.gov.my Telephone: 03-4334 1522
--	--	--	---

Laman web rasmi Festival Film Malaysia (FFM32) yang ke 32 dibangunkan adalah untuk sebagai platform maklumat penggiat industri untuk mengetahui program-program yang diadakan sepanjang FFM32 itu berlangsung. Pautan adalah <https://finas.gov.my/ffm32>

FFM 32

UtamaLatar BelakangAktiviti

SELAMAT DATANG KE LAMAN SESAWANG

Festival Filem Malaysia Ke-32



FESTIVAL FILEM MALAYSIA

Latar Belakang

Festival Filem Malaysia yang bermula dari tahun 1980 adalah acara tahunan bertaraf nasional yang dianjurkan kerajaan melalui FINAS. Tahun 2022 ini merupakan edisi festival ke 32.

1. Mengiktiraf dan meraikan kecemerlangan penggiat industri filem tanah air
2. Mengukuhkan jaringan dan kerjasama strategik di antara kerajaan dan pihak industri dengan pelaksanaan program-program yang mengangkat profesionalisme para penggiat industri filem tanah air
3. Usaha pembudayaan sinema kepada masyarakat melalui karya-karya berkualiti seterusnya mewujudkan sistem sokongan kepada pemerkasaan industri

Tema : FILEM KITA, CITRA KITA

Filem Malaysia adalah manifestasi jenama produk filem tempatan bermutu tinggi dan berkualiti dengan nilai identiti dan budaya nasional yang melahirkan Impak globalisasi merentas sempadan

MALAM ANUGERAH

TARIKH : 2 DISEMBER 2022 (JUMAAT)
MASA : 8.30 MALAM (PRELUDE), 9.00-11.30 MALAM SIARAN LANGSUNG



SISTEM YANG DIBANGUNKAN OLEH UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Berikut adalah sistem yang digunakan di FINAS terutamanya digunakan oleh penjawat FINAS bagi menyokong aspirasi Kerajaan untuk menggapai *Sustainable Development Goal 2030* serta menjajarkan penerimgunaan kemunculan teknologi baharu (*emerging technologies*) seiring dengan transformasi digital sektor awam. Deskripsi sistem adalah seperti berikut:



Pengurusan Fail FINAS menuju ke arah perekodan fail menggunakan aplikasi sistem DDMS (*Digital Document Management System*) daripada MAMPU



SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN INDUSTRI KREATIF NEGARA (SPPIK)

Sistem SPPIK telah dipertingkatkan menerusi pembangunan semula fungsi-fungsi sistem sedia ada di bawah satu platform aplikasi bagi menambahbaik integriti data dan hubungan antara fungsi-fungsi yang ada.

SPPIK adalah salah satu hub sistem FINAS yang merangkumi ke semua modul adalah berkaitan dengan industri Kreatif Negara

FINAS-APPS



Sistem Aset FINAS iaitu *G ASSET*

SISTEM KEWANGAN FINAS MYFIS

Sistem aplikasi yang merangkumi keseluruhan aktiviti kewangan di FINAS



FINAS INTERNAL SUPPORT SYSTEM (FISS)

ICT & MAINTENANCE UNIT

Portal for maintenance support and internal services in FINAS.

- ICT Complaint
- Transport booking
- Staff Valuation



FINAS

Sistem Jemputan

Kemudahan pengurusan jemputan melalui satu sistem!

© 2022 FINAS



BENGKEL

Pada 31 Mei - 2 Jun 2022 bersama Arkib Negara bengkel pembangunan Klasifikasi Fail (KF) telah berjaya diadakan di Hotel Maya , Kuala Lumpur bagi pewujudan Kod klasifikasi Fail menuju kearah membangunkan sistem pengurusan rekod yang menguruskan rekod rasmi dan rahsia rasmi kerajaan bagi keseluruhan kitaran hayatnya iaitu daripada proses pewujudan, penawanan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengedaran dan pelupusan rekod secara digital dan sistematik.

Penggunaan DDMS 2.0 dapat mempertingkatkan penyampaian dan ketelusan perkhidmatan kerajaan melalui capaian pengurusan rekod digital (elektronik) *any where, any time and any device*.

Penggunaan DDMS 2.0 juga mewujudkan keseragaman pengurusan rekod elektronik di sektor awam untuk dilaksanakan oleh FINAS.





BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

BAHAGIAN

PEMBANGUNAN INDUSTRI

Pengenalan

Bahagian Pembangunan Industri merupakan salah satu bahagian di bawah sektor Pengurusan. Bahagian Pembangunan Industri mempunyai 3 unit yang diketuai oleh Pengarah Pembangunan Industri iaitu seperti berikut:

Unit Galakan Industri | Unit Latihan Industri | Unit Khidmat Produksi

UNIT

GALAKAN INDUSTRI



SKIM WAJIB TAYANG

Skim Wajib Tayang diwujudkan bertujuan untuk mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di dewan wayang gambar oleh pempamer. Kewajipan pempamer hendaklah menayangkan filem yang diluluskan selama empat belas (14) hari berturut-turut dan di dewan wayang gambar yang terbesar.

Di bawah Skim Wajib Tayang, sebanyak 47 tajuk filem telah ditayangkan pada tahun 2022. Bilangan penayangan filem ini telah meningkat dengan ketara berbanding pada tahun 2021 iaitu sebanyak 8 tajuk filem sahaja. Sehubungan dengan peningkatan ketara ini, jumlah kutipan kasar pada tahun 2022 telah meningkat sebanyak RM192,664,526.39 berbanding tahun 2021 sebanyak RM1,145,909.62 (Jadual 1). Maklumat ringkas perbandingan kutipan kasar filem di bawah Skim Wajib Tayang pada tahun 2018 sehingga 2022 adalah seperti berikut:-

Jadual 1: Perbandingan Kutipan Kasar Filem Tahun 2018 sehingga 2022

TAHUN	2018	2019	2020	2021	2022
RM / JUTA	128.4	134.5	16.2	1.1	192.6

Sebanyak 10 buah filem telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1juta dengan jumlah RM191,313,324.80. Jumlah filem ini telah meningkat dengan ketara berbanding tahun 2021 yang terkesan akibat penularan pandemik Covid-19. Kutipan tiket yang tertinggi iaitu sebanyak RM83.75 juta adalah bagi filem cereka berjudul ‘Mat Kilau’ terbitan Studio Kembara Sdn. Bhd (Jadual 2). Daripada 47 buah filem tersebut 26 filem Bahasa Malaysia, 13 filem Bahasa Tamil, 5 filem Bahasa Mandarin dan 5 filem lain-lain bahasa. Maklumat ringkas perbandingan filem mengikut bahasa pada tahun 2021 dengan tahun 2022 adalah seperti berikut:-

Jadual 2: Perbandingan Filem Mengikut Bahasa Tahun 2021 dan 2022

FILEM	B. Melayu	Mandarin	Tamil	Lain-lain
PERBANDINGAN	26	3	13	5



INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA (ITFC 2.0)

Pada tahun 2021 Kerajaan telah peruntukkan siling di bawah RMK12 sebanyak RM25 juta bagi pembayaran Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC 2.0) kepada penerbit. Insentif ini adalah bantuan pihak Kerajaan untuk membantu pengeluar filem tempatan. Kerajaan masih meneruskan pemberian insentif ini kerana menyedari kepentingan industri kandungan kreatif yang boleh menyumbangkan kepada ekonomi negara. Sepanjang tahun 2022 sebanyak 23 buah filem cereka telah menerima ITFC 2.0 dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM1,695,690.68 (Jadual 3). Jumlah tuntutan ITFC 2.0 ini juga telah meningkat dengan ketara berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak 8 buah filem melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM89,694.76.

Jadual 3: Tayangan Filem Cereka Tempatan di Bawah Skim Wajib Tayang Tahun 2022

BIL	TARIKH TAYANGAN	JUDUL FILEM	PENGELUAR	BIL. PAWAGAM
1	27.1.2022	Nasi Lemak 1.0 (Mand) Pengarah : Namewee	NSP Entertainment Sdn. Bhd	50
2	27.1.2022	Pooochandi (Tamil) Pengarah : J.K Wicky	Triumbakaa Sdn. Bhd	42
3	3.2.2022	Small Town Heroes (Mand) Pengarah : Ryon Lee Eng Keong	Lomo Pictures Sdn. Bhd	50
4	3.2.2022	Kongsi Raya (Bm) Pengarah : Teddy Chin	555 Film Sdn. Bhd	48
5	10.2.2022	Aval Thediyathu (Tamil) Pengarah : Dato Athy@Paruvathy Muthoo	At Movies Sdn. Bhd	40
6	17.2.2022	C144 Human X Nature (Bi) Pengarah : Wong Hong Kiat	Redboy Pictures Sdn. Bhd	25

BIL	TARIKH TAYANGAN	JUDUL FILEM	PENGELUAR	BIL. PAWAGAM
7	17.2.2022	Syahadan (Bm) Pengarah : Datuk Dr. Hj. Fairus Hussin, Halim Hassan	Trillion Marketing Sdn. Bhd	35
8	24.2.2022	Rumah (Bm) Pengarah : Kayshan	Mojo Projects Sdn. Bhd	52
9	24.2.2022	Narigal (Tamil) Pengarah : Saravanan Ramalingam	Boss Pictures Sdn. Bhd	25
10	17.3.2022	Gila Gusti (Bm) Pengarah : Silver Yee	Lomo Pictures Sdn. Bhd	40
11	24.3.2022	Viman (Tamil) Pengarah : Kishok	Amkscape Sdn. Bhd	25
12	28.4.2022	Kambathe Kannema (Tamil) Pengarah : K K Khanna	D'cinema Sdn. Bhd	25
13	19.5.2022	The Assistant (Bm) Pengarah : Adrian Teh	Act 2 Pictures Sdn. Bhd	56
14	26.5.2022	Craze Below The Wind (Mand) Pengarah : Katak Chua	Froggy Planet Sdn. Bhd	44
15	2.6.2022	Mistik 3logi Puaka (Bm) Pengarah : Ram Che Ngah & Siti Hawa	D'cinema Sdn. Bhd	40
16	2.6.2022	The Rise Of Lion (Bm/Mand) Pengarah : Michelle Xin	Xin World Sdn. Bhd	12
17	9.6.2022	Split Gravy (Bm) Pengarah : Zahim Albakri	Early Bird Productions Sdn. Bhd	30
18	16.6.2022	Arul Mozhi (Tamil) Pengarah : Kumanan Subramaniam	Jaysanga Sir Sdn. Bhd	25
19	23.6.2022	Moondram Athigharam (Tamil) Pengarah : Sd Puvanendran	Kalki Production Group Sdn. Bhd	35
20	23.6.2022	Mat Kilau (Bm) Pengarah : Syamsul Yusof	Studio Kembara Sdn. Bhd	90
21	7.7.2022	Musyrik (Bm) Pengarah : Arjin	Real Reel Pictures Sdn. Bhd	50
22	14.7.2022	Aaivar (Tamil) Pengarah : Jaydevan Jayakumar, Madana Vilosyen, Ashee Letchumanan, Ganesh Kumar, Sivanesan	Feather Entertainment Sdn. Bhd	21
23	28.7.2022	Senthozan Sengkathirvaanan (Tamil) Pengarah : Govind Singh	Kash Villanz Productions (M) Sdn. Bhd	30
24	4.8.2022	Jerangkung Dalam Almari (Bm) Pengarah : Shadan Hashim	Akid Productions Sdn. Bhd	45

BIL	TARIKH TAYANGAN	JUDUL FILEM	PENGELUAR	BIL. PAWAGAM
25	25.8.2022	Air Force The Movie: Selagi Bernyawa (Bm) Pengarah : Zulkarnain Azhar, Frank See	Multimedia Film Productions Sdn. Bhd	90
26	25.8.2022	Undercover Rascal 2 (Tamil) Pengarah : V. Nagaraj	Mega Movie Sdn. Bhd	28
27	1.9.2022	Anak Rimau (Bm) Pengarah : Areel Abu Bakar, Johan Abdullah	Keeklr Films Sdn. Bhd	50
28	8.9.2022	Juang (Bm) Pengarah : Osman Ali, Yusry Abd Halim, Kabir Bhatia, Aziz Othman & Lai Kin Hoong	Asia Tropical Sdn. Bhd	60
29	8.9.2022	Abang Long Fadil 3 *(Bm) Pengarah : Syafiq Yusof	Skop Production Sdn. Bhd	120
30	15.9.2022	Ada Hantu 2 (Bm) Pengarah : Hairul Azreen	Act 2 Pictures Sdn. Bhd	66
31	15.9.2022	Kaathal Athu Ragasiyamana Thu (Tamil) Pengarah : Vijeyasingham	Film Station Productions Sdn. Bhd	25
32	29.9.2022	Rasuk (Bm) Pengarah : James Lee	Multimedia Film Productions Sdn. Bhd	70
33	6.10.2022	Don't Look At Demon (Bi) Pengarah : Brando Lee	Branstorm Entertainment Sdn. Bhd	50
34	6.10.2022	Seratus (Bm) Pengarah : Feroz Kader	Suraya Filem Production And Distribution (M) S/B	60
35	13.10.2022	Biko (Bm) Pengarah : Teng Bee	Multimedia Film Productions Sdn. Bhd	46
36	20.10.2022	Talbis Iblis (Bm) Pengarah : Kabir Bhatia	Infinitus Gold Sdn. Bhd / Astro Shaw Sdn. Bhd	75
37	27.10.2022	Siku 12: Langkah Derhaka (Bm) Pengarah : Azhari Zain	Powerteam Entertainment Sdn. Bhd	50
38	3.11.2022	Dum Dum Dumeel (Tamil) Pengarah : Deepban M. Vignesh	Rhythm Height Corporation (M) Sdn. Bhd	40
39	24.11.2022	Remp-It (Bm) Pengarah : Farid Kamil	Fkx Film Sdn. Bhd	65
40	24.11.2022	Gajen (Tamil) Pengarah : Denes Kumar & Vimala Perumal	Veedu Production Sdn. Bhd	30
41	1.12.2022	Daddyku Gangster (Bm) Pengarah : Ismail Bob Hasim	D Ayu Picture Sdn. Bhd	50

BIL	TARIKH TAYANGAN	JUDUL FILEM	PENGELUAR	BIL. PAWAGAM
42	8.12.2022	Mechamato The Movie (Bm) Pengarah : Nizam Abd Razak	Animonsta Studio Sdn. Bhd	90
43	15.12.2022	Hani (Bm) Pengarah : Fazli Bin Yasin & Mohammed Ilham Kamil Bin Mohd Rosli	Lil Studios Sdn. Bhd	50
44	15.12.2022	Mundei Kampung Dey (Punjabi) Pengarah : Mansher Singh	Xtreme Studios (M) Sdn. Bhd	5
45	22.12.2022	Hantu Tenggek (Bm) Pengarah : Prof. Dato Ts. Dr. Razak Mohaideen	Veedu Production Sdn. Bhd	50
46	22.12.2022	Call Me Agent (Mand) Pengarah : Michael Chuah	Evo Pictures Sdn. Bhd	35
47	29.12.2022	Zaara (Bm) Pengarah : Roy Fdam	Jroi Global Film Sdn. Bhd	50

**Jadual 4: Kutipan Tiket Filem di Bawah Skim Wajib Tayang
Melebihi RM1juta Tahun 2022**

BIL	JUDUL FILEM	PENGELUAR	KUTIPAN TIKET (RM)
1	Nasi Lemak 1.0 (Mand) Pengarah : Namewee	NSP Entertainment Sdn. Bhd	2,099,622.71
2	The Assistant (BM) Pengarah : Adrian Teh	Act 2 Pictures Sdn. Bhd	2,442,656.50
3	Mat Kilau (BM) Pengarah : Syamsul Yusof	Studio Kembara Sdn. Bhd	83,750,109.25
4	Air Force The Movie: Selagi Bernyawa (BM) Pengarah : Zulkarnain Azhar, Frank See	Multimedia Film Productions Sdn. Bhd	28,266,583.77
5	Abang Long Fadil 3 *(BM) Pengarah : Syafiq Yusof	Skop Production Sdn. Bhd	24,271,852.58
6	Ada Hantu 2 (BM) Pengarah : Hairul Azreen	Act 2 Pictures Sdn. Bhd	1,079,212.50
7	Rasuk (BM) Pengarah : James Lee	Multimedia Film Productions Sdn. Bhd	1,412,983.00
8	Talbis Iblis (BM) Pengarah : Kabir Bhatia	Infinitus Gold Sdn. Bhd / Astro Shaw Sdn. Bhd	4,118,772.95
9	Remp-It (BM) Pengarah : Farid Kamil	FKX Film Sdn. Bhd	1,900,471.52
10	Mechamato The Movie (BM) Pengarah : Nizam Abd Razak	Animonsta Studio Sdn. Bhd	36,231,990.07

Jadual 5: Tuntutan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC 2.0) Tahun 2022

BIL	NAMA SYARIKAT	JUDUL FILEM	JUMLAH (RM)
1	NSP Entertainment Sdn. Bhd	Nasi Lemak 1.0 (Mand)	204,981.13
2	Lomo Pictures Sdn. Bhd	Small Town Heroes (Mand)	53,275.52
3	Multimedia Film Production Sdn. Bhd.	Rumah Maduku Berhantu (Bm)	36,145.03
4	Unison Production Sdn. Bhd.	Mr. Peyii (Tamil)	26,918.92
5	Kristal Azmir Sdn. Bhd.	Prebet Sapu (Bm)	26,586.25
6	555 Film Sdn. Bhd.	Kongsi Raya (Bm)	22,670.77
7	Trillion Marketing Sdn. Bhd.	Syahadan (Bm)	9,491.88
8	Redboy Pictures Sdn. Bhd.	C144 Human X Nature (Bi)	5,035.69
9	ACS Pictures Sdn. Bhd.	Budak Kripto (Bm)	400.56
10	Richplus Media Sdn. Bhd.	Dendam Kesuma (Bm)	6,955.85
11	Trium Bakaa Sdn. Bhd.	Poochandi (Bi)	76,299.64
12	Froggy Planet Sdn. Bhd.	Craze Below The Wind	22,380.60
13	D'Cinema Sdn. Bhd.	Mistik 3logi Puaka	8,185.80
14	Boss Pictures Sdn. Bhd.	Narigal (Tamil)	5,357.80
15	Kalki Production Group Sdn. Bhd	Moondram Athigaram (Tamil)	8,532.48
16	Keeklr Sdn. Bhd.	Anak Rimau (Bm)	22,791.86
17	Akid Productions Sdn. Bhd.	Jerangkung Dalam Almari (Bm)	141,901.01
18	Multimedia Film Production Sdn. Bhd.	Air Force The Movie: Selagi Bernyawa (Bm)	500,000
19	Studio Kembara Sdn. Bhd.	Mat Kilau Kebangkitan Pahlawan (Bm)	500,000
20	AT Movies Sdn. Bhd.	Aval Thediyathu (Tamil)	4,981.90
21	Film Station Production Sdn. Bhd.	Kaathal Athu Ragasiyamanathu (Tamil)	530.27
22	Megamovie Sdn. Bhd.	Undercover Rascals 2 (Tamil)	5,043.00
23	Multimedia Film Production Sdn. Bhd.	Biko	7,224.72
JUMLAH			1,695,690.68

LATIHAN INDUSTRI

Sepanjang tahun 2022, program dan aktiviti di bawah Program Pemerkasa Modal Insan Industri Kreatif 2.0 telah dilaksanakan secara fizikal berbanding tahun sebelumnya yang disebabkan oleh pandemik Covid19. Program Pemerkasa Modal Insan Industri Kreatif merupakan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang bertujuan memperkasakan tenaga-tenaga kerja dalam industri kreatif tempatan dengan penganjuran pelbagai program pembangunan modal insan. Peruntukan yang disediakan bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM3 juta di bawah RMK12 untuk perbelanjaan program-program modal insan. Program-program yang dianjurkan merupakan langkah bagi memulihkan semula industri kreatif tempatan pasca Covid19 agar industri kreatif terus berkembang dan bertahan dengan pelbagai cabaran.

PROGRAM PEMERKASA MODAL INSAN INDUSTRI KREATIF 2.0

TAKRIFAN TERAS PROGRAM



PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (*NURTURING*)

Program bagi aktiviti pembelajaran berterusan bagi penggiat industri bagi memastikan mereka sentiasa mengekalkan prestasi dari segi peningkatan ilmu, pengalaman dan kemahiran. Program dilaksanakan melalui bengkel, latihan dan amali.



PEMACUAN (*ACCELERATOR*)

Program yang member tumpuan kepada penggiat industri yang muda dan mempunyai pengalaman yang terhad. Bimbingan daripada mentor akan bermula dari peringkat pembangunan projek yang mana ia melibatkan penjanaan idea, rekaan produksi, penyelidikan pasaran. Ini termasuklah menterjemah sesuatu idea ke dalam bentuk penulisan skrip, penyelidikan dan pembangunan (R&D) konsep, pelan perniagaan dan penyediaan dokumen-dokumen yang mesra pelabur.



PERKONGSIAN IDEA (*IDEA EXCHANGE*)

Program yang menyediakan platform untuk pakar bidang kandungan kreatif dari dalam dan luar Negara dan penggiat industri, pensyarah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk berkongsi idea, maklumat dan teknologi terkini tentang industri kandungan kreatif. Platform yang disediakan adalah seperti persidangan, symposium, forum atau seminar. Ia juga mensasarkan percambahan idea antara penggiat industri dan pensyarah-pensyarah IPT untuk mentransformasikan bidang-bidang kritikal di dalam industri kandungan kreatif.



PENDEDAHAN KEPADA INDUSTRI KREATIF (MINDSHIFT)

Program ini adalah kempen kesedaran yang disasarkan terhadap orang ramai dan belia terutamanya di luar bandar. Ini akan merangkumi kempen media bertujuan untuk menyampaikan potensi Industri Kandungan Kreatif sebagai kerjaya bagi mereka yang berbakat.

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2022



PROGRAM KOMUNITI@FINAS (KOFI)

Program Komuniti@FINAS atau singkatannya KoFI adalah bertujuan:

- Membentuk jalinan kerjasama di antara komuniti masyarakat setempat dengan usaha FINAS untuk membangunkan modal insan berkaitan industri kreatif tanah air;
- Pelaksanaan program pembangunan modal insan membabitkan golongan belia dan kelompok B40 di kalangan komuniti setempat yang disantuni;
- Membuka peluang kepada khalayak komuniti mendapat pelbagai inpit berkaitan industri kreatif tempatan;
- Mengenalpasti dan memupuk minat, bakat dan kemahiran di kalangan peserta sasaran kepada industri kreatif terutamanya bidang penyiaran dan perfileman;

Bagi tahun 2022 sebanyak 7 program Kofi telah dianjurkan seperti di Jadual di bawah:-



PROGRAM BENGKEL DENGAN KERJASAMA FINAS BORNEO

BIL	NAMA BENGKEL	TARIKH PROGRAM
1	Bengkel Make Up Karektor	12-13 November 2022
2	Bengkel Penulisan Skrip Kreatif	15-16 November 2022
3	Bengkel Kendalian Pasca-Produksi	7-10 Disember 2022
4	Bengkel Kendalian Sistem Audio	12-15 Disember 2022



FINAS CAWANGAN SABAH

BIL	NAMA BENGKEL	TARIKH PROGRAM
1	Bengkel Pencapaian Kamera & Audio Filem	22-25 November 2022
2	Bengkel Lakonan Filem	6-9 Disember 2022

Penganjuran Program Komuniti @ FINAS (KoFI)

BIL	PROGRAM	TARIKH PENGANJURAN	PENGISIAN
1	Program Komuniti@ FINAS Kota Kinabalu, Sabah	3 - 4 Jun 2022	Bengkel Videografi <i>Youtubers</i>
2	Program Komuniti@FINAS Ketereh, Kelantan	22 - 23 Julai 2022	Bengkel Videografi <i>Youtubers</i> Bengkel Asas Lakonan
3	Program Komuniti@FINAS Gedong, Sarawak	26 - 30 Ogos 2022	Bengkel Videografi <i>Youtubers</i> Bengkel Animasi
4	Program Komuniti@FINAS Jempol, Negeri Sembilan	8 - 9 Oktober 2022	Bengkel Videografi <i>Youtubers</i>
5	Program Komuniti@FINAS UPSI, Perak	17-18 Oktober 2022	Bengkel Videografi <i>Youtubers</i>
6	Program Komuniti@FINAS Libaran, Sabah	15 November 2022	Bengkel Videografi <i>Youtubers</i>
7	Program Komuniti@FINAS Melaka	10 - 11 Disember 2022	Bengkel Penerbitan Filem Pendek Menggunakan <i>Smartphone</i>



PROGRAM TAYANGAN FILEM DAN APRESIASI

BIL	NAMA BENGKEL	TARIKH PROGRAM
1	Program Layar Perak: Citra Sinema sempena Hari Seniman 2022 Tayangan Filem dan Apresiasi	28-31 Mac 2022
2	Program Sembang Skrin Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan	7 Julai 2022
3	Program Ekspresi@FINAS Tayangan Filem dan Apresiasi	23-24 Oktober 2022



LAIN-LAIN PROGRAM

BIL	NAMA BENGKEL	TARIKH PROGRAM
1	Sembang Skrin: Jom Bikin Filem bersama Sabri Yunos sempena RIUH! Kelantan	17 September 2022
2	Bengkel Suntingan Video: Ketereh Digital Hub siri 1	3 September 2022
3	Bengkel Suntingan Video: Ketereh Digital Hub siri 2	24 September 2022



PROGRAM MODAL INSAN DENGAN KERJASAMA SYARIKAT DAN PERSATUAN

BIL	NAMA BENGKEL	TARIKH PROGRAM
1	Kursus Seni Digital Suntingan <i>Video Basic</i>	18 September 2022
2	Kursus Kamera Video & Teknikal (<i>Beginner</i>)	17-21 Oktober 2022
3	Kursus Kuasai Teknik Solek Dan Tatarias Set Pengambaran	3-7 Oktober 2022
4	Bengkel Skrip Dokumentari Sejarah	25-28 Oktober 2022
5	Bengkel Pengurusan Produksi	26-30 Oktober 2022
6	Bengkel Pengarahan Filem Bersama U-Wei	24-29 Oktober 2022
7	Semporna <i>Acting For Film Workshop</i>	1-4 November 2022
8	Bengkel Penceritaan (<i>Story Telling</i>)	4-8 November 2022
9	Bengkel Intensif Penerbitan	24 Oktober - 6 November 2022
10	Bengkel Lakon Filem Bersama Dr Norzizi Zulkifli	28-30 Oktober 2022
11	Penghasilan Filem Pendek Patuh Syariah	29-30 Oktober 2022 5-6 November 2022 12 November 2022
12	Bengkel Seni Lakon	21-25 November 2022
13	Bengkel Asas Lakonan	25-30 November 2022
14	Bengkel Seni Lakon : 'Bukan Sekadar Profesion'	16-17 November 2022 23-24 November 2022
15	<i>Masterclass - Principles Of Storytelling</i>	3 Disember 2022
16	<i>Workshop Post-Production & Editing</i>	28 November 2022 - 2 Disember 2022
17	Forum: Antara Cantik Dan Bakat, Di Mana Magis Pengukuh Kreadibiliti?	14 November 2022
18	Bengkel Pengendalian <i>Drone</i>	29 November 2022
19	Bengkel Videografi Dan Suntingan	1 Disember 2022
20	<i>Borneo Crash Course Film: Technical & Production</i>	16-19 Disember 2022
21	Bengkel Penulisan Skrip Filem & Drama	6-10 Disember 2022
22	<i>Production Design Workshop Scenic Art & Set Construction</i>	13-17 Disember 2022
23	Bengkel Asas Penulisan Skrip	21-23 Disember 2022
24	Bengkel Sinematografi : <i>Drone 2.0</i>	5-9 Disember 2022



PROGRAM KOMUNITI@FINAS, LIBARAN, SABAH Bengkel Videografi Youtubers

Bengkel selama satu (1) hari ini diajar oleh Cik Putri Purnama Sugua bertempat di The Pavilion Hotel, Sandakan Sabah pada 15 November 2022. Seramai 34 orang peserta di kalangan komuniti di Borneo yang telah menyertai bengkel ini.



PROGRAM BENGKEL DENGAN KERJASAMA FINAS CAWANGAN SABAH Bengkel Lakonan Filem

Bengkel selama empat (4) hari ini, iaitu pada 6 hingga 9 Disember 2022 telah diajar oleh Encik Shahili bin Abdan @ Namron. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 20 orang peserta di Universiti Malaysia Sabah, UMS.



PROGRAM MODAL INSAN DENGAN KERJASAMA PERSATUAN

Forum: Antara Cantik Dan Bakat, Di Mana Magis Pengukuh Kreadibiliti?

Program berbentuk forum ini telah dianjurkan oleh Persatuan Wartawan dan Penulis Hiburan Malaysia (WHAM) yang dihadiri oleh lebih kurang 150 orang peserta. Program ini diadakan di Dewan Perdana, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.



PROGRAM MODAL INSAN DENGAN KERJASAMA PERSATUAN

Bengkel Asas Pengendalian Drone

Program berbentuk bengkel ini telah dianjurkan oleh Persatuan Pekerja Profesional Film Malaysia (PROFIMA) yang dihadiri oleh 35 orang peserta. Bengkel ini dianjurkan di Encore Melaka bersempena dengan Festival Film Malaysia ke-32.



PROGRAM MODAL INSAN DENGAN KERJASAMA SYARIKAT Workshop Post-Production & Editing

Program ini telah dianjurkan oleh syarikat Todak Fusion Sdn Bhd yang diadakan pada 28 November 2022 hingga 2 Disember 2022 di Kotak Hitam Space, Setia Alam, Selangor. Seramai 21 orang peserta yang terlibat dalam bengkel ini.



PROGRAM MODAL INSAN DENGAN KERJASAMA SYARIKAT Bengkel Seni Lakon

Program ini telah dianjurkan oleh syarikat FTV Productions Sdn Bhd pada 21 hingga 25 November 2022 yang bertempat di Nuluhon Garden, Kionsom, Sabah dan telah dihadiri oleh 25 orang peserta.



PROGRAM KOMUNITI@FINAS (KOFI) MELAKA

Bengkel Penerbitan Filem Pendek Menggunakan *Smartphone*

Bengkel selama dua (2) hari ini diajar oleh Encik Mohd Sukry Yusof bertempat di Hotel The Pines, Melaka pada 10 & 11 Disember 2022. Seramai 40 orang peserta di kalangan komuniti di Melaka yang telah menyertai bengkel ini.



PROGRAM MODAL INSAN DENGAN KERJASAMA SYARIKAT

Kursus Kuasai Teknik Solek Dan Tatarias Set Pengambaran

Program ini telah dianjurkan oleh syarikat Sentuhan Derina Sdn Bhd pada 3 hingga 7 Oktober 2022 bertempat di Studio Ho Ah Loke, FINAS Hulu Kelang, Selangor dan telah dihadiri oleh 21 orang peserta.

UNIT

KHIDMAT PRODUKSI

Sewaan Kemudahan Dan Peralatan Perfileman ;

Selaras dengan objektif penubuhan FINAS, iaitu menggalak, memelihara dan memudahkan industri perfileman. Perbadanan juga sentiasa berusaha untuk memberi bantuan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada penggiat industri perfileman dengan menawarkan penggunaan fasiliti dan kemudahan perfileman yang moden dan berteknologi tinggi pada kadar yang berpatutan.

FUNGSI

Unit Khidmat Produksi berperanan untuk membantu penggiat industri kreatif dalam urusan berkaitan sewaan insfrastruktur dan perkhidmatan yang disediakan di FINAS. Perkhidmatan ini terletak di FINAS Ulu Kelang, FINAS Petaling Jaya dan FINAS Santubong. Fasiliti dan perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut :

- | | |
|---|--------------------------|
| ✦ Studio <i>Sound Stage</i>
(Ulu Kelang & Petaling Jaya) | ✦ Produksi Muzik |
| ✦ Studio L.Krishnan | ✦ Kandungan Kreatif |
| ✦ Studio Ho Ah Loke | ✦ Peralatan Produksi |
| ✦ Pawagam Mini P.Ramlee | ✦ Khidmat Pasca Produksi |
| ✦ Dataran Karyawan & <i>Concourse</i> FINAS | ✦ Jualan Futej |





HASIL SEWAAN


Pendapatan kasar bagi hasil sewaan fasiliti di FINAS pada tahun 2022 adalah sebanyak RM 240,150.10

HASIL SEWAAN FASILITI FINAS (KETARA)		
BIL	FASILITI	JUMLAH (RM)
1	Sewaan Peralatan Produksi	78,985.00
2	Pawagam Mini P. Ramlee	19,056.00
3	Studio <i>Sound Stage</i>	80,940.00
4	Studio Latihan	33,780.00
5	Dataran Karyawan	3,315.00
6	Penjualan Futej	15,714.10
7	Sewaan Ruang Pejabat	5,400.00
8	Panggung 1 FINAS, Petaling Jaya	700.00
9	Auditorium	2,200.00
JUMLAH		240,150.10

HASIL SEWAAN FASILITI FINAS (TIDAK KETARA)		
BIL	FASILITI	JUMLAH (RM)
1	Sewaan Peralatan Produksi	-
2	Pawagam Mini P. Ramlee	-
3	Studio <i>Sound Stage</i>	5,500.00
4	Studio Latihan	-
5	Dataran Karyawan	4,800.00
6	Penjualan Futej	8,760.00
7	Sewaan Ruang Pejabat	-
8	Panggung 1 FINAS, Petaling Jaya	-
9	Auditorium	-
JUMLAH KESELURUHAN		19,060.00


KUANTITI SEWAAN FASILITI FINAS			
BIL	FASILITI	KETARA	TIDAK KETARA
1	Sewaan Peralatan Produksi	3	0
2	Pawagam Mini & Panggung 1	34	2
3	Studio <i>Sound Stage</i>	4	0
4	Studio Latihan	13	0
5	Dataran, Concourse & Lobi	17	6
6	Studio Digital Mix Stage	5	0
7	JUMLAH	76	8
JUMLAH KESELURUHAN PENGGUNAAN FASILITI		84	

HASIL PENDAPATAN FINAS 2022



PENGGUNAAN FASILITI FINAS 2022

Kuantiti sewaan ketara dan tidak ketara bagi penggunaan fasiliti di FINAS



SASARAN & PENCAPAIAN SEWAAN 2022			
BIL	PERKARA / KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Bilangan penggunaan/sewaan	100	76
2	Hasil (Ketara)	RM 200 ribu	RM 240,150.00

Sasaran bilangan penggunaan / sewaan adalah sebanyak 76 sahaja berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 100. Walaubagaimanapun hasil pendapatan telah melebihi sasaran yang ditetapkan kira-kira 20.01%, iaitu RM 240,150.00 berbanding sasaran 2022 sebanyak RM 200,000.00.

Sebagai sokongan Kerajaan melalui FINAS untuk pembangunan industri kreatif pasca covid, FINAS juga memberikan tawaran diskaun kepada penyewa yang menggunakan fasiliti dan kemudahan FINAS. Ini juga sebagai langkah promosi untuk menarik minat ke atas penggunaan fasiliti dan kemudahan yang disediakan.





BAHAGIAN PEMASARAN

PEMASARAN



PENYERTAAN KE PASARAN FILEM ANTARABANGSA

Pasaran Filem Antarabangsa adalah platform dimana rangkaian perniagaan, peluang perniagaan, jaringan dan hubungan serta perjanjian perniagaan termeterai. Ia juga menjadi pusat pertemuan para karyawan serta professional untuk berdiskusi dengan berkongsi ilmu dalam pelbagai bidang urusniaga mahupun disiplin pengetahuan yang berkaitan dengannya.

Bagi memperoleh pelbagai manfaat tersebut, Unit Pasaran Antarabangsa telah menyasarkan 3 pasaran filem untuk menggalakkan penerbit serta syarikat tempatan untuk memasarkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan mereka ke pasaran terbuka. Pasaran yang dimaksudkan adalah *Marche Du Film* di Cannes Perancis, *Asian Contents & Film Market* (ACFM) di Korea Selatan pada 8-11 Oktober 2022 dan Asia TV Forum & Market (ATF) pada 7-9 Disember 2022

yang bertempat di Singapura. Pasaran-pasaran tersebut adalah antara yang terbesar pengaruhnya yang menjadi tumpuan pelbagai negara.

Tahun 2022 mencatatkan lembaran baru dengan pergerakan secara aktif pasaran antarabangsa. Industri tempatan mula bangkit daripada kesan kekangan yang dihadapi ketika pandemik COVID-19 melanda pada tahun 2020-2021. FINAS mula mempelawa penyertaan syarikat secara fizikal ke pasaran *Marche Du Film* dibawah kendalian Bahagian Galakan Penggambaran sebagai bahagian yang menyelaras insentif FIMI. Manakala Unit Pasaran Antarabangsa menyelaras penyertaan syarikat secara atas talian dibawah booth FINAS. Berikut merupakan senarai syarikat yang telah menyertai pasaran *Marche Du Film* pada 17- 25 Mei 2022:



SENARAI PENYERTAAN SYARIKAT DI *MARCE DU FILM 2022*

BIL	SYARIKAT	STATUS	CATATAN
1	BARNSTORM ENTERTAINMENT	EXHIBITOR	FIZIKAL
2	BISCUIT FILMS	EXHIBITOR	FIZIKAL
3	FILM WALLET GROUP	EXHIBITOR	FIZIKAL
4	HORIZON FILM ENTERTAINMENT	EXHIBITOR	FIZIKAL
5	ISKANDAR MALAYSIA STUDIOS	EXHIBITOR	FIZIKAL
6	KL TELEVISION NETWORK	EXHIBITOR	FIZIKAL
7	MEGA FILM DISTRIBUTION	EXHIBITOR	FIZIKAL
8	MULTIMEDIA FILM PRODUCTIONS	EXHIBITOR	FIZIKAL
9	PRODUKSI SENI DUA PULUH DUA PULUH	EXHIBITOR	FIZIKAL
10	FEISK SDN BHD	EXHIBITOR	ONLINE
11	JAZZY PICTURES	EXHIBITOR	ONLINE
12	SARAWAK MEDIA GROUP	EXHIBITOR	ONLINE

Hasil daripada penyertaan tersebut, sebanyak RM158.7 juta nilai jualan kandungan kreatif dan persetujuan insentif FIMI telah diperolehi.

Selain daripada itu, bagi perancangan penyertaan di pasaran ACFM dan ATF pula terdapat kekangan dimana melalui minit Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada bulan Julai 2022, YAB Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan (PB) 3.1 mengenai Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam pada 14 Julai 2022 yang menyatakan lawatan luar negara dibenarkan bagi mesyuarat / rundingan berjadual/ atau berkala atau persidangan yang telah diluluskan dalam belanjawan tahunan oleh Jemaah Menteri. Lawatan ke luar negara tidak dibenarkan dalam tempoh penjimatan ini.



PENYERTAAN FILEM MALAYSIA KE FESTIVAL FILEM ANTARABANGSA

Tahun 2022, FINAS telah mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk menghantar filem terbitan mereka ke Anugerah Academy (OSCARS) dan ia tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak penganjur. Pelawaan telah dibuka pada bulan September 2022. Terdapat 5 syarikat produksi yang telah menghantar filem mereka, dan 2 daripada filem berkenaan menepati terma dan syarat penganjur. Jawatankuasa Pemilihan Filem FINAS telah bersidang dan memutuskan tiada penghantaran filem tempatan bagi mewakili Malaysia ke pencalonan Anugerah Akademi (OSCARS) ke-95 kerana tidak menepati kriteria yang diperlukan untuk ke tahap Anugerah Akademi (OSCARS) seperti pembangunan karakter, perkembangan cerita dan penggunaan bahasa.



Rajah 1 Poster pelawaan yang telah dipaparkan di laman sesawang FINAS dan platform media sosial FINAS



PENGLIBATAN FILEM MALAYSIA DI FESTIVAL FILEM TASHKENT 2022

Atas inisiatif Perdana Menteri Uzbekistan Mr. Sh. M. Mirziyoyev, Festival Filem Antarabangsa Tashkent 2022 telah diteruskan semula dan dijadikan sebagai acara tahunan sejak 2021. Pada tahun 2021, festival filem berkenaan telah dihadiri oleh pembikin filem antarabangsa terkenal seperti Luc Besson, Franco Nero, Nikita Mikhalkov, Gerard Depardieu, Timur Bekmambetov, Steven Segal, Mithun Chakraborty dan lain-lain. Filem Festival Tashkent ke-14 '*Pearl of the Silk Road*' telah diadakan pada 14-18 September 2022 dengan bertemakan '*For peace, Progress and Enlightenment*'. Acara utama festival ini ialah '*World Cinema Days*', yang merangkumi pertandingan diantara karyawan muda dalam program "*Movie in 5 Days*". Malaysia telah dijemput sebagai tetamu khas Festival untuk menyertai "Hari Filem Malaysia" yang diisi dengan tayangan filem Malaysia, program *roundtable*, persidangan dan bengkel pembelajaran mengenai pembangunan industri perfileman. FINAS telah menghantar filem 'Prebet Sapi' (*Hail! Driver*) untuk tayangan pembukaan di Majlis Perasmian "Hari Filem Malaysia".





PENYERTAAN FILEM MALAYSIA DI FESTIVAL FILEM ANTARABANGSA

Pada tahun 2022 terdapat 8 buah filem cereka dan 5 buah filem pendek Malaysia dari pelbagai genre telah bertanding di festival filem antarabangsa. Senarai festival filem antarabangsa dan kategori yang disertai adalah seperti berikut:

BIL	FILEM	KATEGORI FILEM	PENGARAH/ PRODUKSI	FESTIVAL	STATUS	PENCAPAIAN
1	BARBARIAN INVASION	CEREKA	TAN CHUI MUI	17TH OSAKA ASIAN FILM FESTIVAL OSAKA, JEPUN	PENCALONAN	ANUGERAH GRAND PRIX
					PENCALONAN	MOST PROMISING TALENT
				AACTA AWARD AUSTRALIA	PENCALONAN	FILEM TERBAIK ASIA 2022
				23 RD JEONJU INTERNATIONAL FILM FESTIVAL KOREA	TAYANGAN	WORLD PREMIERE
				24 TH TAIPEI FILM FESTIVAL TAIWAN	TAYANGAN	ASIAN PRISM
				LUANG PRABANG FILM FESTIVAL, LAOS	PENCALONAN	OFFICIAL SELECTION
2	THE ASISSTANT	CEREKA	ADRIAN TEH	24 TH UDINE FAR EAST FILM FESTIVAL, ITALI	PENCALONAN	FILEM TERBAIK
					TAYANGAN	WORLD PREMIERE
3	TALBIS IBLIS	CEREKA	KHABIR BHATIA / ASTRO SHAW SDN BHD/ INFINTUS GOLD SDN BHD	24 TH UDINE FAR EAST FILM FESTIVAL, ITALI	PENCALONAN	FILEM TERBAIK
					TAYANGAN	WORLD PREMIERE
				26 TH BUCHEON INTERNATIONAL FANTASTIC FILM FESTIVAL (BIFAN)	TAYANGAN	WORLD PREMIERE

BIL	FILEM	KATEGORI FILEM	PENGARAH/ PRODUKSI	FESTIVAL	STATUS	PENCAPAIAN
4	PREBET SAPU	CEREKA	MUZZAMER RAHMAN / KONDA KONDI STUDIO / LE MEDIATOR STUDIO	5 TH MALAYSIA INTERNATIONAL FILM FESTIVAL, MALAYSIA	PENCALONAN	FILEM TERBAIK
					MENANG	LAKON LAYAR TERBAIK
					PENCALONAN	PELAKON LELAKI TERBAIK
				LUANG PRABANG FILM FESTIVAL, LAOS	PENCALONAN	SINEMATOGRAFI TERBAIK
5	THE STORY OF SOUTHERN ISLET	CEREKA	CHONG KEAT AUN	5 TH MALAYSIA INTERNATIONAL FILM FESTIVAL, MALAYSIA	MENANG	ANUGERAH PILIHAN PENONTON
6	IMAGINUR	CEREKA	NIK AMIR MUSTAPA / LUNATICS FILMS	NEW YORK ASIAN FILM FESTIVAL, NEW YORK	TAYANGAN	WORLD PREMIERE
7	STONE TURTLE	CEREKA	WONG MING JIN	LOCARNO FILM FESTIVAL, SWITZERLAND	MENANG	ANUGERAH KHAS JURI
				FESTIVAL FILEM ANTARABANGSA JOGJA – NETPAC ASIAN FILM FESTIVAL (JAFF), INDONESIA	OFFICIAL SELECTION	ASIAN PERSPECTIVE
				SINGAPORE INTERNATIONAL FILM FESTIVAL, SINGAPORE	OFFICAL SELECTION	HORIZON CATEGORY
8	HARUM MALAM	CEREKA	DAIN SAID/ APPARAT SDN BHD/ D'AYU PICTURES, SKOP PRODUCTION	FESTIVAL FILEM ANTARABANGSA JOGJA – NETPAC ASIAN FILM FESTIVAL (JAFF), INDONESIA	OFFICIAL SELECTION	ASIAN PERSPECTIVE

BIL	FILEM	KATEGORI FILEM	PENGARAH/ PRODUKSI	FESTIVAL	STATUS	PENCAPAIAN
9	THE BOYS CLUB	PENDEK	YIHWEN CHEN	39 TH BUSAN INTERNATIONAL SHORT FILM AWARD (BISSF), KOREA	PECALONAN	ANUGERAH GRAND PRIX
				39 TH BUSAN INTERNATIONAL SHORT FILM FESTIVAL (BISFF), KOREA	MENANG	ANUGERAH NETPAC
				17 TH DOC EDGE FESTIVAL 2022, NEW ZEALAND	TAYANGAN	WORLD PREMIERE
10	AQUARIUM	PENDEK	KHALIL HAJI SALEH	BLUE2BLUE DRONE FESTIVAL 2021, AUSTRALIA	PEMENANG	FIKSYEN KATEGORI
11	THE SISTER	PENDEK	YAZEID SUHAIMI	26 TH BUCHEON INTERNATIONAL FANTASTIC FILM FESTIVAL (BIFAN), KOREA	TAYANGAN	WORLD PREMIERE
12	THE HOUSE OF BRICK AND STONE	PENDEK	ANANTH SUBRAMANIAM	26 TH BUCHEON INTERNATIONAL FANTASTIC FILM FESTIVAL (BIFAN), KOREA	TAYANGAN	WORLD PREMIERE
13	A WORM, WHATEVER WILL BE, WILL BE	PENDEK	MICKEY LAI	SINGAPORE INTERNATIONAL FILM FESTIVAL, SINGAPORE	OFFICAL SELECTION	SOUTHEAST ASIAN SHORT FILM COMPETITION

PROMOSI

Uni Promosi berperanan untuk mempromosikan industri kandungan kreatif tempatan di peringkat domestik, melalui program-program yang menjana kepada hebahan secara langsung kepada masyarakat. Program-program yang dirangka adalah selaras dengan hasrat memupuk semangat cintakan filem-filem tempatan seterusnya mewujudkan komuniti perfileman yang menyokong kepada pembangunan industri kandungan kreatif Negara. Unit Promosi sentiasa berkolaborasi dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Kementerian Pelancongan Malaysia. Antara program-program utama Unit promosi adalah program Merakytakan Filem atau lebih dikenali dengan Tayangan Wayang Pacak, Sesi Temu Mesra di Pameran FINAS, Tayangan Filem Tempatan di dalam Pesta atau Minggu Filem Malaysia di platform Antarabangsa (bukan pertandingan) dan yang terkini Bakat Skrin.



PROGRAM MERAKYATKAN FILEM / TAYANGAN WAYANG PACAK

Program Merakytakan Filem atau Tayangan Wayang Pacak ini bertujuan untuk membudayakan semangat mencintai filem tempatan di kalangan masyarakat melalui tayangan filem tempatan secara percuma, mewujudkan komuniti yang menyokong dan mencintai filem tempatan di kalangan masyarakat melalui tayangan secara percuma. Sepanjang tahun 2022, sesi tayangan wayang pacak telah diadakan di Lembah Klang dan beberapa Negeri di Semenanjung Malaysia. Senarai penuh tayangan wayang pacak adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1	Program Merakytakan Filem di Katereh, Kelantan	25 Julai 2022	Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan, Melor
2	Tayangan Filem Program Komuniti @Padang Besar	13 Ogos 2022	Kampus Unicity Alam, Sg. Chuchuh Padang Besar, Perlis
3	Program Merakytakan Filem Patriotik	28 Ogos 2022	Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan, Melor
4	Program Merakytakan Filem Sempena Festival Filem Pelajar ke 13	18 Oktober 2022	UPSI, Tanjung Malim Perak
5	Program Ekpresi@FINAS	23 Oktober 2022	Kompleks Studio Merdeka, FINAS Hulu Kelang
6	Program Jelajah Merakytakan Filem di Seluruh Negeri Kelantan dan Pahang	Sepanjang bulan November 2022	Kelantan & Pahang



SESI TEMU MESRA DI PAMERAN FINAS

Penyertaan di pameran anjuran Kementerian, Agensi dan badan-badan NGO di seluruh Malaysia adalah landasan strategik mempromosikan peranan FINAS selain membina hubungan secara langsung dengan masyarakat dari pelbagai lokasi dan latar belakang selain memberi pendedahan kepada dunia perfileman secara tidak langsung. Penyertaan Unit Promosi di program-program pameran dengan sesi temu mesra penggiat industri kreatif tempatan bersama masyarakat setempat. Senarai penuh Sesi Temu Mesra di Pameran FINAS sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Sabah Penggiat Industri Jemputan: Anding	21 Mei 2022	Sabah International Convention Centre (SICC)
2	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Perak Penggiat Industri Jemputan: Bell Ngasri	2 Julai 2022	Litar Dato' Sagor, Pasir Salak, Perak
3	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Kelantan Penggiat Industri Jemputan: Sabri Yunus, Elly Suriaty, Saidi Sabri dan Ali Karimi	22 - 24 Julai 2022	Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan
4	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Sarawak Penggiat Industri Jemputan: Elya, Azam Pitt dan Anding	6 - 7 Ogos 2022	Dataran Perayaan, Petra Jaya, Kuching, Sarawak
5	Sesi Ramah Mesra sempena program komuniti @ Padang Besar Penggiat Industri Jemputan: Fendy Bakri & Fikri Ibrahim	13 Ogos 2022	Kampus Unicity Alam, Sg. Chuchuh Padang Besar, Perlis
6	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Selangor Penggiat Industri Jemputan: Adam Lee, Sweet Qismina & Wani Kyrie	19 - 20 Ogos 2022	Perkarangan Stadium Shah Alam, Selangor
7	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Kedah Penggiat Industri Jemputan: Fikri Ibrahim, Izzue Islam & Ezzaty Abdullah	2 - 4 September 2022	Tapak Karnival, Perkarangan Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
8	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Sembilan Penggiat Industri Jemputan: Nina Smith, Iqram Dinzly, Jaja Ilyes dan Bell Ngasri	7 - 9 Oktober 2022	Dataran Seri Jempol, Negeri Sembilan
9	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Melaka Penggiat Industri Jemputan: Neera Azizi, Syafie Naswip dan Anna Jobling	14 - 16 Oktober 2022	Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka
10	Sesi Ramah Mesra sempena Festival Filem Pelajar ke 13 Penggiat Industri Jemputan: Lia Natalia & Nafiz Muaz	18 Oktober 2022	UPSI, Tanjung Malim
11	Sesi Ramah Mesra sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Pahang Penggiat Industri Jemputan: Wanna Ali dan YBhg. Dato' Fizz Fairuz	28 - 30 Oktober 2022	Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang



TAYANGAN FILEM-FILEM TEMPATAN PESTA ATAU MINGGU FILEM MALAYSIA DI PLATFORM ANTARABANGSA (BUKAN PERTANDINGAN)

Sepanjang tahun 2022, Unit Promosi telah meneruskan usaha untuk mempromosikan filem-filem Malaysia berkualiti di luar negara seterusnya sebagai langkah strategik pendedahan filem tempatan di peringkat Antarabangsa melalui tayangan filem-filem tempatan di Pesta atau Minggu Filem Malaysia di luar negara. Unit Promosi bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Pelancongan Malaysia, Kedutaan-Kedutaan Malaysia di Luar Negara dan agensi-agensi yang berkaitan bagi tujuan ini. Senarai Pesta atau Minggu Filem Malaysia di Platform Antarabangsa yang melibatkan Tayangan Filem Tempatan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1	2022 New Southbound Films	15 April 2022	Taiwan
2	Minggu Filem ASEAN 2022	1 - 5 Mei 2022	Ha Noi, Da Nang dan Ho Chi Ming
3	The Tashkent International Film Festival	16 - 17 September 2022	Uzbekistan
4	Festival Filem Asia kali ke 4	21 - 27 November 2022	Abuja, Nigeria



BAKAT SKRIN

Bakat Skrin merupakan inisiatif yang diperkenalkan mulai tahun 2022 bagi mencungkil bakat-bakat baharu untuk memenuhi keperluan industri kandungan kreatif tempatan.

Bagi tujuan ini, Unit Promosi bersama syarikat-syarikat produksi bekerjasama mengadakan sesi-sesi uji bakat di dalam dan di luar Lembah Kelang. Sesi Bakat Skrin yang telah diadakan sepanjang tahun 2022.

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1	Program Bakat Skrin	23 - 24 Oktober 2022	Kompleks Studio Merdeka, FINAS Hulu Kelang
2	Program Bakat Skrin	11 November 2022	Bera, Pahang



JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (JAKM) NEGERI SABAH 21 MEI 2022 | SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC)





JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (JAKM) NEGERI PERAK
2 JULAI 2022 | LITAR DATO' SAGOR, PASIR SALAK, PERAK



JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (JAKM) NEGERI MELAKA
14 - 16 OKTOBER 2022
RERUAI (BOOTH) K-KOMM, PUSAT DAGANGAN ANTARABANGSA MELAKA (MITC),
AYER KEROH, MELAKA



BAKAT SKRIN BAGI PROGRAM EKSPRESI@FINAS
23 & 24 OKTOBER 2022 | KOMPLEKS STUDIO MERDEKA, FINAS



PROGRAM MERAKYATKAN FILEM DI KOMPLEKS YAYASAN KEMISKINAN
KELANTAN, MELOR, KELANTAN

UNIT

PENERBITAN

Unit Penerbitan ditubuhkan adalah untuk menguruskan penerbitan buku-buku terbitan FINAS, percetakan dan reka bentuk bahan-bahan penerbitan serta urus selia kerja-kerja editorial. Selain bertindak dalam pengurusan dan penyelarasan penerbitan buku-buku terbitan FINAS, penerbitan bahan-bahan bercetak seperti buku program, brosur, poster, pamflet, bunting, *backdrop*, borang dan kad jemputan, Unit Penerbitan juga berfungsi sebagai penyelarasan jualan, pameran dan mempromosikan buku-buku terbitan FINAS. Unit Penerbitan mempunyai kakitangan seramai 4 orang yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah, seorang Pegawai Eksekutif serta 2 orang Pembantu Tadbir.

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI
1	Pameran Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.	3 - 12 Jun 2022 10 pagi -10 malam	Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.
2	Pameran Buku sempena Program Ekspresi @ FINAS.	23 & 24 Oktober 2022 10 pagi - 6 petang	FINAS Hulu Kelang

LAPORAN AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2022



PENERBITAN BUKU

FINAS sedang menerbitkan sebanyak sebuah buku bergenre biografi yang berjudul Biografi Studio Merdeka. Buku Biografi Studio Merdeka ini merupakan sebuah biografi era baharu sinema Malaysia yang akan menjadi rujukan peminat filem tanah air. Berkisar tentang sejarah perjalanan sehingga tertubuhnya Kompleks Studio Merdeka serta perjuangan dan sumbangan tokoh-tokoh karyawan Studio Merdeka kepada industri perfileman. Biografi hasil penulisan Adam Salleh ini turut memperkenalkan barisan pelakon-pelakon hebat kelahiran Studio Merdeka suatu ketika dahulu.





PAMERAN DAN JUALAN BUKU

Unit Penerbitan telah menyertai beberapa penganjuran pameran dan penjualan buku-buku terbitan FINAS. Penyertaan pameran ini mampu mempromosikan buku-buku terbitan FINAS kepada pengunjung dan secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi penjualan buku. Antara penganjuran pameran yang telah disertai oleh Unit Penerbitan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut :

- ✦ Pameran Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada 3-12 Jun 2022.
- ✦ Pameran Buku sempena Program Ekspresi @ FINAS pada 23 & 24 Oktober 2022.

Hasil penyertaan pameran buku dan program promosi yang disertai, berikut adalah hasil jualan buku seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH BUKU YANG TERJUAL	JUMLAH HASIL JUALAN (RM)
2022	237	13,967.00

BIL	JUDUL BUKU	JUMLAH	JUMLAH JUALAN (RM)
BUKU BIOGRAFI			
1	MUSTAPHA MA'AROF SENIMAN MERENTAS ZAMAN	4	260
2	KEMBARA SEORANG SENIMAN JINS SHAMSUDIN	20	893
3	JEJAK TERBILANG	45	1889
4	MEREDAH GELOMBANG SENI SEBUAH MEMOIR AZIZ SATTAR	27	959
5	TIADA KATA SECANTIK BAHASA	3	108
6	CERIA BERSAMA S. SHAMSUDIN DAN WAHID SATAY	8	616
7	HUSSEIN ABU HASSAN 'THE CINDERELLA MAN'	7	774
BUKU BIOGRAFI			
8	DATO ROSNANI JAMIL: DARI SG GERINGGING KE KOTA LONDON	15	878
9	JOURNEY OF AN ARTIST: JINS SHAMSUDDIN	2	178
10	SEBUAH KISAH HIDUP SENIWATI MARIANI	14	1880
11	YUSOF HASLAM TOKOH USAHAWAN FILEM MALAYSIA	10	1950

BIL	JUDUL BUKU	JUMLAH	JUMLAH JUALAN (RM)
BUKU ADAPTASI DARI FILEM			
12	PEMBIKINAN FILEM IMPAK MAKSIMA	-	-
13	MENEROKAI KEAGUNGAN HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA	16	787
14	OH! LALA	2	102
BUKU PERFILEMAN			
15	FILEM MELAYU DARI JALAN AMPAS KE HULU KELANG	19	852
16	BERMULANYA FILEM MELAYU	16	653
17	MALAYSIAN FILMS: THE BEGINNING	11	457
BUKU ILMIAH PERFILEMAN			
18	AUDIO UNTUK FILEM DAN TELEVISYEN	6	266
19	KEBERKESANAN GRADUAN FILEM LEPASAN IPTA/IPTS DI MALAYSIA	1	21
BUKU DOKUMENTARI			
20	PRINSIP FILEM DOKUMENTARI PENILAIAN, PENCERITAAN & KRITIKAN	4	207
21	INDUSTRI DOKUMENTARI DI MALAYSIA	7	237
JUMLAH		237	RM 13,967.00



PERTANDINGAN MELUKIS KOMIK BABAK FILEM MELAYU KLASIK

Pertandingan ini diadakan adalah bertujuan untuk membuka peluang kepada kartunis tempatan sama ada amatir atau profesional untuk menghasilkan karya adaptasi dari babak filem melayu klasik yang terkenal. Selain itu, tujuan pertandingan ini juga adalah bagi menyemarakkan kembali ingatan masyarakat terhadap filem melayu klasik. Penganjuran pertandingan pada kali ini FINAS telah bekerjasama bersama dengan dua pihak yang mahir di dalam bidang komik iaitu Rumah Kartun & Komik Malaysia (MCCH) dan Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS).

Pertandingan ini mula dibuka pada 1 Jun 2022 dan telah ditutup pada 29 Julai 2022 dengan penyertaan sebanyak 68 penyertaan. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Seri Hajah Zurainah Musa, Pengerusi FINAS pada 23 Oktober 2022.



PAMERAN BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR PADA 3 - 12 JUN 2022



PAMERAN BUKU SEMPENA PROGRAM EKSPRESI@FINAS PADA 23 & 24 OKTOBER 2022



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MELUKIS KOMIK BABAK FILEM MELAYU KLASIK PADA 23 OKTOBER 2022



BAHAGIAN GALAKAN PENG GAMBARAN

BAHAGIAN

GALAKAN PENGGAMBARAN

Bahagian Galakan Penggambaran terbahagi kepada dua unit iaitu Unit *Film In Malaysia Office* (FIMO) dan Unit Kerjasama Strategik.

OBJEKTIF

- ⇒ Kawalan mutu kandungan (QC) bahan digital - 200 judul bahan/setahun.



Kerja-kerja pembaikan penyaman udara di bangunan asrama FINAS Hulu Kelang



Kerja-kerja membuka, membekal dan memasang serta mengubah kedudukan *stand meter* untuk meter *air supply* dan pili bomba ke bangunan FINAS Hulu Kelang





Kerja-kerja troubleshoot sistem dehumidifier di film vault FINAS Petaling Jaya.



Kerja-kerja penyelenggaraan berkala Cooling Tower Studio Sound Stage FINAS Hulu Kelang



Kerja-kerja penyelenggaraan berkala peralatan perfileman di FINAS Petaling Jaya



Kerja-kerja penyelenggaraan berkala peralatan perfileman Projektor DCP di FINAS Hulu Kelang



Pemeriksaan projek dan mesyuarat gerak kerja bulanan di tapak projek FINAS Damansara



Pemeriksaan inpektorat pejabat penguatkuasa FINAS di setiap cawangan



Kerja-kerja pendigitalan bahan digital dan kerja-kerja alihan bahan pelbagai format audio visual.



Kerja-kerja pemeriksaan kualiti bahan digital (QC).



Penyediaan kajian pasaran bersama pihak industri/pembekal bagi projek naiktaraf sistem *E-Heritage*.




Urusetia Penajaan Festival Filem Malaysia ke-32.



BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIOVISUAL

TEKNOLOGI AUDIOVISUAL




FUNGSI

- Menyokong dan membantu FINAS dalam menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman Malaysia melalui teknologi.
- Memastikan segala kemudahan fasiliti peralatan dan perkhidmatan FINAS berkendali dan berada dalam keadaan yang baik.
- Untuk menentukan supaya operasi setiap aktiviti diuruskan selaras dengan dasar, rancangan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan dan memastikan bahawa dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan dipatuhi.
- Untuk mencadangkan langkah-langkah bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam sistem operasi aktiviti-aktiviti dan memberi pendapat serta pandangan yang positif, bebas dan objektif.

PERUNTUKAN PENGURUS (OE) BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIO VISUAL TAHUN 2022


Berikut merupakan bajet mengurus BTAV pada tahun 2022. Peruntukan yang diterima adalah berjumlah RM 32,845.00 dan yang telah dibelanja adalah sebanyak RM 32,164.32. Baki yang tidak dibelanjakan adalah sebanyak RM 680.68 (2%).



SKOP BAHAGIAN

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ➤ Urusetia Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi projek-projek FINAS; ➤ Urusetia projek COE1.0 dan COE 2.0 peringkat FINAS; ➤ Menjaga, menyelia dan memberi bantuan teknikal bagi sistem pengoperasian audio di Studio Digital Mixstage; ➤ Bertanggungjawab untuk pengoperasian audio visual dan seliaan teknikal di FINAS; | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Melaksanakan kerja-kerja alihan pelbagai format fizikal seperti alihan dari <i>tape</i> ke digital; ➤ Beroperasi dan kawal selia kemudahan fasiliti seperti studio, pawagam dan bilik mesyuarat; ➤ Mendaftar, menyelia dan mengoperasi aset-aset teknikal & mencadangkan perlupusan aset-aset yang berkaitan. |
|--|---|





SEBUTHARGA KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG,
MENGKONFIGURASI, MENAIKTARAF, MEMBAIKI DAN MENYELENGGARA PERALATAN
BAGI KELENGKAPAN BILIK ALIHAN DI FINASPOST, FINAS HULU KELANG



TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,
DAN MENTAULIAH PERALATAN KAMERA PRODUKSI 4K BESERTA
KELENGKAPAN DI FINAS HULU KELANG



JAWATANKUASA TEKNIKAL FESTIVAL FILEM MALAYSIA KE 32 DI ENCORE, MELAKA

AKTIVITI / PROGRAM BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIOVISUAL

BIL.	AKTIVITI / PROGRAM	LOKASI	PENERANGAN
1	Urusetia Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) Bagi Projek FINAS	K-KOMM PUTRAJAYA/ FINAS	• Urusetia peringkat FINAS
2	Melaksanakan kerja-kerja alihan pelbagai format audio visual	FINAS PJ	• Kerja-kerja operasi alihan bahan video/filem daripada RTM/simpanan FINAS
3	Melaksanakan kemaskini aset bagi tujuan pengauditan peralatan di Studio Sound Stage & Bilik Peralatan FINAS Hulu Kelang dan FINAS Petaling Jaya.	FINAS PJ/ FINAS HULU KELANG	• Audit dijalankan oleh Audit Negara
4	Melaksanakan kerja-kerja bagi pelupusan aset.	FINAS HULU KELANG/ FINAS PJ	• Pelupusan aset di Studio Digital Mixstage. • Pelupusan aset FNM
5	Melaksana bantuan teknikal bagi Press Conference Menteri KKOM di IMS Johor	ISKANDAR MALAYSIA STUDIO	• Memasang dan menyediakan keperluan bagi kerja-kerja teknikal yang berkaitan
6	Melaksanakan bantuan teknikal sempena Hari Ekspresi FINAS Hulu Kelang	FINAS HULU KELANG	• Memantau dan menyelia bagi kerja-kerja teknikal yang berkaitan Hari Ekspresi FINAS Hulu Kelang
7	Bantuan Teknikal Bagi Sidang Media Festival Filem Malaysia Ke 32 (FFM32)	ROYAL SELANGOR	• Memberi bantuan teknikal bagi system PA sepanjang program berlangsung
8	Melaksanakan bantuan teknikal bagi Program Meet & Greet sempena promosi FFM32	MAHKOTA PRADE MELAKA	• Memasang dan menyediakan keperluan bagi kerja-kerja teknikal yang berkaitan dengan sesi Meet & Greet
9	Melaksanakan bantuan teknikal sempena Townhall Survival Industri Penerbitan TV Negara	FINAS HULU KELANG	• Menyediakan peralatan teknikal yang berkaitan Townhall Survival Industri Penerbitan TV Negara
10	Melaksanakan bantuan teknikal bagi menyambut kedatangan YB MenKOMM	FINAS PJ	• Sambutan kedatangan YBM di BMU PJ bagi sesi pengenalan kepada warga pengurusan FINAS

BIL.	AKTIVITI / PROGRAM	LOKASI	PENERANGAN
11	Kunjungan hormat Duta Tajikistan bagi melihat Fasiliti Perfileman FINAS Di Kompleks Studio Merdeka.	FINAS HULU KELANG	Membawa tetamu melawat di semua fasiliti studio perfileman Finas Hulu Kelang.
12	Jawatankuasa Teknikal Bagi Program Malam Anugerah Festival Filem Malaysia ke 32	ENCORE MELAKA	Memantau dan menyelia bagi kerja-kerja teknikal yang berkaitan untuk malam anugerah FFM ke 32
13	Kunjungan hormat NGO Wilayah Persekutuan bagi melihat Fasiliti Perfileman FINAS Di Kompleks Studio Merdeka.	FINAS HULU KELANG	Membawa tetamu melawat di semua fasiliti studio perfileman Finas Ulu Kelang
14	Bantuan Teknikal Bagi Sidang Media Ke-2 Festival Filem Malaysia Ke 32 (FFM32)	SWISS GARDEN HOTEL BUKIT BINTANG KL	Memberi bantuan teknikal bagi sistem PA sepanjang program berlangsung
15	Perbincangan Dua Hala Berkaitan Isu Royalti Industri Perfileman antara FINAS dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif FINAS	FINAS HULU KELANG	Membawa tetamu melawat di semua fasiliti studio perfileman Finas Ulu Kelang
16	Sesi Lawatan dan Kunjungan Hormat Puruwan TV kepada Ketua Pegawai Eksekutif FINAS	FINAS HULU KELANG	Membawa tetamu melawat di semua fasiliti studio perfileman Finas Ulu Kelang
17	Tayangan filem 'Mat Kilau : Kebangkitan Pahlawan' di Pawagam Mini P.Ramlee, FINAS Hulu Kelang bersama YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr. Annuar Haji Musa, MenKOMM.	FINAS HULU KELANG	Teknikal bagi kawalan sistem tayangan di Pawagam Mini P.Ramlee

JUMLAH PENGGUNAAN FASILITI DI BAWAH SELIAAN BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIOVISUAL

BIL.	KEMUDAHAN	JUMLAH PENGGUNAAN
1	Sewaan Peralatan Perfileman (Dalam & Luar)	34 bilangan
2	Sewaan Fasiliti Studio-studio di FINAS Hulu Kelang & FINAS Petaling Jaya (Studio Sound Stage, Ho Ah Loke, L. Krishnan, Mixstage, FinasPost, Pawagam Mini P.Ramlee, Dataran Karyawan dan Concourse Mixstage)	109 bilangan
3	Melaksanakan kerja-kerja alihan pelbagai format audio visual	79 judul/39 jam
4	Bilik-bilik Mesyuarat FINAS Hulu Kelang & Petaling Jaya	405 Bilangan



BANTUAN TEKNIKAL SEMPENA
PROGRAM EKSPRESI FINAS



LAWATAN DUTA TAJIKISTAN DI FASILITI PERFILEMAN
FINAS HULU KELANG



LAWATAN YB MENKOMM KE ISKANDAR MALAYSIA STUDIO (IMS)



BANTUAN TEKNIKAL BAGI PROGRAM TOWNHALL MOF BERSAMA INDUSTRI KREATIF MALAYSIA



BAHAGIAN MAKMAL

MAKMAL

Perkembangan pesat dalam era pembangunan kandungan digital menuntut Bahagian Makmal dalam menggalas tanggungjawab dalam memastikan setiap koleksi bahan audio visual simpanan FINAS sentiasa boleh diakses untuk dijadikan rujukan. Bahagian Makmal juga sentiasa komited dalam mengendalikan urusan pemerolehan dan penerimaan koleksi audiovisual bagi tujuan pengarkiban di samping melaksanakan tugas-tugas pemuliharaan dan pemeliharaan koleksi audiovisual secara komprehensif melalui amalan terbaik pengarkiban antarabangsa. Selain itu, penggunaan teknologi digital baharu dalam pembangunan khazanah audio visual dapat menyediakan platform dan ruang untuk FINAS dalam meluaskan pasaran perkhidmatan khususnya perkhidmatan alihan analog kepada digital agar dapat merentasi sempadan ke serata Asia Tenggara. Peranan Bahagian Makmal dalam memacu pembangunan khazanah audio visual melalui komponen arkib dan restorasi dapat dilihat melalui tiga fungsi utama iaitu :


Rajah 1 : Tiga fungsi utama Bahagian Makmal



PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAJET MENGURUS

Peruntukan yang diluluskan pada tahun 2022 di bawah Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak RM 37,000.00. Keseluruhan prestasi Perbelanjaan Mengurus Bahagian Makmal adalah berjumlah RM33,509.50 (90.57%) (Rajah 2) termasuk bayaran Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain sebanyak RM21,600.00 untuk keperluan kerja-kerja restorasi dan preservasi bahan audio visual.

Rajah 2 : Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Bajet Mengurus 2022



**PERUNTUKAN &
PRESTASI
PERBELANJAAN BAJET
MENGURUS TAHUN 2022**

**PERATUSAN
PERBELANJAAN PADA
TAHUN 2022 ADALAH
SEBANYAK 90.57%**

Rajah 3 : Tiga unit utama di Bahagian Makmal



PENGURUSAN ARKIB

Unit Pengurusan Arkib menggalas tanggungjawab dalam melaksanakan urusan simpanan fizikal koleksi audiovisual jangka panjang dengan kemudahan vault filem yang khusus dan selamat mengikut spesifikasi pengarkiban antarabangsa seperti *British Film Institute (BFI)*, *Asian Film Archive*, *National Film and Sound Archive of Australia (NFSA)* dan lain-lain lagi. Melalui pelaksanaan tadbir urus koleksi audiovisual yang terancang dan kaedah dan amalan kerja mengikut piawaian antarabangsa menjadikan FINAS sebagai salah satu pusat simpanan koleksi Audio Visual (*vault filem*) terbesar di Malaysia.

Pusat penyimpanan filem *vault* ini juga menjadi rujukan utama badan kerajaan, swasta, pusat pengajian tinggi dan juga penggiat industri filem tempatan. Berikut adalah pencapaian (Rajah 4) dan jumlah koleksi sedia ada yang berada di dalam simpanan *vault* filem FINAS (Rajah 5).

Rajah 4 : Sasaran dan Pencapaian Unit Pengurusan Arkib Tahun 2022

BIL	TUGAS HAKIKI	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUSAN PENCAPAIAN
1	MENGELUAR, MENYERAH, MENERIMA, MENYIMPAN DAN MEREKODKAN PELBAGAI BAHAN AUDIOVISUAL BAGI KEGUNAAN RESTORASI DIGITAL, RESTORASI ANALOG DAN UNIT MEDIATHEQUE	2,000 PELBAGAI AV	2,106 PELBAGAI AV	105 %
2	MENERIMA, MENYEMAK, MEREKODKAN DAN MENYERAH BAHAN PRODUKSI TERBITAN FINAS UNTUK ALIHAN KE STORAGE	100 TAJUK	69 TAJUK	69 %
3	MEMBUAT DAN MENDAPATKAN UJIAN ACETATE DECAY (A-D STRIP TEST) DAN MEMUATNAIK KEPUTUSAN UJIAN KE DALAM SISTEM E-MAKMAL	7,000 UJIAN	7,472 UJIAN	106 %
4	MENGKATALOG DAN MEREKOD MAKLUMAT PADA PITA DIGITAL DAN PITA AUDIO	1,000 PITA	1,125 PITA	112 %
5	MEMUATNAIK METADATA KE SISTEM <i>DIVA ARCHIVE</i>	500 METADATA	450 METADATA	90 %

Rajah 5 : Jumlah anggaran bahan tersimpan di dalam Bilik Penyimpanan *Vault* Filem

BIL	KATEGORI	JUMLAH UNIT BAHAN/JUDUL
1	Dokumentari	4,000
2	Promo / Pesanan Khidmat Awam	2,200
3	Animasi	15
4	Cereka	28
5	Liputan Arkib	7,000
6	Program / Rancangan	50
JUMLAH		13,293

UNIT

RESTORASI ANALOG

Unit Restorasi Analog ditubuhkan bagi menjalankan aktiviti seperti memelihara koleksi audiovisual secara komprehensif termasuk pemeriksaan dan pemulihan secara berkala. Unit ini juga bertanggungjawab dalam memastikan aktiviti pemulihan dan pengekalan koleksi audiovisual adalah mengikut piawaian pengarkiban antarabangsa. Setiap koleksi audiovisual simpanan FINAS perlu melalui proses penilaian secara *triage* sebelum aktiviti pemulihan dilaksanakan.

Pengemaskinian data maklumat pemeriksaan secara komprehensif dan sistematik terhadap tahap kualiti kandungan audiovisual dilihat dapat memberi impak yang positif kepada bahagian ini dimana pemantauan dan pengurusan kualiti fizikal bahan audiovisual untuk tujuan penyediaan alihan digital dapat dikawal dan terancang. Rajah 6 adalah menunjukkan sasaran dan pencapaian Unit Restorasi Analog bagi tahun 2022.



Rajah 6 : sasaran dan pencapaian Unit Restorasi Analog bagi tahun 2022



UNIT

RESTORASI DIGITAL

Unit ini bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara koleksi audiovisual secara restorasi digital pada bahan filem atau analog. Seiring dengan peredaran transformasi analog kepada digital, peranan Unit Restorasi Digital menjadi semakin ketara dalam memastikan semua koleksi audiovisual berada dalam keadaan format terkini supaya mudah diakses oleh orang awam. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mencapai objektif dan misi Bahagian Makmal seperti menawarkan perkhidmatan pemuliharaan dan larasan warna pada kandungan audiovisual bagi tujuan pengarkiban dan perkhidmatan pengimbasan beresolusi tinggi untuk tujuan pengaksesan kandungan audio visual yang berkesan. Selain itu, pengaplikasian perisian pembersihan digital terhadap koleksi audiovisual dilihat dapat meningkatkan kualiti kandungan audiovisual. Hasil bahan audiovisual yang telah selesai di digital akan disiarkan di dalam slot Retrospektif di saluran Youtube FINAS Malaysia dan telah menjadi salah satu penyumbang kepada hasil janaan sebanyak RM15,000 pada tahun 2022 (Rajah 7). Rajah 6 adalah menunjukkan sasaran dan pencapaian Unit Restorasi Digital bagi tahun 2022.

Rajah 7 : sasaran dan pencapaian Unit Restorasi Analog bagi tahun 2022

AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN 2022	UOQ
Imbasan Filem (16mm & 35mm)	10	09:05:12	jam
Restorasi digital (Defect & Larasan Warna)	36	36:18:40	jam
Alihan Pita Audio	80	106:15:11	jam

Rajah 8 : Poster Retrospektif

Retrospektif adalah merupakan salah satu Penerbitan Agenda Nasional FINAS yang disiarkan di saluran Youtube FINAS Malaysia melalui penghasilan bahan audiovisual berformat digital oleh Bahagian Makmal.





PERKHIDMATAN MAKMAL

KADAR HARGA PERKHIDMATAN PASCA PRODUKSI FILEM (PERKHIDMATAN MAKMAL)

Bagi memberi nilai tambah dalam memenuhi permintaan industri kreatif dalam usaha pendigitalan filem, FINAS menyediakan perkhidmatan teknologi pendigitalan yang terkini dengan perbandingan kadar harga yang lebih berpatutan berbanding dengan kadar harga pendigitalan syarikat swasta dan di luar Malaysia. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha FINAS untuk memudahkan industri perfileman dan agensi-agensi kerajaan mahupun syarikat perfileman persendirian dalam menyempurnakan peralihan daripada bahan analog kepada digital. Perkhidmatan Pasca Produksi Filem (Perkhidmatan Makmal) ini dibuka kepada syarikat-syarikat produksi, agensi-agensi kerajaan atau syarikat perfileman sekiranya berminat untuk memohon. Penetapan kadar harga Perkhidmatan Pasca Produksi Filem (Perkhidmatan Makmal) adalah seperti di Rajah 8 berikut:

Rajah 8: Kadar Harga Perkhidmatan Pasca Produksi Filem (Perkhidmatan Makmal)

BIL	PERKHIDMATAN	KADAR HARGA SEWA (RM)	
		35 MM	16 MM
1	REPAIR & INSPECTION	RM2,000.00 / JAM	RM2,000.00 / JAM
2	SCANNING	RM5,000.00 / JAM	RM5,000.00 / JAM
3	COLOUR GRADING AND DIGITAL RESTORATION	RM3,000.00 / JAM	RM3,000.00 / JAM
4	TRANSCODING AND DELIVERY FORMAT	RM1,500.00 / JAM	RM1,500.00 / JAM
PAKEJ PERKHIDMATAN (NO.1 HINGGA NO.4)		RM10,000/ JAM	RM10,000 / JAM
1	FILM VAULT RENTAL (FOR NEGATIVE & POSITIVE FILM AND TAPE STORAGE)	RM100.00 / 1 CAN / TAPE / SETAHUN	



AKTIVITI / PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2022



KERJASAMA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) & ARKIB NEGARA MALAYSIA

FINAS dan Arkib Negara Malaysia merupakan rakan strategik yang komited dalam memperkasakan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan bahan audiovisual untuk dijadikan sebagai khazanah warisan negara. Justeru, kerjasama erat yang telah terjalin di antara FINAS dan Arkib Negara Malaysia sejak sekian lama ini diteruskan pada tahun 2022 melalui penyerahan bahan audiovisual FINAS (format digital) berjumlah 351 tajuk bahan.

FINAS juga telah dijemput untuk hadir ke Program Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2022 anjuran Arkib Negara Malaysia pada 27 Oktober 2022 bertemakan '*Enlisting Documentary Heritage To Promote Inclusive, Just and Peaceful Societies*'. Bagi tujuan simbolik penyerahan bahan audiovisual, Encik Ahmad Syazli Muhd Khair selaku Pengarah Kreatif & Teknikal (Menanggung Tugas Timbalan Ketua Pengarah Produksi & Teknikal) telah mewakili YBr. Prof. Dr. Ketua Pegawai Eksekutif FINAS untuk hadir pada sesi serahan tersebut.

Pengarah Bahagian Makmal FINAS juga telah dijemput hadir selaku panel jemputan ke sesi forum bertajuk 'Sembang-sembang Audiovisual' sempena Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2022 yang telah diadakan pada 27 Oktober 2022. Turut bersama selaku panel forum ini juga ialah YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. A. Razak Hj. Mohaideen (Profesor Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM), Puan Rokiah Abdul Samat (Kurator Bahagian Daftar warisan, Jabatan Warisan Negara) dan Ts. Azharul Azmir kamarulzaman (Pengarah *World Heritage Moving Image Centre*).



SESI SIMBOLIK PENYERAHAN BAHAN AUDIOVISUAL FINAS
KEPADA ARKIB NEGARA MALAYSIA.



SESI FORUM BERTAJUK 'SEMBANG-SEMBANG AUDIOVISUAL'



SIARAN BAHAN RESTORASI (BUKAN KOMERSIL) FINAS DI SALURAN RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

Inisiatif ini adalah merupakan Kerjasama dua pihak antara agensi di bawah Kemeterian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) iaitu FINAS dan Jabatan Penyiaran Malaysia pada tahun 2022. Sebanyak tiga (3) bahan arkib FINAS telah lulus dan melepasi standard di Jawatankuasa Penilaian Teknikal RTM bagi tujuan tayangan di saluran televisyen:





UNIT MEDIATHEQUE

MEDIATHEQUE

Mediatheque FINAS ditubuhkan untuk merekod, menyimpan dan menyediakan akses bahan kandungan kreatif serta maklumat sejarah dunia perfileman negara. Semua koleksi ini adalah untuk kegunaan FINAS, agensi-agensi kerajaan dan orang awam.

OBJEKTIF

Mendokumentasikan segala perolehan secara sistematik, mengendali dan menyediakan akses bahan kandungan kreatif audio visual serta maklumat sejarah dunia perfileman Negara.



SKOP KERJA

- ✦ Menyampaikan maklumat khazanah audio visual dan maklumat sejarah dunia perfileman dengan lebih sistematik dan berkesan.
- ✦ Meningkatkan kesedaran orang awam tentang isu-isu perkembangan kandungan kreatif negara.
- ✦ Memberi pendedahan kepada orang awam dalam penggunaan teknologi media interaktif dan semasa.
- ✦ Memudahkan akses maklumat berkaitan khazanah audio visual negara kepada orang awam.



FUNGSI MEDIATHEQUE

- ✦ Pembangunan Prasarana Ilmu dan Maklumat
- ✦ Menyediaan dan Memperkayakan Koleksi
- ✦ Mempromosi Bahan Koleksi dan Perkhidmatan
- ✦ Mendokumentasi dan Menyediakan Perkhidmatan Rujukan



FUNGSI MUSEUM OF MOVING IMAGES (MOMI)

- ✦ Pembangunan Prasarana Koleksi
- ✦ Menyediaan dan Memperkayakan Koleksi
- ✦ Mempromosi Bahan Koleksi dan Perkhidmatan
- ✦ Mendokumentasi dan Menyediakan Perkhidmatan Rujukan

JUMLAH BAJET DILULUSKAN 2022 RM11,200.00

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAHAGIAN / UNIT

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Program pameran dan jalinan kerjasama dengan industri	60	21
2	Jumlah Pengunjung / pelawat / taklimat ke Mediatheque & MOMI	7800	51651
	Memperkayakan koleksi rujukan :		
	Buku	60	18
	Majalah	200	161
3	Dokumentari /cereka	180	115
	Liputan peristiwa arkib	300	279
	Keratan akhbar	2100	2232
4	Menyediakan perkhidmatan rujukan, akses bahan & sirkulasi koleksi kandungan kreatif	1180	2666

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM 2022

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
1	Sesi Taklimat Bersama Pembekal E-Heritage	25 Februari 2022	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
2	Program Kesedaran Mediatheque & MOMI FINAS	04 Mac 2022	Kidzania, Kuala Lumpur	Lawatan Kerja
3	Sesi Taklimat & Latihan <i>Transfer of Technology</i> (TOT)	29 Mac 2022	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
4	Program JOM Membaca Bersama 10 Minit	24 April 2022	K-KOMM, Putrajaya	Pameran
5	Preview Bahan : Wayang Kulit - 42nd Pictures Sdn Bhd	27 April 2022	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
6	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	20-22 Mei 2022	Kota Kinbalu, Sabah	Pameran
7	Sesi Perbincangan Sinergi Industri FINAS Bersama Perpustakaan Negara	23 Jun 2022	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
8	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	1- 3 Julai 2022	Litar Dato' Sagor Pasir Salak, Perak	Pameran

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
9	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	22 - 24 Julai 2022	Stadium Sultan Muhammad ke IV, Kelantan	Pameran
10	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	5 - 7 Ogos 2022	Dataran Perayaan Petrajaya, Sarawak	Pameran
11	Program Karnival Merdeka Keluarga Malaysia	12 - 13 Ogos 2022	UniMAP, Padang Besar, Perlis	Pameran
12	Bulan Kemerdekaan & Bulan Bahasa Kebangsaan 2022	18 Ogos 2022	Bilik Auditorium Parlimen, Kuala Lumpur	Pameran
13	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	19-21 Ogos 2022	Stadium Melawati Shah Alam, Selangor	Pameran
14	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	2-4 Sept 2022	Stadium Darul Aman, Kedah	Pameran
15	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	6-10 Okt 2022	Dataran Jempol, Negeri Sembilan	Pameran
16	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	14-16 Okt 2022	MITC Ayer Keroh, Melaka	Pameran
17	Festival Filem Pelajar Malaysia Ke 13	17-19 Okt 2022	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak	Pameran
18	Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)	28-30 Okt 2022	Kuantan, Pahang	Pameran
19	Pameran dan Promosi Museology Bersama Komuniti Paya Besar (Kuantan & Bera, Temerloh)	11-17 Nov 2022	Kuantan & Bera, Pahang	Pameran
20	Festival Filem Malaysia (FFM) Ke 32	3-4 Dis 2022	Encore, Melaka	Pameran
21	Lawatan YB MenKOMM & Timbalan MenKOMM	15 Dis 2022	FINAS, Petaling Jaya	Lawatan Kerja



LAPORAN AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2022

Mediatheque merupakan pusat maklumat yang memfokuskan 4 teras utama iaitu pembangunan prasarana koleksi, mempromosikan bahan koleksi dan perkhidmatan, penyediaan dan memperkayakan koleksi serta mendokumentasi dan menyediakan perkhidmatan rujukan bahan kandungan kreatif sebagai warisan / khazanah negara.

Melalui penambahbaikan pembangunan prasarana koleksi, melalui projek perkhidmatan menaiktaraf sistem pengurusan perpustakaan bersepadu yang lengkap dalam konteks mempromosi koleksi dan pengurusan ilmu yang lebih sistematik serta mesra pelanggan. Melalui sistem ini, para pengguna dapat membuat carian bahan dengan mudah secara atas talian dan boleh melihat koleksi yang ada termasuk koleksi audio visual sejarah negara bermula seawal tahun 1944. Sistem ini boleh diakses melalui pautan www.mediatheque.finas.my.

Bahan-bahan koleksi audio visual dalam pelbagai format yang disimpan dalam 'film vault' adalah bernilai sejarah dan merupakan aset khazanah Negara. Sehingga Disember 2022, bahan audio visual bagi koleksi dokumentari, treler, cereka adalah sebanyak 6,331 tajuk dan koleksi liputan arkib sebanyak 7,080 liputan. Koleksi audio visual yang telah dibuat alihan format digital boleh di akses penuh dan pratonton melalui terminal yang disediakan diruang Unit Mediatheque, FINAS Petaling Jaya.

Selain itu, orientasi, latihan dan tunjuk ajar sistem integrasi ini juga melibatkan perkhidmatan rujukan lain yang boleh di dapati di Mediatheque seperti koleksi buku rujukan, novel, majalah/ terbitan bersiri terpilih tempatan dan antarabangsa, keratan akhbar tempatan berjilid berkaitan industri, laporan tahunan pelbagai agensi, gambar pegun, dan poster filem.






MUSEUM OF MOVING IMAGE (MOMI)

Museum Of Moving Image (MOMI) pula merupakan muzium imej bergerak pertama di rantau Asia Tenggara, yang didedikasikan khas bagi tujuan pameran dan pembelajaran industri perfileman tempatan. Muzium ataupun galeri industri perfileman menjadi platform bagi pameran bahan sedia ada untuk masyarakat memahami tentang revolusi industri perfileman. Artifak MOMI lebih 100 unit sedia untuk diakses oleh pengunjung secara fizikal dan secara interaktif termasuklah peralatan-

peralatan pengambaran seperti kamera filem, peralatan audio, mesin suntingan, projector filem dan peralatan pengambaran studio. Terdapat jua koleksi artifak khas dan maklumat biografi yang dipamerkan melibatkan tokoh-tokoh perfileman negara seperti koleksi Tan Sri Dr. Jins Shamsudin, A. R. Tompel, Aziz Satar, Tan Sri P. Ramlee, Roseyatimah, Sa'adiah dan ramai lagi yang diabadikan dalam segmen Layar Bintang.






MOMI juga menyediakan pakej lawatan berpandu kepada pengunjung untuk menyaksikan proses produksi, pasca produksi dan restorasi bahan kandungan digital bagi memupuk minat masyarakat umum melalui pengetahuan dan pemahaman bagi proses penerbitan, pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah kandungan kreatif Negara yang persekitarannya di kemaskini dari masa kesemasa.

PROGRAM / AKTIVITI / PAMERAN DAN HEBAHAN UNIT MEDIATHEQUE ANJURAN KEMENTERIAN / AGENSI DAN NGO







Aktiviti Pameran Sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia 2022



Lawatan Kerja YB Menteri & Timbalan Menteri Kementerian Komunikasi dan Digital ke FINAS Petaling Jaya

Aktiviti orientasi penggunaan teknologi media interaktif terkini akan melibatkan *AR Photobooth*, *VR Interactive Movie*, *Projection Mapping*, *Digital Colouring*, dan *Digital Directory* akan memberi pengalaman baru dan menarik kepada pengunjung. Diakhir kunjungan, aktiviti trivia / kuiz Khazanah Kreatif dan Artifak akan dilaksanakan dengan hadiah dan cenderahati yang disediakan kepada pengunjung.

INTERACTIVE MUSEUM OF MOVING IMAGES
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

AR Photobooth
Mengintegrasikan wajah pengguna dan AR dengan lancar ke dalam interaksi peribadi dan foto-sp yang luar biasa. Memberi pengguna pengalaman peribadi yang mengasyikkan dengan animasi, skrin hijau.

VR Interactive Movie
Alami Filem Malaysia dengan cara yang berbeza dengan berada di dalam filem itu sendiri. Berinteraksi dan buat keputusan anda sendiri untuk maju dalam filem anda sendiri.

Digital Directory
Direktori digital untuk menetapkan tempat tujuan anda yang seterusnya.

Projection Mapping
Mengubah objek biasa menjadi peringkat menarik perhatian dan mengubah hampir mana-mana permukaan kepada paparan dinamik yang unik. Kanvas kosong dengan kebebasan untuk memperapikan sebarang warna, tekstur, bentuk dan cerita.

Digital Colouring
Gabungan sempurna antara pengalaman tradisional dan digital. Meningkatkan ketiduan melihat lukisan anda dihidupkan pada skrin.

Artefact Scan AR
Lihat dan Berinteraksi dengan perwakilan 3D artifak yang dipaparkan. Fakta menarik dan sejarah artifak akan muncul pada skrin dengan mengimbas.

Hall of Fame AR
Kekalkan ikon legenda yang mengulir laluan untuk Industri Perfileman Malaysia. Kenang kenangan ikon legenda kami melalui AR World.

Interactive Hallway AR
Akses maklumat tambahan dan fakta sejarah yang menyeronokkan untuk makmal dan bilik yang digunakan untuk pembangunan filem pada masa lalu. Alami satu lagi dunia maklumat dalam hanya satu imbasan! Lengkapi diri dengan ilmu bagaimana proses penggambaran sepanjang sejarah dalam bentuk media.

MYMento AR
Ambil pengetahuan anda untuk menguji dengan melengkapkan satu set kuiz yang bertaburan di antara Kod QR untuk diimbas dalam MOMI.

Icons and QR codes:

- AR Photobooth:** Pose, Tangkap, dan dapatkannya melalui e-mail.
- VR Interactive Movie:** Letakkan pada Alat dengan VR, Pilih genre, Berinteraksi dengan dunia filem.
- Digital Directory:** Imbas kod QR direktori untuk mengakses apt web direktori peta.
- Projection Mapping:** Berdiri di tempat bertanda, Tonton dan menikmati persembahan.
- Digital Colouring:** Warna atau lukis, Imbas, Menonton secara langsung.
- Artefact Scan AR:** Scan a marker to view artifact in 3D, Imbas penanda ke lihat artifak dalam 3D, Sentuh dan fokus.
- Hall of Fame AR:** Imbas ke poster legenda artis, Ketahui tentang mereka kehidupan dan pekerjaan.
- Interactive Hallway AR:** Imbas penanda sepanjang dinding makmal, Akses dan lihat pelbagai media.
- MYMento AR:** Imbas QR khas kod seperti MOMI, Jawab semua kuiz soalan, Dapatkan hadiah pada penghujungnya.

Contact Information:
@finasmalaysia | FINAS Malaysia | info@finas.my
(603) 4104 1300 | (603) 4107 5216


Dalam usaha mendekatkan masyarakat dengan koleksi Khazanah Audio Visual Negara, seramai 51,657 pengunjung telah direkodkan melalui pelaksanaan 6 program lawatan dan 15 program pameran yang sempat dijayakan secara dilapangan. Media digital dan media sosial telah menjadi platform pilihan dalam mengisi ruang penyampaian maklumat yang berkesan. Dengan kerjasama penyiar tempatan seperti Bernama TV, saluran Youtube FINAS Malaysia dan Mediatheque@Finas, sejumlah 911,100 data pengunjung telah direkodkan. Melalui program-program pameran yang dianjurkan oleh Kerajaan, Kementerian Komunikasi & Digital dan rakan-rakan strategik yang telah diadakan sepanjang tahun 2022, para pengunjung dapat mengenali dengan lebih dekat produk dan perkhidmatan FINAS sekaligus dapat menjadikan Mediatheque dan MOMI sebagai hub Khazanah Kandungan Kreatif Negara.

MAKLUMAT / DATA / STATISTIK PENCAPAIAN DALAM

BENTUK JADUAL / CARTA BAR / CARTA *PIE* DAN LAIN-LAIN

BIL	AKTIVITI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (TAHUNAN)				JUMLAH
		SUKUAN 1 (JAN-MAC)	SUKUAN 2 (APR-JUN)	SUKUAN 3 (JUL-SEP)	SUKUAN 4 (OKT-DIS)	
1	Pengunjung / Pelawat	1,805	3,101	36,550	10,201	51,657
2	Aktiviti / Pameran / Lawatan Berpandu	3	4	7	7	21 (Tempatan)
		-	-	-	-	- (Antarabangsa)
3	Media Sosial	191,333	227,777	250,343	241,657	911,110

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Mediatheque & MOMI bagi Tahun 2022. Statistik Pengunjung Mediatheque & MOMI 2022.





BAHAGIAN KEWANGAN

BAHAGIAN

KEWANGAN

Terbahagi kepada lima (5) unit iaitu Unit Terimaan, Unit Bayaran, Unit Belanjawan, Unit Penyata Kewangan dan Unit Perolehan.

FUNGSI

- Bertanggungjawab memastikan kawalan dari segi kewangan iaitu hasil dan perbelanjaan mengikut tatacara dan peraturan kewangan Kerajaan.
- Menyediakan Bajet Tahunan Perbadanan.
- Bertanggungjawab menguruskan proses bayaran dan terimaan Perbadanan.
- Menguruskan perolehan Perbadanan supaya mematuhi dasar dan peraturan yang ditetapkan Kerajaan.
- Menyediakan Penyata Kewangan Perbadanan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
- Menguruskan pembayaran gaji dan ganjaran kakitangan Perbadanan.

PETUNJUK PRESTASI BAHAGIAN KEWANGAN

BIL	PERKARA	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2022
1	Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021	Mendapat Sijil Audit Bersih	Sijil Audit Bersih
2	Pembayaran Bil Dalam Tempoh Yang Ditetapkan	Pembayaran bil dilakukan dalam tempoh 3 hari setelah dokumen lengkap diterima.	Kesemua bil telah dibayar dalam tempoh 3 hari.
3	Laporan Pembayaran Bil Disediakan Dan Dihantar Setiap Minggu	Laporan Pembayaran Bil disediakan dan dihantar kepada K-KOMM setiap minggu.	Kesemua Laporan Pembayaran Bil telah disediakan dan dihantar kepada K-KOMM.
4	Terimaan Wang Dikeluarkan Resit Dengan Segera.	Terimaan wang dikeluarkan resit dalam tempoh yang ditetapkan.	Semua terimaan wang pada tahun 2022 telah dikeluarkan resit dalam tempoh yang ditetapkan.

BIL	PERKARA	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2022
5	Penyata Penyesuaian Bank Dibuat Dalam Tempoh Yang Ditetapkan	Semua Penyata Penyesuaian Bank dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.	Semua Penyata Penyesuaian Bank telah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
6	Laporan Akaun Belum Terima (ABT) Disediakan Dan Dihantar Setiap Sukuan.	Laporan ABT disediakan dan dihantar kepada K-KOMM mengikut garis masa yang telah ditetapkan.	4 Laporan ABT telah disediakan dan dihantar kepada K-KOMM mengikut garis masa yang telah ditetapkan.
7	Proses Perolehan Dibuat Mengikut Perancangan Tahunan	Memastikan semua proses perolehan dibuat mengikut perancangan tahun semasa.	Sebanyak 9 Tender dan 34 Sebut Harga telah dilaksanakan pada tahun 2022.
8	Laporan Perbelanjaan Bulanan Disediakan Dan Dihantar Setiap Bulan.	Laporan Perbelanjaan Bulanan disediakan dan dihantar setiap bulan kepada K-KOMM .	12 Laporan Perbelanjaan Bulanan telah disediakan dan dihantar kepada K-KOMM .
9	Permohonan Bajet Tahunan	Permohonan Bajet Tahunan dibentangkan kepada Kementerian Kewangan.	Permohonan Bajet Tahun 2023 telah dibentangkan kepada Kementerian Kewangan pada 15 Jun 2022.
10	Permohonan Penyaluran Geran Mengurus Dan Pembangunan Dihantar Setiap Sukuan.	Permohonan Bajet Mengurus dan Pembangunan hendaklah dihantar setiap awal sukuan kepada K-KOMM .	4 permohonan Bajet Mengurus dan 4 permohonan Bajet Pembangunan telah disediakan dan dihantar kepada K-KOMM.
11	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JPKA)	Memastikan Mesyuarat JPKA diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun selaras dengan Peraturan Kewangan dan Perakaunan Perbadanan.	4 Mesyuarat JPKA telah diadakan pada tahun 2022.
12	Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK)	Memastikan Mesyuarat JTK diadakan apabila terdapat keperluan.	1 Mesyuarat JTK telah diadakan pada tahun 2022.
13	Pemeriksaan Dalaman	Memastikan pemeriksaan dalaman dilakukan di semua PTJ yang memegang Panjar, menerima wang dan lain-lain dokumen kewangan.	Pemeriksaan dalaman telah dibuat dikesemua PTJ yang memegang panjar, menerima wang dan lain-lain dokumen kewangan sepanjang tahun 2022.
14	Pembentangan Laporan Kedudukan Kewangan kepada Ahli Perbadanan	Memastikan Laporan Kedudukan Kewangan dibentangkan semasa Mesyuarat Ahli Perbadanan.	5 Laporan Kedudukan Kewangan telah dibentangkan kepada Ahli Perbadanan sepanjang tahun 2022.

GAMBAR AKTIVITI BAHAGIAN KEWANGAN







PENYATA KEWANGAN

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/ Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [Akta 244].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [Akta 244]. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Perbadanan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan yang melibatkan perbezaan rekod hartanah, loji dan peralatan dalam senarai daftar aset disebabkan kelemahan sistem yang tidak berintegrasi. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia disaran untuk mempertingkatkan kawalan sistem bagi memastikan ia berintegrasi untuk menjana rekod kewangan yang tepat dan betul.

Sijil ini dibuat untuk Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [Akta 244] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA
20 DISEMBER 2023

Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Perbadanan

Kami, **Dato' Kamil Ahmad Bin Dato' Mohd Othman** dan **Idwan Ariff Bin Abdul Rahman** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Perbadanan:



Dato' Kamil Ahmad Bin Dato' Mohd Othman
Pengerusi



Idwan Ariff Bin Abdul Rahman
Ahli Perbadanan

Tarikh: 15.08.2023

Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan

Saya, **Dato' Azmir Saifuddin Bin A Mutalib**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**)
pada **16 AUG 2023**



.....
Dato' Azmir Bin Saifuddin A Mutalib
(No K/P: 751130-10-5239)



.....
PESURUHJAYA SUMPAAH
MALAYSIA
CALTEX, LOT 2883, CABIN 1A,
JALAN GENTING KELANG,
SEKSYEN 1, WANGSA MAJU,
53300 KUALA LUMPUR

Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2022

		31.12.2022 RM	31.12.2021 RM
	Nota		Dinyatakan semula
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4	236,023,437	242,423,673
Aset tak ketara	5	3,421,663	2,769,071
Penghutang transaksi pertukaran	6	308,153	248,624
		239,753,253	245,441,368
ASET SEMASA			
Penghutang transaksi pertukaran	6	524,421	949,725
Penghutang transaksi bukan pertukaran	7	244,720	-
Tunai di tangan dan di bank	8	121,250,638	111,907,666
		122,019,779	112,857,391
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	9	7,364,684	2,881,628
Peruntukan manfaat kakitangan	10	93,905	186,837
Peruntukan cukai		107,130	28,574
		7,565,719	3,097,039
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan manfaat kakitangan	10	1,278,698	1,524,452
Deposit filem	11	12,956,202	14,991,902
Deposit pelupusan harta		1,613	1,613
Geran tertunda	12	77,794,496	64,771,315
Liabiliti cukai tertunda		1,606,793	1,606,793
		93,637,802	82,896,075
ASET BERSIH		260,569,511	272,305,645
EKUITI/ASET BERSIH			
Lebihan terkumpul		222,337,760	234,073,894
Rizab penilaian aset		37,531,751	37,531,751
Kumpulan wang pinjaman		700,000	700,000
		260,569,511	272,305,645

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Prestasi Kewangan

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		31.12.2022 RM	31.12.2021 RM
	Nota		Dinyatakan semula
PENDAPATAN			
Transaksi bukan pertukaran			
Geran mengurus		36,196,880	35,322,746
Pelunasan geran tertunda	12	84,881,107	90,064,984
Lesen dan bayaran filem	13	1,544,465	1,460,745
Pendapatan transaksi bukan pertukaran lain	14	2,816,300	3,136,400
		125,438,752	129,984,875
Transaksi pertukaran			
Produksi dan latihan		73,214	196,111
Promosi dan perolehan		87,263	23,573
Sewaan		224,436	234,280
Faedah		460,364	274,774
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan		273,702	57,726
Pendapatan lain		198,137	355,752
		1,317,116	1,142,216
JUMLAH PENDAPATAN		126,755,868	131,127,091
PERBELANJAAN			
Emolumen	15	24,284,745	22,220,649
Perkhidmatan dan bekalan		89,444,246	80,043,670
Pemberian dan kenaikan tetap		13,718,180	21,061,973
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	4	9,594,062	7,582,118
Pelunasan aset tak ketara	5	869,959	671,490
Perbelanjaan lain		473,680	170,442
JUMLAH PERBELANJAAN		138,384,872	131,750,342
DEFISIT SEBELUM CUKAI			
Cukai	16	(11,629,004)	(623,251)
		(107,130)	(305,643)
DEFISIT TAHUN SEMASA		(11,736,134)	(928,894)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Nota	Lebihan terkumpul RM	Rizab penilaian aset RM	Kumpulan wang			Jumlah RM
			Pinjaman kenderaan RM	Pinjaman komputer RM		
Pada 1 Januari 2021, seperti dinyatakan sebelum Pelarasan tahun lepas	33,441,638 19	37,531,751 -	600,000 -	100,000 -	71,673,389 201,561,150	
Seperti yang dinyatakan semula	235,002,788	37,531,751	600,000	100,000	273,234,539	
Defisit tahun semasa	(928,894)	-	-	-	(928,894)	
Pada 31 Disember 2021	234,073,894	37,531,751	600,000	100,000	272,305,645	
Pada 1 Januari 2022, seperti dinyatakan sebelum Pelarasan tahun lepas	161,318,818 19	37,531,751 -	600,000 -	100,000 -	199,550,569 72,755,076	
Seperti yang dinyatakan semula	234,073,894	37,531,751	600,000	100,000	272,305,645	
Defisit tahun semasa	(11,736,134)	-	-	-	(11,736,134)	
Pindahan Kumpulanwang	-	-	(200,000)	200,000	-	
Pada 31 Disember 2022	222,337,760	37,531,751	400,000	300,000	260,569,511	

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Defisit sebelum cukai	(11,629,004)	(623,251)
<u>Pelarasan untuk:-</u>		
Geran mengurus	(36,196,880)	(35,322,746)
Geran tertunda dilunaskan	(84,881,107)	(90,064,985)
Pendapatan faedah simpanan tetap	(446,374)	(266,731)
Pendapatan faedah pinjaman kakitangan	(13,990)	(8,043)
Depositi filem dilucuthak	(2,806,000)	(3,133,000)
Lebihan peruntukan gantikan cuti rehat tahun terdahulu	(151,851)	(409,376)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	9,594,062	7,582,118
Polunasan aset tak ketara	869,959	671,490
	(125,661,185)	(121,574,524)
<u>Perubahan modal kerja:-</u>		
Penghutang transaksi pertukaran	199,991	(178,144)
Pemiutang	4,454,482	1,371,666
<u>Tunai (digunakan untuk)/dijana dari aktiviti operasi</u>	(121,006,712)	(120,381,002)
Bayaran cukai tahun semasa	-	(529,677)
Bayaran gantikan cuti rehat	(186,835)	(54,900)
Terimaan geran tertunda	99,926,677	70,210,930
Pemulangan geran tertunda	(2,022,389)	(38,600)
Terimaan deposit filem	1,266,900	1,275,000
Pemulangan deposit filem	(496,600)	(578,000)
Terimaan deposit pelupusan harta	-	1,170
Penerimaan geran mengurus	36,196,880	35,322,746
Penerimaan faedah dari simpanan tetap	446,374	266,731
Penerimaan faedah dari pinjaman kakitangan	13,990	8,043
Terimaan bayaran semula pinjaman kakitangan	158,950	140,744
Pemberian pinjaman kakitangan	(237,886)	(238,300)
<u>Tunai bersih dijana dari/(digunakan untuk) aktiviti operasi</u>	14,059,349	(14,595,115)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Penambahan hartanah, loji dan peralatan	(3,193,833)	(10,116,371)
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	7	93
Penambahan aset tak ketara	(1,522,551)	(2,012,636)
<u>Tunai bersih (digunakan untuk)/dijana dari aktiviti pelaburan</u>	(4,716,377)	(12,128,914)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai (Sambungan)

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	2022 RM	2021 RM
Lebihan/(Kurangan) bersih tunai dan setara tunai	9,342,972	(26,724,029)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	111,907,666	138,631,695
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	121,250,638	111,907,666
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Tunai di tangan dan di bank	121,250,638	111,907,666
	121,250,638	111,907,666

Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	JUMLAH BAJET		Amaun sebenar pada asas setanding RM	Perbezaan bajet akhir dan amaun sebenar RM
	Asal RM	Akhir RM		
PERBELANJAAN				
Emolumen:-				
Gaji dan upahan	15,000,000	14,328,000	14,166,801	161,199
Elaun tetap	4,545,000	4,550,000	4,545,672	4,328
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	2,757,000	2,757,000	2,486,917	270,083
Elaun lebih masa	1,170,000	2,170,000	1,867,350	302,650
Faedah-faedah kewangan yang lain	226,370	228,907	131,022	97,884
Bayaran imbuhan dan bantuan khas kewangan	-	517,000	483,500	33,500
Perkhidmatan dan bekalan:-				
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	1,153,780	1,895,713	1,731,462	164,251
Pengangkutan barang-barang	55,000	157,395	150,627	6,769
Perhubungan dan utiliti	1,952,000	2,420,730	2,325,868	94,862
Sewaan	363,060	443,237	401,854	41,383
Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan	170,000	233,805	228,878	4,927
Bekalan dan bahan-bahan lain	446,400	715,481	688,306	27,175
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli	1,948,800	2,879,993	2,792,614	87,379
Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain	5,192,310	13,203,098	13,007,281	195,817
Ganjaran kakitangan awam	-	6,000	4,489	1,511
Gantirugi cuti rehat	180,000	274,000	220,440	53,560
Perbelanjaan lain	241,290	434,581	385,212	49,368
Cukai	177,870	188,747	148,142	40,605
Harta Modal	-	637,830	280,970	356,860
Pemberian dan kenaikan tetap:-				
Biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran	60,000	50,000	3,983	46,017
Pemberian dalam Negeri	553,000	778,532	751,540	26,992
JUMLAH PERBELANJAAN	36,191,880	48,870,047	46,802,929	2,067,118
SUMBANGAN KERAJAAN	36,191,880	36,196,880	36,196,880	-
SUMBER DALAMAN	-	12,673,167	10,606,049	2,067,118
JUMLAH	36,191,880	48,870,047	46,802,929	2,067,118

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Nota kepada Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar:-

Tahun 2022 memperlihatkan pemulihan ekonomi negara berterusan ini berikutan peralihan kepada fasa endemik Covid 19 dan pembukaan semula sempadan antarabangsa pada 1 April 2022. Ini telah memberi impak untuk memacu momentum pertumbuhan ekonomi negara sepanjang tahun 2022. Kesan ekonomi ini telah membawa perubahan positif kepada industri kreatif di mana aktiviti seni kembali rancak dijalankan. Panggung wayang dan juga penggambaran filem yang tergendala telah kembali beroperasi seperti biasa.

Bajet operasi mengurus yang telah diluluskan oleh Kementerian Komunikasi Dan Digital (KKD) adalah berjumlah RM36,196,880, Perbadanan telah menggunakan sumber dalaman sebanyak RM10,606,049 bagi menampung keperluan yang mendesak untuk memastikan operasi Perbadanan dapat berjalan lancar.

Peningkatan perbelanjaan akhir bagi elaun lebih masa sebanyak RM1,867,350 adalah untuk pembayaran elaun lebih masa bagi kakitangan. Peningkatan ini disebabkan oleh aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang telah dilakukan secara berkala ke atas penggambaran perfileman dan aktiviti penguatkuasaan lesen yang giat dilaksanakan oleh FINAS termasuk di cawangan zon utara, selatan, timur, Sabah dan Sarawak. Impak itu juga turut melibatkan perbelanjaan perjalanan dan sara hidup yang meningkat dengan perbelanjaan akhir sebanyak RM1,731,462. FINAS juga telah memperuntukan bajet bagi pembelian aset untuk tahun 2022 sebanyak RM637,830 untuk pembelian kenderaan dan komputer bagi menggantikan aset lama yang tidak ekonomik. Peningkatan perbelanjaan akhir bagi perhubungan dan utiliti sebanyak RM2,325,868 adalah disebabkan perbelanjaan utiliti seperti elektrik dan air yang meningkat disebabkan oleh pengoperasian penuh oleh FINAS ibu pejabat dan zon. Peningkatan utiliti ini juga disebabkan oleh keperluan utama penggunaan internet yang telah dipertingkat untuk kualiti kemudahan wifi bagi aktiviti seperti *virtual conference* yang kerap digunakan dan juga untuk kelancaran penggunaan semua sistem yang digunakan oleh FINAS. Seterusnya, peningkatan perbelanjaan akhir bagi perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain sebanyak RM13,000,281 adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan operasi bagi menanggung kos perubatan kakitangan, gaji kakitangan mystep, elaun dan pelaksanaan beberapa program utama FINAS yang telah tertangguh akibat dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

1. MAKLUMAT PERBADANAN

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244). Akta tersebut telah dipinda pada tahun 2013 (Akta A1451) selaras penggabungan FINAS dengan Jabatan Filem Negara Malaysia.

Tujuan penubuhan FINAS adalah untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman. Pejabat FINAS terletak di Kompleks Studio Merdeka, Lot 1662, Batu 8, Jalan Hulu Kelang, Selangor.

Penyata Kewangan telah dibentang dan diluluskan oleh Ahli-ahli Lembaga FINAS pada 15 Ogos 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) (akta ini telah dipinda pada tahun 2013 kepada Akta A1451) dan Piawaian Perakaunan untuk Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*) dengan mengambil kira pengecualian yang mana dibenarkan.

FINAS mula menggunakan piawaian perakaunan MPSAS pada tahun kewangan 2021. MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti tidak perlu mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu dalam tempoh 3 tahun bermula dari tarikh permulaan penggunaan MPSAS.

Dalam penyata kewangan tahun semasa, FINAS masih belum mengiktiraf liabiliti manfaat perubatan pasca persaraan yang dibayar kepada kakitangan yang telah bersara. Pengiktirafan liabiliti ini akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal lebih terkumpul.

Selain itu, pelunasan geran tertunda FINAS masih belum memenuhi keperluan MPSAS 23 secara menyeluruh. Pematuhan terhadap kehendak piawaian ini akan dibuat secara berperingkat sepanjang tempoh yang dibenarkan dengan kesan pengiktirafannya akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal geran tertunda dan lebih terkumpul.

2.2 Asas pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 2.

2.3 Mata wang persembahan dan fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang fungsian untuk FINAS.

2.4 Anggaran dan pertimbangan perakaunan signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andalan yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andalan asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam menggunakan pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Instrumen kewangan

3.1.1 Aset kewangan

(a) Pengiktirafan dan taksiran awal

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, FINAS menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Pengkelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah, bagi aset kewangan tidak direkod pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, kos transaksi yang terlibat dalam perolehan aset kewangan tersebut.

(b) Penilaian berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas rosot nilai.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Rosot nilai untuk aset kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1 Instrumen kewangan (sambungan)

3.1.2 Liabiliti kewangan

(a) Pengiktirafan dan taksiran awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit atau pinjaman dan pembiayaan.

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan termasuk pemiutang dan pinjaman dan pembiayaan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan, untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

(b) Penilaian berikutan

Penilaian berikutan untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Pinjaman dan Pembiayaan

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebihan atau defisit apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkaedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisah keluar, dibatal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikaedahkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan diantara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

3.1.3 Hapus silang (Ofset) instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

3.2 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai adalah tunai di tangan, baki dalam bank dan pelaburan jangka pendek cair yang sedia ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui.

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Hartanah, loji dan peralatan

(a) Pengiktirafan dan ukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan penjejasan nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Ambang permodalan untuk hartanah, loji dan peralatan adalah pada item RM2,000 seunit. Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau defisit, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau defisit.

(b) Susut nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza daripada bahagian yang lain, komponen berkenaan disusut nilai secara berasingan.

Susut nilai dibuat menurut kaedah garis lurus untuk melupus kira kos, berasaskan tempoh anggaran usia kegunaan setiap aset. Aset dalam pembinaan tidak disusut nilai.

Tempoh susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

Tanah pajakan	Sepanjang jangka pajak
Bangunan	50 tahun
Pembaikan bangunan	50 tahun
Perabot dan kelengkapan	10 tahun
Alat perfileman	5 tahun
Kenderaan	5 tahun
Komputer	5 tahun

3.4 Aset tidak ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan pada awalnya diiktiraf pada harga kos. Seterusnya, aset tidak ketara dinyatakan pada harga kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul, jika ada.

Pelunasan aset tidak ketara menggunakan kaedah garis lurus ke atas nilai kos yang boleh dilunaskan bagi tempoh usia guna aset. Tempoh anggaran usia guna adalah seperti berikut:

Perisian komputer dan aplikasi	5 tahun
--------------------------------	---------

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila FINAS mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa terbaik.

3.6 Manfaat kakitangan

(a) Manfaat jangka pendek

Manfaat pekerja berkenaan upah, gaji, bonus dan gantian cuti rehat dikira atas dasar tanpa diskaun dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja.

(b) Manfaat kakitangan (Gantian cuti rehat - GCR)

Bayaran manfaat kakitangan yang akan dibayar selepas persaraan pekerja diiktiraf secara akruan sebagai belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun semasa, manakala peruntukan manfaat kakitangan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah liabiliti sebagai Peruntukan Manfaat Kakitangan.

Pengiraan peruntukan bayaran gantian cuti rehat kepada pesara adalah berdasarkan maklumat sebenar yang tersedia pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan kelayakan manfaat adalah berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan.

(c) Pelan caruman tetap

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pegawai yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi pegawai yang memilih skim pencen.

Caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perkhidmatan berkaitan telah dilaksanakan.

3.7 Rosot nilai untuk aset bukan kewangan

Aset penjanaan tunai

Semakan dibuat sama ada terdapat petanda bahawa nilai dibawa aset bukan kewangan mengalami rosot nilai. Sekiranya ada, anggaran nilai boleh diperolehi aset berkenaan akan dilakukan.

Bagi tujuan menyemak rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada unit penjanaan tunai ("UPT"), iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Nilai boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama selepas kos untuk jualan dan nilai gunaan. Untuk mentafsir nilai gunaan, unjuran aliran tunai didiskaunkan pada kadar diskaun sebelum cukai yang berpandukan kepada taksiran pasaran semasa untuk aset atau UPT berkenaan.

Rosot nilai akan diiktiraf apabila nilai bawa untuk aset atau UPT yang berkenaan melebihi jumlah boleh diperolehi.

Kerugian rosot nilai akan dibalikkan sekiranya terdapat perubahan anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh diperolehi sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Kerugian rosot nilai akan dibalikkan hanya setakat nilai bawa aset tersebut yang tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya (jumlah bersih selepas susut nilai dan pelunasan), sekiranya kerugian rosot nilai tidak diiktiraf. Pembalikan ini dikreditkan ke lebihan atau defisit pada tahun kewangan pembalikan dibuat.

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.8 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan transaksi bukan pertukaran

- i. Geran Kerajaan tanpa syarat pelaksanaan spesifik diiktiraf sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.
- ii. Geran Kerajaan dengan syarat pelaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.
- iii. Pendapatan dari deposit dilucut hak diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.
- iv. Pendapatan lesen filem dan bayaran filem serta kompaun diiktiraf atas dasar tunai.

Pendapatan transaksi pertukaran

- i. Pendapatan sewaan alat diiktiraf berdasarkan akruan sesuai dengan substansi perjanjian.
- ii. Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap diiktiraf mengikut asas akruan.
- iii. Hasil keuntungan daripada pinjaman kenderaan dikira berasaskan baki pokok pinjaman setiap bulan. Keuntungan daripada pinjaman komputer diiktiraf terus semasa pinjaman dikeluarkan.
- iv. Hasil perkhidmatan (tidak bersubsidi) operasi FINAS diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan.

3.9 Percukaian

Cukai pendapatan atas untung atau rugi bagi tempoh semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tempoh semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam Penyata Kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum diserap dan elaun modal belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh di mana aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke ekuiti.

Aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan masa hadapan yang dikenakan cukai boleh didapati daripada perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak setiap tarikh laporan dan dikurangkan hingga tiada kemungkinan faedah cukai berkaitan akan dicapai.

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.10 Sifat dan tujuan Kumpulan Wang

- (a) **Geran Tertunda Dana Pembangunan**
Peruntukan bagi Projek Pembangunan yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia ke 10 untuk pembangunan Studio Digital Mixstage.
- (b) **Geran Tertunda Dana RMK 11**
Peruntukan bagi Projek Pembangunan yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia ke 11.
- (c) **Geran Tertunda Dana RMK 12**
Peruntukan bagi Projek Pembangunan yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia ke 12.
- (d) **Geran Tertunda Dana Amanah**
Peruntukan khas Dana Industri Kandungan Digital (DIKD), yang diwujudkan di bawah Akaun Amanah KKD bagi tujuan pemberian dana kepada penggiat Industri Kreatif di Malaysia.
- (e) **Geran Tertunda Dana Duti Hiburan Filem**
Peruntukan tahunan yang diwujudkan sebagai satu pulangan kutipan cukai hiburan kepada penerbit filem tempatan.
- (f) **Geran Tertunda Dana Dokumentari**
Peruntukan tahunan yang diwujudkan sebagai satu bentuk bantuan kewangan bagi penerbitan dokumentari tempatan.
- (g) **Geran Tertunda Dana Kenegaraan**
Peruntukan tahunan yang diwujudkan sebagai satu bentuk bantuan kewangan bagi penerbitan filem kenegaraan.
- (h) **Geran Tertunda Dana Animasi**
Peruntukan tahunan yang diwujudkan sebagai satu bentuk bantuan kewangan bagi penerbitan Animasi.
- (i) **Geran Tertunda Dana-dana Lain**
Peruntukan dana secara one-off bagi menjalankan projek-projek khas yang telah diluluskan di peringkat Kerajaan.
- (j) **Geran Tertunda Dana CILL**
Peruntukan khas yang diterima daripada agensi Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bagi meneruskan kesinambungan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat Industri Kreatif.

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.11 Transaksi nilai saksama

Kecuali transaksi pajakan, nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima sebagai jualan aset atau dibayar untuk pindahan liabiliti secara transaksi teratur di antara peserta urusniaga pada tarikh taksiran dilakukan. Taksiran ini mengandaikan transaksi untuk menjual aset atau memindah liabiliti berlaku samada di pasaran utama atau di pasaran yang paling berpulangan tinggi.

Nilai saksama instrumen kewangan yang diniaga secara aktif di pasaran kewangan teratur ditentukan secara merujuk kepada harga bidaan tersiar dikala urusniaga ditutup pada tarikh pelaporan. Untuk instrumen kewangan tanpa pasaran aktif, nilai saksama dibuat menggunakan kaedah penilaian.

Kaedah berkenaan termasuk menggunakan transaksi pasaran secara tulus, rujukan kepada nilai saksama instrumen lain yang seakan, analisa aliran tunai didiskaunkan atau model penilaian lain.

Untuk aset bukan kewangan, taksiran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi menggunakan aset berkenaan secara terbaik atau secara menjual kepada peserta urusniaga lain yang dijangka akan memanfaatkan aset berkenaan sebaik mungkin.

Untuk menaksir nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, FINAS menggunakan data pasaran yang boleh diperhati secara sejauh mungkin. Nilai saksama dikelaskan kepada peringkat berbeza di dalam hierarki nilai saksama berdasarkan kepada input yang diguna untuk kaedah penilaian seperti berikut:-

- Peringkat 1 – Harga tersiar (tanpa dilaraskan) di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang dikenal pasti.
- Peringkat 2 – Input selain dari harga tersiar dalam lingkungan Peringkat 1 yang boleh diperhati untuk aset atau liabiliti, samada secara langsung (iaitu harga) atau tidak langsung (iaitu diperolehi dari harga).
- Peringkat 3 – Input untuk aset atau liabiliti yang tidak berdasar kepada data pasaran boleh diperhati (Input tidak boleh diperhati).

FINAS mengiktiraf pindahan di antara hierarki nilai saksama di kala berlaku peristiwa atau perubahan keadaan yang menyebabkan pindahan berkenaan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah RM	Tanah pajakan RM	Tanah PTP RM	Bangunan RM	Bangunan PTP RM	Pembalikan bangunan RM	Perabot dan kelengkapan RM	Alat peralatan RM	Kenderaan RM	Komputer RM	Jumlah 2022 RM	Jumlah 2021 RM
Kos												
Pada 1 Januari	7,474,443	26,983,490	145,630,000	21,792,087	24,680,000	865,956	8,663,410	101,036,992	3,282,750	17,212,226	357,621,334	357,098,633
Penambahan	-	-	-	-	-	596,256	408,216	1,418,315	173,145	597,901	3,193,833	10,116,371
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	(1,324,910)	(2)	-	(1,324,912)	(9,593,670)
Pada 31 Disember	7,474,443	26,983,490	145,630,000	21,792,087	24,680,000	1,462,212	9,071,626	101,130,397	3,455,893	17,810,127	359,490,255	357,621,334
Susutnilai terkumpul												
Pada 1 Januari	-	3,229,848	5,901,341	96,925	894,000	109,447	5,528,906	89,305,478	2,977,831	7,153,885	115,197,661	117,209,120
Susutnilai	-	683,198	1,475,335	24,415	307,600	27,736	505,563	3,746,681	113,904	2,709,638	9,594,062	7,582,118
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	(1,324,905)	-	-	(1,324,905)	(9,593,677)
Pada 31 Disember	-	3,913,046	7,376,676	121,340	1,201,600	137,185	6,034,459	91,727,254	3,091,735	9,863,523	123,466,818	115,197,661
Nilai bawa bersih												
Pada 31 Disember 2022	7,474,443	23,070,444	138,253,324	21,670,727	23,478,400	1,325,027	3,037,167	9,403,143	364,158	7,946,604	236,023,437	-
Pada 31 Disember 2021	7,474,443	23,753,642	139,728,659	21,695,142	23,795,000	756,509	3,134,504	11,731,514	304,919	10,058,341	-	242,423,673
Susutnilai dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021												
	-	668,303	1,475,335	22,837	223,500	23,394	375,909	2,432,836	160,904	2,199,100	-	7,582,118

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

5. ASET TAK KETARA

	Jumlah 2022 RM	Jumlah 2021 RM
Perisian komputer		
Kos		
Pada 1 Januari	4,856,334	2,843,698
Tambahan tahun semasa	1,522,551	2,012,636
Pada 31 Disember	6,378,885	4,856,334
Pelunasan terkumpul		
Pada 1 Januari	2,087,263	1,415,773
Pelunasan	869,959	671,490
Pada 31 Disember	2,957,222	2,087,263
Nilai bawa bersih		
Pada 31 Disember 2022	3,421,663	-
Pada 31 Disember 2021	-	2,769,071

6. PENGHUTANG TRANSAKSI PERTUKARAN

	2022 RM	2021 RM
Amaun kasar		
Penghutang pinjaman kakitangan (Nota 6(a))	541,771	462,835
Penghutang bayaran filem import	-	2,250
Penghutang pelbagai, deposit dan prabayar (Nota 6(b))	409,888	852,349
	951,659	1,317,434
Tolak: Peruntukan rosot nilai		
Penghutang pinjaman kakitangan	(83,085)	(83,085)
Penghutang pelbagai, deposit dan prabayar	(36,000)	(36,000)
	(119,085)	(119,085)
Aset kewangan pada kos terlunas	832,574	1,198,349
Didedahkan sebagai:		
Aset bukan semasa	308,153	248,624
Aset semasa	524,421	949,725
	832,574	1,198,349

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

6. PENGHUTANG TRANSAKSI PERTUKARAN (SAMBUNGAN)

Analisa pengumuran:-

(a) Penghutang pinjaman kakitangan

Analisa kematangan pinjaman	2022 RM	2021 RM
Dalam 1 tahun	150,533	131,126
Dalam 2 - 5 tahun	290,336	227,988
Lebih dari 5 tahun	100,902	103,721
	541,771	462,835

(b) Penghutang pelbagai, deposit dan prabayar

	2022 RM	2021 RM
Belum tertunggak dan tidak dirosotnilai	-	252,287
Tertunggak tanpa dirosot nilai :-		
- Tertunggak melebihi tempoh 1 - 90 hari	251,661	-
- Tertunggak melebihi tempoh 360 hari	122,227	564,062
	373,888	816,349
Dirosotnilai	36,000	36,000
	409,888	852,349

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan FINAS.

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, FINAS yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk rosotnilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi semula sepenuhnya.

Penghutang yang dirosotnilai

Tiada pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian rosot nilai penghutang pada tarikh pelaporan. Penghutang dirosotnilai ini telah dikenalpasti secara individu kerana berdasarkan penilaian pada tarikh pelaporan, FINAS menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

7. PENGHUTANG TRANSAKSI BUKAN PERTUKARAN

Transaksi bukan pertukaran belum terima merujuk kepada cukai pendapatan terlebih bayar.

	2022 RM	2021 RM
Cukai boleh dikembalikan	244,720	-
	244,720	-

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

8. TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	2022 RM	2021 RM
Baki di bank	121,245,792	111,902,666
Tunai di tangan	4,846	5,000
	121,250,638	111,907,666

9. PEMIUTANG

	2022 RM	2021 RM
Pemiutang pelbagai	4,255,403	143,124
Depositi dan wang tahanan	14,698	13,611
Liabiliti kewangan pada kos terlunas	4,270,101	156,735
Akruan	3,094,583	2,724,893
	7,364,684	2,881,628

10. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2022 RM	2021 RM
Pada 1 Januari	1,711,289	2,175,565
Kurangan/(Lebih) peruntukan tahun terdahulu	(151,851)	(409,376)
Bayaran tahun semasa	(186,835)	(54,900)
Pada 31 Disember	1,372,603	1,711,289
Didedahkan sebagai:-		
Liabiliti semasa	93,905	186,837
Liabiliti bukan semasa	1,278,698	1,524,452
	1,372,603	1,711,289

Peruntukan manfaat kakitangan merujuk kepada pelan manfaat persaraan yang membenarkan kakitangan mengumpul cuti tahunan yang boleh ditukarkan kepada wang tunai dimana bayaran sekaligus dibuat pada tarikh persaraan wajib atau lebih awal melalui persaraan pilihan, persaraan disebabkan kesihatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan atau melalui mana-mana peraturan yang tertakluk dari semasa ke semasa.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

11. DEPOSIT FILEM

Deposit filem adalah cagaran yang dikenakan kepada aktiviti pengeluaran, pengedaran dan pemameran yang terlibat di dalam filem dan video.

Deposit filem yang diterima/dikembalikan atau dilucut hak mengikut aktiviti-aktiviti adalah seperti di bawah Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pelesenan) 1983.

	Pengeluaran filem		Pengedaran filem		Pemameran filem		Jumlah	
	Filem	Video	Filem	Video	Filem	Video	2022	2021
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari	3,332,501	291,750	2,693,000	3,962,750	1,577,000	3,134,901	14,991,902	17,427,902
Deposit diterima	396,100	5,000	329,500	40,000	194,300	302,000	1,266,900	1,275,000
	3,728,601	296,750	3,022,500	4,002,750	1,771,300	3,436,901	16,258,802	18,702,902
Deposit dikembalikan	(104,000)	(10,000)	(93,000)	(177,500)	(19,000)	(93,100)	(496,600)	(578,000)
	3,624,601	286,750	2,929,500	3,825,250	1,752,300	3,343,801	15,762,202	18,124,902
Deposit dilucuthak (Nota 14)	(725,000)	(40,000)	(590,000)	(925,000)	(39,000)	(487,000)	(2,806,000)	(3,133,000)
Pada 31 Disember	2,899,601	246,750	2,339,500	2,900,250	1,713,300	2,856,801	12,956,202	14,991,902

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

12. GERAN TERTUNDA

Geran Tertunda adalah merujuk kepada geran dalam bentuk tunai yang diterima daripada Kerajaan dan pihak luar bagi tujuan seperti mana dinyatakan di Nota 3.10. Geran tertunda FINAS terdiri daripada :-

	2022 RM	2021 RM
Geran Tertunda Pembangunan (Nota 12 (a))	49,976,503	46,234,608
Geran Tertunda Amanah (Nota 12 (b))	6,500,142	8,062,146
Geran Tertunda Dana-dana Lain (Nota 12 (c))	21,317,851	10,474,561
	77,794,496	64,771,315

(a) Geran Tertunda Pembangunan

	RMK 11 RM	RMK 12 RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2021	131,267,342	-	131,267,342
Terimaan	40,196,686	26,681,052	66,877,738
Pelunasan	(74,998,099)	(5,485,856)	(80,483,955)
Baki seperti dilaporkan terdahulu	96,465,929	21,195,196	117,661,125
Kesan peralihan MPSAS	(64,095,924)	(7,330,593)	(71,426,517)
Pada 1 Januari 2022	32,370,005	13,864,603	46,234,608
Terimaan	43,977,000	28,997,000	72,974,000
Pemulangan	(2,022,389)	-	(2,022,389)
Pelunasan	(56,487,812)	(10,721,904)	(67,209,716)
Pada 31 Disember 2022	17,836,804	32,139,699	49,976,503

(b) Geran Tertunda Amanah

	Dana DIKD RM
Pada 1 Januari 2021	5,483,207
Terimaan	3,000,000
Pemulangan	(38,600)
Pelunasan	(382,461)
Pada 31 Disember 2021	8,062,146
Pelunasan	(1,562,004)
Pada 31 Disember 2022	6,500,142

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

12. GERAN TERTUNDA (SAMBUNGAN)

(c) Geran Tertunda Dana-dana Lain

	Dana duti hiburan filem RM	Dana dokumentari RM	Dana kenegaraan RM	Dana animasi RM	Dana-dana lain RM	Dana CILL RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2021	2,762,003	276,618	5,988,552	4,395,377	3,000,088	1,929,241	18,351,879
Terimaan	-	-	-	-	220,740	-	220,740
Pemulangan	-	(86,556)	-	-	-	(73,492)	(160,048)
Pelunasan	-	(91,123)	(4,731,957)	-	(4,375,489)	-	(9,198,569)
Baki seperti dilaporkan terdahulu	2,762,003	98,939	1,256,595	4,395,377	(1,154,661)	1,855,749	9,214,002
Kesan peralihan MPSAS	-	(8,000)	-	-	1,268,559	-	1,260,559
Pada 1 Januari 2022	2,762,003	90,939	1,256,595	4,395,377	113,898	1,855,749	10,474,561
Terimaan	-	-	-	-	26,952,677	-	26,952,677
Pelunasan	-	-	(134,509)	(1,551,428)	(13,605,192)	(818,258)	(16,109,387)
Pada 31 Disember 2022	2,762,003	90,939	1,122,086	2,843,949	13,461,383	1,037,491	21,317,851

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

13. LESEN DAN BAYARAN FILEM

	2022 RM	2021 RM
Perolehan lesen sumber filem	832,100	766,200
Perolehan lesen sumber video	173,300	196,000
	1,005,400	962,200
Bayaran filem	539,065	498,545
	1,544,465	1,460,745

14. PENDAPATAN TRANSAKSI BUKAN PERTUKARAN LAIN

	2022 RM	2021 RM
Kompaun	10,300	3,400
Deposit lucuthak (Nota 11)	2,806,000	3,133,000
	2,816,300	3,136,400

15. EMOLUMEN

	2022 RM	2021 RM
Gaji dan upah	13,505,505	13,022,426
Elaun tetap	4,545,672	4,421,598
Sumbangan Berkanun Kakitangan	272,282	263,467
Elaun lebih masa	1,867,350	1,059,219
Pencen	2,214,635	2,117,612
Lebihan peruntukan gantian cuti rehat kakitangan	(151,851)	(409,376)
Elaun dan imbuhan lain-lain	882,649	561,512
	23,136,242	21,036,458
Gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi:		
Ahli Perbadanan	487,207	634,416
Pengurusan tertinggi	661,296	549,775
	24,284,745	22,220,649

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

16. CUKAI

	2022 RM	2021 RM
Peruntukan cukai semasa	107,130	200,000
Kurangan peruntukan tahun terdahulu	-	105,643
	107,130	305,643

17. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

17.1 Kategori instrumen kewangan

	Nilai bawa RM	Aset/ (Liabiliti) kewangan pada kos terlunas RM
2022		
Aset kewangan		
Penghutang transaksi pertukaran	832,574	832,574
Tunai di tangan dan di bank	121,250,638	121,250,638
	122,083,212	122,083,212
Liabiliti kewangan		
Pemutang	4,270,101	4,270,101
2021		
Aset kewangan		
Penghutang transaksi pertukaran	1,198,349	1,198,349
Tunai di tangan dan di bank	111,907,666	111,907,666
	113,106,015	113,106,015
Liabiliti kewangan		
Pemutang	156,735	156,735

17.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

FINAS terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko FINAS adalah memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan, termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

17. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

17.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

(a) Risiko kredit

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak balas memungkirkan obligasi mereka. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan setiap kelas aset kewangan.

Penghutang daripada transaksi pertukaran

Penghutang daripada transaksi pertukaran majoritinya terdiri daripada penghutang sewaan fasiliti, penghutang bayaran filem dan perkhidmatan FINAS. Baki penghutang dipantau secara berterusan supaya FINAS tidak terdedah kepada risiko hutang lapuk yang signifikan.

Pendedahan kepada risiko kredit

FINAS tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang daripada transaksi pertukaran.

Pinjaman kepada kakitangan

FINAS memberi pinjaman kenderaan dan komputer yang tidak bercagar kepada kakitangan.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Risiko kredit terhadap pinjaman kakitangan adalah tidak signifikan kerana baki pinjaman belum terima diperolehi setiap bulan melalui pemotongan gaji.

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan FINAS untuk memenuhi obligasi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Pendedahan FINAS kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidaksepadanan kematangan aset dan liabiliti kewangan.

Objektif FINAS adalah untuk mengekalkan tahap aliran tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan modal kerjanya.

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan FINAS pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada tanggungan bayaran balik yang tidak didiskaunkan mengikut kontrak adalah kurang daripada setahun atau atas permintaan.

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merupakan risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi FINAS akan menurun-naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

FINAS terdedah kepada risiko kadar faedah dari simpanan tetap dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Simpanan tetap diletakkan pada kadar kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling menguntungkan.

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen berkadar tetap

FINAS tidak mengakaunkan aset dan liabiliti kewangan berkadar tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Oleh itu, perubahan kadar faedah pada akhir tahun pelaporan tidak akan menjejaskan lebihan atau defisit.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

17. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

17.3 Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai dibawa aset dan liabiliti yang diklasifikasikan sebagai semasa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama kerana sifat jangka pendek dan kesan pendiskaunan yang tidak ketara terhadap instrumen kewangan ini.

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dan Tahap 2 dalam tahun kewangan semasa. (2021: Tiada pindahan).

18. KOMITMEN MODAL

	2022 RM	2021 RM
Perbelanjaan modal yang diluluskan dan telah dikontrakkan:		
Hartanah, loji dan peralatan:		
Kenderaan	358,525	-
Perabot dan kelengkapan	-	2,097,250
Komputer dan peralatan teknologi maklumat	-	1,867,677
	358,525	3,964,927

19. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan tahun lepas mengandungi pelarasan untuk perubahan polisi perakaunan yang dibuat secara retrospektif.

i. Perubahan disebabkan pemakaian MPSAS

Seperti yang dinyatakan di Nota 2.1, penyata kewangan ini merupakan set penyata kewangan kedua yang disediakan menurut MPSAS. Penyata kewangan untuk tahun 2020 dan sebelumnya dibuat menggunakan MPERS.

Geran tertunda pembangunan (sebelum pemakaian MPSAS) telah diiktiraf sebagai liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan FINAS, manakala pelunasan geran diiktiraf sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan untuk tahun-tahun perbelanjaan geran berkenaan dibuat.

Di bawah MPSAS, pelunasan geran diiktiraf penuh apabila obligasi/syarat geran telah terlaksana. Untuk penyata kedudukan kewangan tahun semasa, baki pembukaan pada 1 Januari 2020 dan 1 Januari 2021 untuk beberapa program/projek di bawah geran pembangunan telah diselaraskan secara retrospektif kerana syarat geran telah terlaksana.

ii. Pelarasan lain

Pelarasan hartanah, loji dan peralatan dibuat bagi melaraskan perekodan aset alih FINAS di sistem yang digunakan oleh Unit Pengurusan Aset (UPA) dan sistem kewangan yang didapati tidak selari kerana perekodan aset-aset lama yang tidak dibuat secara teratur.

Penjelasan bagaimana kesan pengiktirafan retrospektif ke atas perkara-perkara di atas kepada Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan dibentangkan seperti di muka surat yang berikut:

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

19. PELARASAN TAHUN LEPAS (SAMBUNGAN)

19.1 Penyesuaian Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2021	Seperti dilaporkan terdahulu RM	Kesan peralihan/ Peralihan lain RM	Seperti dilaporkan semula RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	241,820,743	602,930	242,423,673
Aset tak ketara	2,825,135	(56,064)	2,769,071
Penghutang transaksi pertukaran	248,624	-	248,624
	244,894,502	546,866	245,441,368
ASET SEMASA			
Penghutang transaksi pertukaran	949,725	-	949,725
Tunai di tangan dan di bank	111,907,666	-	111,907,666
	112,857,391	-	112,857,391
JUMLAH ASET	357,751,893	546,866	358,298,759
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	2,961,628	(80,000)	2,881,628
Peruntukan manfaat kakitangan	186,837	-	186,837
Peruntukan cukai	28,574	-	28,574
	3,177,039	(80,000)	3,097,039
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan manfaat kakitangan	1,524,452	-	1,524,452
Depositi filem	14,991,902	-	14,991,902
Depositi pelupusan harta	1,613	-	1,613
Geran tertunda	134,937,273	(70,165,958)	64,771,315
Liabiliti cukai tertunda	1,606,793	-	1,606,793
	153,062,033	(70,165,958)	82,896,075
JUMLAH LIABILITI	156,239,072	(70,245,958)	85,993,114
ASET BERSIH	201,512,821	70,792,824	272,305,645
EKUITI			
Lebihan terkumpul	163,281,070	70,792,824	234,073,894
Rizab penilaian aset	37,531,751	-	37,531,751
Kumpulan wang pinjaman	700,000	-	700,000
	201,512,821	70,792,824	272,305,645

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2022

19. PELARASAN TAHUN LEPAS (SAMBUNGAN)

19.2 Penyesuaian Penyata Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021	Seperti dilaporkan terdahulu RM	Kesan peralihan/ Peralihan lain RM	Seperti dilaporkan semula RM
PENDAPATAN			
Transaksi bukan pertukaran			
Geran mengurus	35,322,746	-	35,322,746
Pelunasan geran tertunda	90,064,984	-	90,064,984
Lesen dan bayaran filem	1,460,745	-	1,460,745
Pendapatan transaksi bukan pertukaran lain	3,136,400	-	3,136,400
	129,984,875	-	129,984,875
Transaksi pertukaran			
Produksi dan latihan	196,111	-	196,111
Promosi dan perolehan	23,573	-	23,573
Sewaan	234,280	-	234,280
Faedah	274,774	-	274,774
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan	57,726	-	57,726
Pendapatan lain	215,752	140,000	355,752
	1,002,216		1,142,216
JUMLAH PENDAPATAN	130,987,091	140,000	131,127,091
PERBELANJAAN			
Emolumen	22,220,649	-	22,220,649
Perkhidmatan dan bekalan	80,043,670	-	80,043,670
Pemberian dan kenaa tetap	21,061,973	-	21,061,973
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	7,582,118	-	7,582,118
Pelunasan aset tak ketara	688,372	(16,882)	671,490
Perbelanjaan lain	170,442	-	170,442
JUMLAH PERBELANJAAN	131,767,224	(16,882)	131,750,342
DESIFIT SEBELUM CUKAI	(780,133)		(623,251)
Cukai	(305,643)	-	(305,643)
DEFISIT TAHUN SEMASA	(1,085,776)	-	(928,894)



Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia,
Kompleks Studio Merdeka, Jalan Hulu Kelang,
68000 Ampang, Selangor, MALAYSIA.



603-41041300



603-41075216



info@finas.my



<http://www.finas.gov.my>